

Jilid V
No. 43



Hari Rabu
12hb Februari, 1969

PERBAHATHAN PARLIMEN

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KELIMA

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 6181]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Keselamatan Sosial Pekerja [Ruangan 6197]

The Pensions (Temporary Provisions) (Sarawak) Bill [Ruangan 6235]

Rang Undang² Pendaftaran Penjenayah dan Orang² yang tak di-ingini [Ruangan 6242]

The National Land Code (Amendment) Bill [Ruangan 6262]

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL) [Ruangan 6238]

MALAYSIA

**DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA
PENGGAL YANG KELIMA**

Penyata Rasmi

Hari Rabu, 12hb Februari, 1969

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiarian dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).

- Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan,
TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh,
TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan,
TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri,
TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.
(Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
- „ DATO' SYED ESA BIN ALWEE, D.P.M.J., J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- Yang Berbahagia TAN SRI HAJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- Yang Berhormat TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM, J.P. (Batu Gajah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bharu Barat).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SIEW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).

Yang Berhormat **TUAN SOH AH TECK** (Batu Pahat).

- „ **TUAN SULAIMAN BIN ALI** (Dungun).
- „ **TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K.** (Bagan Datoh).
- „ **TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB** (Krian Laut).
- „ **PENGIRAN TAHIR PETRA** (Sabah).
- „ **TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K.** (Larut Utara).
- „ **TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N.** (Kulim Bandar Bharu).
- „ **TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN** (Sarawak).
- „ **TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P.** (Bagan).
- „ **TUAN TAN TOH HONG** (Bukit Bintang).
- „ **TUAN TAN TSAK YU, P.B.S.** (Sarawak).
- „ **TUAN TIAH ENG BEE** (Kluang Utara).
- „ **TUAN TOH THEAM HOCK** (Kampar).
- „ **TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD** (Pasir Mas Hulu).
- „ **TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K.** (Langat).

YANG TIADA HADHIR :

Yang Berhormat Menteri Kewangan, **Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.** (Melaka Tengah).

- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia **TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P.** (Larut Selatan).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia **TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P.** (Batang Padang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, **TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K.** (Ulu Selangor).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia **TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K.** (Sarawak).
- „ Menteri Kebajikan ‘Am, **DR NG KAM POH, J.P.** (Telok Anson).
- „ Menteri Hal Ehwal Sabah, **DATO’ GANIE GILONG, P.D.K., J.P.** (Sabah).
- „ Menteri Muda Ta’ Berjabatan, **TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN** (Kota Star Utara).
- „ **WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.** (Sarawak).
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS** (Sabah).
- „ **WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM** (Sarawak).
- „ **TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S.** (Sarawak).
- „ **TUAN CHAN SEONG YOON** (Setapak).
- „ **TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S.** (Sarawak).
- „ **TUAN C. V. DEVAN NAIR** (Bungsar).
- „ **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN** (Sarawak).
- „ **TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K.** (Sabah).
- „ **TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K.** (Sabah).

Yang Amat Berbahagia **TUN DR ISMAIL BIN DATO’ HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J.** (Johor Timor).

Yang Berhormat **TUAN THOMAS KANA, K.M.N.** (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).

- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

- „ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA.

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Meshuarat)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

KAMUS UMUM OLEH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

1. **Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara)** bertanya kepada Menteri Pelajaran (a) bila-kah Kamus Umum yang di-usahakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka akan siap; (b) siapa dan berapa ramai pegawai² yang meng-usahakan-nya dan (c) ada-kah Kamus ini meliputi istilah² teknik, sains, ekonomi dan undang².

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sekerip-nya telah pun siap tetapi perchetakan-nya di-jangka akan siap hanya pada pertengahan tahun 1969. Sa-bahagian besar daripada sekerip ini telah di-hantar kapada penchetak semenjak pertengahan tahun 1968;
- (b) Kamus ini di-usahakan oleh Bahagian Perkamusian Dewan Bahasa dan Pustaka yang diketuai oleh Dr T. Iskandar, sa-orang pakar dalam bidang perkamusian dan di-bantu oleh enam orang pegawai;
- (c) Ya, tetapi hanya meliputi istilah² teknik, sains, ekonomi dan undang² yang selalu di-gunakan oleh orang ramai sahaja. Untuk

istilah² teknik, sains, ekonomi dan undang² yang tidak bagitu digunakan oleh orang ramai, adalah di-sediakan kamus² istilah dan sa-banyak enam buah telah pun di-terbitkan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan Kamus Umum ini, gemar saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri Muda Pelajaran, ada-kah Kementerian ini bersedia hendak menanggohkan penyebaran kamus itu hingga dapat di-laksanakan ejaan baharu antara Indonesia dengan Malaysia itu dengan menggunakan ejaan dalam kamus itu ejaan Malindo.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu ia-lah tidak boleh, oleh kerana sekerip² itu telah di-hantarkan kepada penchetak². Jadi permintaan itu, pada fikiran saya, tidak boleh di-jalankan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini berchadang, sa-lain daripada meng-adakan Kamus Umum ini, akan meng-adakan dua buah kamus lagi, kamus bahasa Melayu dan Inggeris dan kamus bagi penuntut².

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan di atas itu boleh dapat di-pertimbangkan oleh Kementerian saya.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, berapa-kah lama mengambil masa kamus ini mula di-usahakan hingga di-chetak dan boleh di-sibarkan kepada orang ramai.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, bila penchetak² ini telah siap memang itu boleh di-keluarkan—kita harap boleh di-keluarkan pada akhir tahun ini.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Yang saya tanya Menteri Yang Berhormat ini, berapa lama sudah di-ambil masa daripada mula di-usahakan kamus ini hingga di-chetak.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya telah chakap tadi, sekerip² itu telah pun di-sampaikan kepada

penchetak² semenjak pertengahan tahun 1968. Jadi itu terpaksa-lah menunggu penchetakan² ini siap baharu-lah boleh di-keluarkan. Saya harap ini boleh dilaksanakan di-akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih kurang dua tahun-lah.

Tuan Lee Siok Yew: Ya-lah, lebih kurang dua tahun.

ISTILAH² OLEH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

2. Tuan Ahmad bin Arshad: bertanya kepada Menteri Pelajaran (a) sa-takat ini berapa banyak istilah² yang telah di-hasilkhan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka; (b) ada-kah benar istilah² ini tidak memberi kesan kapada perkembangan Bahasa Kebangsaan; (c) ada-kah Jawatan-kuasa Istilah itu di-letak di-bawah arahan Dewan Bahasa dan Pustaka dan berapa orang ahli²-nya serta sebutkan nama² mereka.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Sa-takat ini 90,879 istilah telah di-hasilkhan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka;

(b) Tidak benar. Banyak di-antara istilah² ini telah di-gunakan dalam buku², majallah² dan surat² khabar.

(c) Tidak. Jawatan-kuasa ini hanya di-lantek oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan mempunyai kuasa yang penoh untok mencipta istilah² dengan berdasarkan kapada peratoran² tertentu. Jumlah ahli² Jawatan-kuasa² Istilah ini ia-lah 321 orang dan oleh kerana ramai bilangan-nya saya fikir tidak payah-lah di-sebutkan nama ahli² di-sini. Saya sedia memberikan satu senarai nama² itu kapada Ahli Yang Berhormat, jika-lau beliau berkehendakannya.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berkehendakkan nama itu, chuma saya hendak lanjutkan soalan tambahan. Ada-kah Kementerian ini mengkaji sa-mula

bagi membentok istilah baharu itu dicipta untuk bahasa Melayu yang diseragamkan dengan bentuk Indonesia supaya dapat bersatu dengan kukuh dua bahasa itu?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, ya.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedia hendak membinchangkan bagi mengadakan satu perjumpaan bertukar fikiran di-antara ahli² bahasa dalam negeri ini untuk istilah itu?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu boleh di-buat bila masa-nya sudah tiba.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar bahawa istilah² yang di-usahakan oleh Dewan Bahasa sangat susah di-fahami dan pada masa yang akhir ini Lembaga Pepereksona sendiri menggunakan istilah-nya dalam membuat soalan pepereksona. Umpama-nya "makan daging", Dewan Bahasa telah mengistilahkan "Maging", makan daun—, "maun", sedangkan nama makan daging ini sudah di-ketahui oleh umum atau makan daun ini telah diketahui oleh umum, mengapa hendak menimbulkan istilah "maging", "maun" itu?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ia-lah soalan yang lain, tetapi saya minta soalan di atas dengan bersurat.

PEMBELIAN BINTANG² DARJAH KEBESARAN NEGERI

3. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor) bertanya kepada Perdana Menteri dari negeri mana-kah Kerajaan membeli bintang² kebesaran; jika bintang² itu di-beli dari negeri luar; kenapa-kah peluang membuat bintang² kebesaran ini tiada di-beri kepada sharikat² tempatan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bintang² darjah kebesaran negeri ini di-buat oleh gudang² yang di-sifatkan sa-bagai gudang yang layak membuat bintang² sa-bagaimana yang kita kehendaki itu. Jadi dengan kerana

itu-lah di-beri kepada Sharikat Jagiraj Berhad London dan Sharikat Oil-mint di-London dan juga Sharikat Sena Berhad Singapura. Dan dahulu dari-pada di-buat ini kita keluarkan tender dan di-dapati tender daripada gudang² tempatan tidak ada.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan berchadang hendak membukakan tender itu kapada perusahaan negara lain sa-lain daripada negara Inggeris, umpama-nya Germany, France, Russia dan lain².

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itu boleh di-buat, tetapi yang kita kehendaki bukan banyak mana. Jadi dengan kerana sudah biasa di-buat di-satu² tempat itu, jadi dia tahu, sudah ada chontoh² dan sudah ada achuan² semua, jadi senang buat di-tempat² itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana medal² ini tidak bagitu banyak kita buat pada tiap² tahun dan benda ini pun boleh di-buat di-dalam negeri ini, ada-kah pada masa yang akan datang Kerajaan akan menawarkan tukang² di-negeri Kelantan membuatnya?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, yang sa-benar-nya bintang² yang di-buat ini ia-lah ada kegunaan yang pertukangan yang di-katakan expert, fasal dalam bintang² ini, ada di-panggil enamel. Jadi di-sini tidak dapat di-buat enamel itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kapada ukiran² yang bermutu yang di-hadiahkan oleh Kerajaan kita kapada Raja² dan Kepala² Negara di-luar negeri, kebanyakan-nya di-buat oleh tukang² emas di-Kelantan, dengan demikian ada-kah Kerajaan akan menimbang bagi mencuba perkara itu di-Kelantan, terutama masaalah bintang² ini, memang di-Kelantan itu chukup expert berkenaan dengan bintang² (*Ketawa*).

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, boleh, tentu, tetap kita terima tetapi itu-lah saperti saya kata tadi

enamel ini yang susah, yang hendak dibuat oleh tukang² di-negeri ini.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa ia-itu membuat enamel itu telah pun di-jalankan oleh tukang² emas di-Kelantan berpuloh² tahun lama-nya dan saya telah bernalasib baik boleh melihat banyak bintang² kehormatan yang telah di-perbuat dan dibentok oleh Almarhum² Sultan Kelantan yang di-buat di-sana sangat baik perbuatan-nya dan enamel ini termasuk-lah satu daripada pertukangan yang di-jalankan dalam membentuk bintang² itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tidak sama enamel. Saya sudah tengok tukang emas di-sini baik pun orang China, tukang emas China atau Melayu dengan enamel yang di-buat di-London dan di-luar negeri—itu tidak sama. Jadi kawan, sahabat saya di-sini pun kata Kelantan pun buat dari luar negeri.

NASKHAH TAFSIR QUR'AN— PENCHETAKAN DAN PENJUALAN

4. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kapada Perdana Menteri berapa banyak-lah naskhah Tafsir Qur'an telah di-chetak dan apa-kah ranchangan Kerajaan untuk menjual Tafsir² itu dan berapakah harga jualan pada sa-buah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, naskhah Qur'an yang telah di-keluarkan dan yang telah di-chetakkannya ia-lah sa-banyak 5,000 naskhah. Ke-banyakannya naskhah² ini telah pun di-jual sa-masa di-adakan pertandingan membacha Qur'an dan sekarang ini ada-lah di-keluarkan lagi dan harganya, Kerajaan tidak mengambil untung, ia-lah \$10.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan sedar atau pun ada-kah sampai kepada pengetahuan Kerajaan bahawa tafsir Qur'an ini telah di-lakukan oleh beberapa orang pengarang. Dengan demikian tidak di-buat bersama, tetapi di-kumpulkan hasil karya bersama. Jadi arti-nya kalau enam orang men-

tafsirkan itu, satu² bahagian itu di-buat oleh orang yang lain. Dengan demikian aliran pentafsiran itu nampak sangat tidak mempunyai satu aliran. Ada-kah ini sudah di-siasat oleh Kerajaan dalam tafsir itu? Ini satu defect di-dalam commentary Qur'an itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Qur'an ini di-tafsirkan di-dalam pejabat saya sendiri dan yang mentafsirkan itu ia-lah sa-orang sahaja, tidak di-gunakan enam orang, tetapi tujuan Persidangan Raja² dahulu itu ia-lah di-adakan wakil daripada Negara² untuk mentafsirkan Qur'an ini dan kerana mereka mengambil masa yang lampau dan tidak di-sediakan satu juz pun, jadi dengan kerana itu saya ambil buat di-pejabat saya dengan sa-orang sahaja yang mentafsirkan Qur'an itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh memperbetulkan ia-itu maklumat rasmi yang saya dapat, kerja² ini di-buat oleh enam orang mengikut jawapan yang bertulis. Saya memang berterima kasih di atas perbuatan ini, tetapi yang saya bertanya sekarang ini, ada-kah Kerajaan sedar akibat daripada banyak orang membuat, maka aliran karangan itu melompat² dan itu menjatohkan nama baik Tunku pada hal kita mennggu yang baik.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar dan dengan kerana itu di-gunakan sa-orang sahaja sekarang ini.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan berchadang bahawa tafsiran Qur'an ini supaya di-gunakan di-Sekolah² Ugama dalam negara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini terpulang kapada timbang-an negeri² kerana semua sekolah² ugama di-kuasai oleh negeri.

PERSIDANGAN NEGARA² ISLAM—PERBELANJAAN

5. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kapada Perdana Menteri :

(a) siapa-kah yang akan menanggong perbelanjaan Persidangan

Negara² Islam yang akan di-adakan pada bulan April;

- (b) bagaimana chara-nya Kerajaan berchadang hendak melaksanakan keputusan² yang akan diambil di-dalam Persidangan itu walhal perkara Ugama Islam ia-lah di-bawah kuasa Raja² dan ada di-antara Duli² Yang Maha Mulia Raja² itu telah tiada dapat memperkenankan negeri-nya mengambil bahagian dalam Persidangan itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pertama-nya tanggongan perbelanjaan bagi persidangan itu untuk di-adakan di-sini, perbelanjaan dari-pada Kerajaan kita di-sini, jadi perbelanjaan wakil² yang datang daripada luar negeri ada-lah daripada Kerajaan negeri masing². Jadi bagi menjawab soalan yang kedua, bagaimana-kah chara-nya Kerajaan berchadang hendak melaksanakan keputusan²-nya itu, sa-bagaimana biasa-nya Kerajaan akan kemukakan segala keputusan² yang diambil ia-lah kapada Persidangan Raja² kerana kita sedar bahawa kuasa berkenaan dengan ugama yang di-tentukan di-dalam Perlembagaan negeri kita ini ia-lah di-tangan Sultan², tetapi yang di-anjorkan di-sini, persidangan yang luar biasa sa-umpama itu, ini-lah kali yang pertama-nya yang di-jalankan bagi sa-buah negeri Islam. Daripada dahulu-nya itu kebanyakkan persidangan² yang sa-umpama itu di-jalankan oleh pehak² ugama, alim ulama, tiap² satu negeri sahaja berkenaan dengan hal ugama. Jadi pada kali ini ia-lah semua wakil² yang akan hadzir di-sini, melainkan pemerhati, ia-lah wakil² daripada tiap² satu Kerajaan. Jadi kehormatan yang telah di-berikan kepada Kerajaan kita oleh saudara² kita negeri Islam yang lain itu, bagaimana yang saya kata tidak di-sangka. Jadi perkara² yang akan di-bichangkan ia-lah perkara² ugama dan keputusan² yang di-ambil terpulang-lah kapada pehak masing² Kerajaan yang menghantar wakil di-sini untuk menjalankan atau tidak, tetapi apa yang penting-nya ia-lah perkara yang kita ini tidak berapa sah di-negeri kita ini atas perkara² berkenaan dengan ugama baik pun perkara kecil atau pun perkara besar, ini elok-lah dapat kita

bahathkan atau binchangkan di-sini supaya dapat kita tahu apa yang sa-benar-nya dan apa pendapat alim ulama² dari luar² negeri di-atas hal² itu supaya boleh menjadikan satu kegunaan kapada kita di-sini. Jadi hendak guna, tak guna itu, terpulang-lah kapada Kerajaan di-negeri² kita di-sini. Dan saya sedar ada juga dalam negeri² kita Tanah Melayu ini yang belum lagi menjawab hendak datang hadzir persidangan untuk negeri² kita di-sini atau tidak. Jadi saya menunggu sahaja-lah, saya harap Raja² Negeri² yang tersebut akan sedar kepentingan negara, kepentingan di-dalam bidang antara bangsa atau international muhul-lah di-utamakan, kerana kita ini satu negeri yang kecil dan kehormatan yang negeri² Islam yang besar² telah berikan kapada kita ini patut-lah kita hargai. Dan jikalau ada Raja² berperasaan bahawa persidangan yang kita buat ini ada-lah melanggar adat, atau melanggar kuasa mereka itu, ini ada-lah salah faham. Jadi saya rasa Raja² akan memberikan tempat kapada negeri kita di-dalam kedudukan international, kerana kita ini satu negeri yang kecil dan satu negeri yang dahulu pada mereka itu tidak di-kenal oleh saudara² Islam kita yang lain, di-pandang kita ini sa-bagai satu manusia yang tidak berhak di-dalam hal² ugama, baik hal² politik muhu pun dari semenjak merdeka ini, sama ada pun dalam lapangan ekonomi atau di-dalam lapangan politik international atau di-dalam lapangan ugama, kita telah mendapat tempat yang tinggi.

Baharu² ini saya di-London pun rombongan daripada Negeri² Arab telah pun berjumpa dengan saya dan memberi akuan mereka hendak hadzir di-persidangan ini dan juga mengeluarkan pujian² terhadap segala² tindakan yang kita telah ambil di-atas hal ugama Islam terutama sa-kali Perpaduan Membacha Qur'an Antara Bangsa yang sekarang ini telah mendapat pujian keseluroh negeri² Islam. Jadi kali ini pula juga sa-kira-nya dapat negeri² yang kita jemput semuanya hadzir tentu-lah kita akan dapat juga tempat yang tinggi di-dalam negeri² Islam dan baharu kelmarin kita dapat Titah daripada Duli Yang Maha

Mulia Raja Saudi, dia akan hantarkan wakil hadzir sama. Jadi dalam jemputan yang kita terima boleh katakan 80% negeri² kita jemput itu akan hadzir dalam Persidangan ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah benar bahawa Yang Teramat Mulia Perdana Menteri takut hendak mencheritakan negeri² mana-kah di-Tanah Melayu ini yang belum memberi persetujuan. Jikalau tidak, dapat-kah Perdana Menteri dengan berani-nya menyebutkan apa Negeri² itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, jadi patut juga Ahli² Parlimen berhak tahu; yang sa-benar-nya negeri mana yang belum jawab, bukan yang tak dapat hadzir; yang belum jawab hendak hadzir itu ia-lah negeri saya Kedah, dan negeri Tun Razak, Pahang. Lain² semua sudah jawab.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, berapa-kah anggaran perbelanjaan yang akan di-peruntokkan kerana persidangan yang akan di-adakan itu?

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, saya minta di-ulang sa-kali lagi.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu berapa-kah banyak peruntukan wang untok digunakan kerana persidangan yang akan di-adakan?

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, ini ber-gantong kapada berapa buah negara yang akan mengambil bahagian. Satakat ini kita telah menerima jawapan yang tentu dengan bertulis daripada 10 buah negara dan kita sedang menunggu lagi jawapan² daripada negara yang lain. Agak² lebuh \$200,000, kerana kita kena belanja hotel, kena belanja transport dan lain² lagi. Tiap² sa-buah negeri kita rasa akan menghantar di-antara tiga atau pun lima orang ka-Persidangan ini.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, apa-kah sa-kira-nya kalau ada negara²

yang bukan negara Islam, tetapi ada mempunyai ra'ayat yang berugama Islam dalam negara itu, mahu men-champori dalam persidangan ini, adakah akan di-terima dengan nama negara atau pun dengan nama badan²?

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, ini ber-gantong kapada negara itu sendiri. Jemputan kita dan yang telah di-perse-tuji oleh negara² yang telah di-lawat oleh rombongan beberapa bulan dahulu ia-lah persidangan ini akan di-adakan di-perengkat Kerajaan atau pun pe-rengkat pemerintahan. Maka negara² Islam yang boleh di-katakan negara Islam ia-lah saperti negara Malaysia kita ini yang dalam Perlembagaan-nya tercatat bahawa Islam menjadi ugama rasmi atau pun saperti negara² Turkey, Indonesia dan lain² yang penduduk-nya kebanyakannya terdiri daripada umat² Islam lebuh daripada 80 per cent atau pun 90 per cent. Bagi negara² yang lain yang tidak mempunyai Islam sa-bagai ugama rasmi atau pun penduduk² Islam itu sa-bagai gulongan minority, gulongan yang kecil, kita boleh menjemput mereka itu sa-bagai pemerhati, jikalau mereka mahu. Kalau mereka mahu menghantar wakil daripada Kerajaan mereka, itu terpulang kapada mereka. Tetapi persidangan ini ada-lah persidangan di-perengkat Kera-jaan.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri ia-itu boleh jadi bahawa Duli² Yang Maha Mulia Al-Sultan di-dalam negeri kita tidak akan merasai apa² dalam persidangan kita itu, sebab sifat-nya persidangan kita itu hanya memecahkan masaalah² yang bersifat umum sahaja, tetapi sa-kira ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Raja² kita timbul satu perasaan tidak puas hati di atas persidangan yang di-panggil oleh Kerajaan itu, apa-kah sikap Kerajaan untuk menghadapi ka-bawah Duli² Yang Maha Mulia Al-Sultan kita dalam menghadapi masa-alah ugama?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan sangka²; itu tidak boleh.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa sa-orang daripada rombongan yang kita hantar ke Timor Tengah untuk meninjau fikiran negara² Islam, maka beliau ini Ahli yang sama rombongan ini ponting atau dia sakit, ada-kah pada masa akan datang beliau ini akan dihantar sa-kali lagi?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu kata dia bunting (*Ketawa*) tetapi saya dapat tahu dia sakit. Jadi dia bunting, apa dia tanya bunting—ponting? Jadi saya ingat dia sehat. Jadi elok-lah kita hantar rombongan bukan daripada parti kita sahaja bahkan daripada parti² lain yang mengambil bahagian dalam permerentahan, pentadbiran negeri kita ini.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri sedar dengan menghantarkan wakil daripada Pembangkang ia-itu daripada Bachok itu, dia telah berkempen di-luar yang mengatakan di-dalam Perikatan ini tidak ada orang tokoh yang boleh berbahasa Arab yang boleh menyertai Menteri kita ka-luar negeri bagi meninjau negeri² lain dan dia telah mengatakan bahawa Tunku Perdana Menteri sendiri-lah yang meminta beliau itu pergi ka-luar negeri, kerana kita tidak ada orang yang hendak di-hantar—ada-kah Perdana Menteri sedar perbuatan PAS yang saperti ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu kata dia buat bagitu; tetapi itu memang-lah parti Pembangkang, dia hendak chari pe-luang; tidak apa-lah biar dia pergi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kenyataan daripada Perdana Menteri; kenyataan saya, saya telah pergi sa-bagai wakil Malaysia, bukan wakil PAS dan walau pun saya sakit

Tuan Yang di-Pertua: Ini soal tam-bahan?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta pen-jelasan daripada Perdana Menteri,

saya telah pergi dan saya telah menu-naikan kewajipan saya dengan ikhlas. Sa-kira-nya Perdana Menteri fikir saya telah membuat tidak patut pada hari ini saya menchabar Kerajaan menyatakan dan saya boleh bayar balek duit belanja menghantar saya itu (*Ketawa*) sebab bagini, Tuan Yang di-Pertua; ini masaalah negara bukan masaalah parti dan saya amat dukachita, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan satu manusia

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya kata tadi, itu bukan soalan tambahan; (*Ketawa*) itu *challenge* nampaknya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tidak, Tuan Yang di-Pertua, saya minta ma'af, kalau saya ada berchakap kasar. Saya minta bagini sahaja; kalau betul Perdana Menteri tidak puas hati di atas kerja saya dan di-dapati saya betul biadap dalam itu, saya boleh membayar balek tambang, sebab saya berpuas hati kerja saya itu saya telah tunaikan atas nama negara bukan atas nama parti, dan saya rasa dukachita perkara ini di-chakap dengan kurang sopan di-dalam Dewan ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada saya, saya berpuas hati (*Ketawa*). Dia pergi sa-bagai wakil Malaysia, dan saya dapat daripada Menteri, dia berchakap Arab pun pandai, membawa pandai, putar pusing pun pandai (*Ketawa*). Jadi sesuai-lah yang beliau itu pergi dan pekerjaan yang dia buat itu saya nampak puas hati. Tidak payah bayar balek.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan sedar bahawa Ahli dari Bachok itu dalam masa berkempen di-Tumpat telah pun menyatakan perkara yang di-chakapkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak itu dan saya fikir polis ada dan polis boleh mengeluarkan tape recorder-nya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tam-bahan-nya apa?

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan sedar?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab hal itu hal permainan politik, tidak-lah kita ambil bagitu berat.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bahawa Ahli Yang Berhormat yang di-hantar dari Bachok itu yang punca dia sakit dan sebab dia khayal menengok atau mendengar tari gelek di-Timor Tengah (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan (*Ketawa*).

BILANGAN PONDOK² TALIPON DI-KAWASAN² LUAR BANDAR

Tuan Ahmad bin Arshad: bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom:

- (a) berapa banyak-kah pondok² talipon yang di-dirikan di-kawasan luar bandar semenjak ranchangan ini di-laksanakan hingga sekarang;
- (b) berapa banyak-kah yang di-rosakkan;
- (c) berapa banyak-kah orang² yang di-tangkap kerana merosakannya;
- (d) berapa banyak-kah pendapatan yang di-perolehi;
- (e) sama ada perbelanjaan ini ada-lah menjimatkan.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua, sa-banyak 1,366 pondok² talipon telah di-dirikan di-kawasan² luar bandar sa-hingga 31hb Disember, 1968. Jumlah pondok² talipon yang telah di-rosakkan dalam masa enam tahun yang sudah ia-lah seperti berikut:

Tahun 1963	...	66
Tahun 1964	...	71
Tahun 1965	...	68
Tahun 1966	...	74
Tahun 1967	...	101
Tahun 1968	...	83

Dalam masa enam tahun ini lima orang telah di-tangkap kerana merosakkan pondok² talipon di-kawasan² luar bandar. Semua kerosakan² yang telah berlaku ada-lah di-laporkan kapada pehak polis untuk penyiasatan.

Hasil pendapatan ada-lah lebih kurang daripada \$100 hingga \$300 tiap² tahun bagi tiap² pondok talipon di-kawasan² luar bandar. Biasa-nya perbelanjaan terhadap pondok² talipon di-kawasan² luar bandar tidak-lah menjimatkan, tetapi pondok talipon itu peruntukan sa-bagi kemudahan² kapada penduduk² luar bandar.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dengan jawapan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini banyak kerosakan yang di-terima oleh ranchangan membekalkan pondok talipon di-ranchangan² luar bandar, ada-kah Kementerian ini akan mengkaji ranchangan ini sama ada akan di-terus atau di-berhentikan, dengan sebab banyak kerosakan? Ada-kah Kerajaan akan meneruskan ranchangan ini atau mem-berhentikan?

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mahu berhentikan talipon² ini.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya faham bahawa telah pun menjadi satu polisi bagi Kementerian ini ia-itu kalau pondok² ini di-jahanamkan oleh sa-siapa maka tidak akan di-ganti lagi talipon² ini. Yang saya tahu di-kawasan saya telah lebih satu tahun ia-itu satu tempat yang dahulu-nya ada talipon yang telah di-rosakkan oleh sa-siapa, maka tidak ada lagi di-tambah talipon di-situ. Ini ia-lah dengan kerana perbuatan sa-orang yang jahat sahaja, kenapa-kah ini menjadi satu polisi yang mendenda semua penduduk di-situ dengan kerana kesalahan sa-orang sahaja?

Tun V. T. Sambanthan: Belum dapat ganti lagi, Tuan Yang di-Pertua.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

THE WIDOWS AND ORPHANS PENSIONS (AMENDMENT) BILL

Rang Undang² suatu Act the Widows and Orphans Pensions (Amendment)

Act, 1969 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

THE POISONS (SODIUM ARSENITE) (AMENDMENT) BILL

Rang Undang² an Act to amend the Poisons (Sodium Arsenite) Ordinance, 1949 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Setia-usaha Parliment kapada Menteri Kesihatan di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula perbahathan atas masaalah "Bahawa Rang Undang ini di-bachakan kali yang kedua sekarang." (11hb Februari, 1969).

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:
Tuan Yang di-Pertua, menyambong uchapan saya sa-malam saya akan rengkaskan dengan kesimpulan bagini.

Dalam mengalu²kan Rang Undang ini saya membuat kesimpulan bahawa di-dalam Rang Undang² ini ada keistemeaan atau pun significant yang baik, ia-itu ia-lah satu undang² yang berdasarkan hak² asasi manusia yang telah lama di-tunggu oleh negara kita ini.

Yang kedua ada kechantekan atau pun *beauty* dalam Bill ini, *beauty*-nya ia-lah Rang Undang² ini di-kemukakan menjelang pilehanraya dua tiga bulan lagi. Jadi dari segi *significance* dan *beauty* ini, dapat-lah saya memberi tahniah ada pun dari segi baik buroh, atau pun merit dengan demerit, Rang Undang² ini ada tiga perkara sahaja yang saya hendak sebutkan dengan lengkas, kerana saya perchaya Rang Undang² ini di-kemukakan pada kali yang pertama dan akan di-semak pada masa yang akan datang.

Yang pertama ia-lah berkenaan dengan *dependants* atau pun orang² yang menjadi tanggongan pada orang yang di-insurangkan ia-itu termasok anak angkat dan tidak mendapat layanan yang baik daripada undang² ini, kapada anak² yang di-lahirkan di-luar nikah. Tuan Yang di-Pretua, sa-benar-nya mengikut tanggong-jawab manusia anak angkat itu jatoh yang kedua, sebab pada asal-nya ada ibu bapa dan ada warith²-nya yang ber-tanggong-jawab, ada pun anak yang di-lahir dengan chara tidak sah, maka ibu bapa yang bersalah itu-lah yang bertanggong-jawab dan bukan anak itu yang bertanggong-jawab. Kalau bagitu saya dapat peruntukan yang ada di-dalam Rang Undang² ini nampak-nya memandang anak yang di-lahirkan dengan sa-chara tidak sah, yang malang itu tidak mendapat layanan yang baik, malah yang dapat layanan ia-lah anak angkat sedang kedudukan anak angkat dalam negara kita ini satu masaalah yang mesti di-pertimbangkan lebih halus lagi.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan ilat atau pun dalam bahasa Inggeris di-katakan *invalidity* atau pun penyakit² yang menyebabkan sa-saorang pekerja itu di-pandang sa-bagai sa-orang yang patut mendapat bantuan ia-lah tidak termasuk penyakit biasa.

Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi orang mengatakan ini ada-lah satu jaminan sosial kapada pekerja², maka segala penyakit atau pun ilat yang akan menjadi hujjah di-dalam Rang Undang², atau pun Undang² ini ia-lah penyakit² benchana² yang kena-mengena dengan pekerjaan, tetapi yang kita kehendaki di-sini ia-lah jaminan sosial (*social security*) bukan kita titik beratkan employee, atau pun pekerja. Mithal-nya sa-orang pekerja mati sakit jantong, mati terkejut dan tidak boleh di-istilahkan sa-bagai sa-barang benchana mengikut Undang² ini, maka dia tentu-lah tidak mendapat hak mengikut Undang² ini, pada hal mati dalam bekerja dengan mati biasa bagi sa-orang buroh ada-lah sama sahaja dan boleh kita buatkan bahawa kalau kematian biasa mengejut mendapat sagu-hati kurang daripada mati kerana benchana

bekerja. Saya tidak berpuas hati kerana mati biasa itu tidak masok, sebab dependants atau pun orang² yang menjadi tanggongan kapada si-mati itu akan menderita sama-lah juga di-dalam kedua² keadaan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan kedudukan Undang² ini sendiri apabila di-luluskan dengan Undang² yang sudah ada, ia-itu Undang² Factory and Engines Act, 1967, bagitu juga berkenaan dengan Workmen's Compensation banyak kaitan yang saya telah rujukkan sa-malam dan pagi ini saya dapat sa-olah² Rang Undang² ini boleh memansokhkan Rang Undang² yang sudah lama, sebab istilah² yang di-pakai di-sini kebanyakannya di-refer atau pun di-rujuk balek kepada istilah² yang di-pakai dalam Act² yang sudah lalu.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan benchana pekerja yang tidak di-masukkan dalam sa-barang jadual atau pun istilah (term) dalam Rang Undang² ini. Ketika kita memberi faedah kebumian mengikut Clause 29, ia-itu kita memberi satu perbelanjaan mengkebumikan orang yang mati atau pun \$100 yang mana yang kurang, tetapi pekerja dan juga istilah² undang² yang di-pakai dalam undang² ini di-rujuk kepada Undang² yang lain, mithal-nya salah satu benchana yang akan menyebabkan sa-saorang yang mati yang akan dapat faedah mengkebumikan-nya di-bawah Clause 29 ini, kita dapat di-dalam Act Kilang dan Enjin dan Jentera tahun 1967 kita dapat ada sebab² yang boleh mendatangkan penyakit atau pun kematian kapada sa-orang buroh yang di-sebabkan oleh enjin—prime mover. Prime mover ini mengikut istilah Act itu enjin yang besar yang boleh di-gerakkan oleh angin, ayer dan bermacham² lagi. Jadi ini kalau kita rujuk balek kapada istilah itu, maka kita dapat peruntukan yang ada di-dalam Rang Undang² ini sangat lemah. Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, benda ini tidak akan jadi, tetapi dari segi Undang² kita bahathkan, mithal-nya, sa-orang pekerja di-bawa oleh injin masok ka-dalam satu gaung dan dia mati di-situ, hendak mengeluarkan mayat-nya dan hendak membawa

kebumi, tempat hendak di-tanam, jarak tempat tanam itu, kita katakan jauh sadikit dan usaha hendak mengambil itu bukan memakan belanja \$100. Bagaimana kita hendak menggunakan alat² akibat daripada benchana yang di-timbulkan oleh prime mover ini dan kalau kita gunakan crane mithal-nya ada \$100' lebeh usaha hendak mengambil mayat dalam itu. Apabila di-terbitkan mayat itu, kita dapat belanja-nya dekat \$200 sedangkan peruntukan yang di-beri di-bawah Clause 29 ini sa-banyak atau yang kurang, erti-nya maximum-nya \$100.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, mungkin benda itu tidak berlaku tetapi dari segi Undang² terpaksa-lah Undang² itu mesti *comprehensive* baharu-lah dinamakan Undang².

Yang akhir-nya sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya lupa di-sini clause berapa, tetapi saya maseh ingat lagi, ia-itu Act ini hanya di-kenakan kapada badan atau pun tempat² perusahaan yang bilangan pekerja-nya tidak kurang daripada lima orang dan kalau kurang daripada lima orang Menteri yang bertanggong-jawab boleh-lah menimbang dan mengeluarkan satu perentah di-dalam *warta*. Tuan Yang di-Pertua, di-sini satu *defect* bagi Undang² ini, sebab saya tidak nampak apa sebab yang di-hadkan kapada lima orang yang sa-mata² kita tiru² Undang² yang sudah ada dalam negeri ini, mithal-nya, Providnet Fund—Undang² E.P.F. ada sebut tidak kurang daripada lima orang, kita rujukkan balek kapada Undang² yang lain pun tidak kurang daripada lima orang. Jadi sa-mata² kerana precedent itu sahaja, maka dalam Rang Undang² ini pun kita berta'lek buta—blind fate—kapada Undang² itu, pada hal satu Rang Undang² yang sa-macham ini mesti-lah kita bebas. Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu-nya sa-saorang majikan itu menggunakan 20 orang pekerja untuk menyangkol tanah atau mengangkat barang, tiba² majikan ini membeli satu *tractor*, *tractor* ini boleh mengganti 20 orang IMG, jadi dia reduce, dia perturunkan pekerja-nya kapada empat orang. Tiba² berlaku-lah satu benchana khidmat yang tangan-kah, kaki-kah putus, maka

kalau mengikut Rang Undang² ini telah-lah tidak dapat di-pertanggong-jawabkan sa-chara langsung kerana buroh-nya ada-lah empat orang. Dan kalau hendak di-minta pun terpaksa-lah mendapat kebenaran Menteri dan Menteri pula akan menyatakan dalam *Warta* dan ini akan mengambil masa yang panjang kalau² pula buroh itu mati. Ini kesemua-nya, Tuan Yang di-Pertua, chachat² atau pun *defects* yang ada di-dalam Rang Undang² ini.

Pada keselurohan-nya saya dapat-lah menyatakan bahawa ini ada-lah satu Rang Undang² yang baik yang kita kemukakan bagi kali yang pertama dan kita harap pada Parlimen yang akan datang sama ada Kerajaan sekarang akan memerentah atau pun Kerajaan lain, Rang Undang² ini akan di-perbaiki demi untuk kepentingan masharakat negara.

Tan Sri Hajjah Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahathan di atas Act Keselamatan bagi Pekerja² ini saya ada-lah mengalau²kan Act ini yang mana saya dapatti ada-lah meliputi dan 'adil. Dengan itu saya menguchapkan terima kaseh dan tahniah kapada Kerajaan Perikatan yang telah berjaya untuk mengadakan Act ini demi bagi kepentingan kita bersama. Saya harap orang ramai akan sedar bahawa Kerajaan Perikatan ini ada-lah jujur dan bertanggong-jawab.

Sunggoh pun Kerajaan Perikatan ini sebok dengan urusan² meninggikan ekonomi negara dan ekonomi ra'ayat maka Kerajaan Perikatan ini juga tidak lupa di atas tanggong-jawab-nya untuk menjaga kebaikan pekerja² keharmonian hidup ra'ayat negeri ini maka itu-lah kita dapatti Kerajaan Perikatan dengan senyap² telah berjaya mengadakan Act ini dan bagitu-lah sesuai dengan yang telah di-perkatakan oleh Timbalan Perdana Menteri Kerajaan Perikatan menjalankan permerentahan negeri ini dengan semangat revolusi senyap.

Sambil itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendapat penjelasan berhubong dengan muka 30 Clause 51 yang mana berbunyi:

"Jika sa-saorang itu mati dalam tempoh ia berhak menerima faedah² berupa wang (atau

manakala ia berhak mendapat bantuan 'ilat) yang di-peruntukkan di-bawah Act ini, maka faedah (atau bantuan) itu hendak-lah dibayar kapada sa-siapa jua yang di-namakan dengan bertulis oleh si-mati dalam borang yang di-tentukan dalam peraturan² atau, jika tidak ada sa-siapa yang di-namakan, kapada waris atau wakil di-sisi undang² bagi si-mati itu".

Di-sini-lah yang saya berasa churiga sadikit Act ini di-buat ada-lah berupa saperti yang telah di-amalkan oleh Badan E.P.F. yang mana kita di-dapati sekarang penyimpan² E.P.F. telah di-dapati banyak menerima kesusahan² berhubong dengan sa-siapa jua yang di-namakan bertulis oleh si-mati itu, ia-itu tidak di-tuliskan nama si-isteri yang telah di-tetapkan, atau si-anak dan sa-bagai-nya, boleh jadi kalau si-suami itu tuliskan nama girl friend dia dan sa-bagai-nya atau kapada si-anjing dan sa-bagai-nya, ini-lah yang menchurigakan oleh kami semua masa ini. Dari itu hendak-lah dapat di-perbuat di-sini dengan chara di-bubohkan sharat mithal-nya kalau si-mati itu telah tuliskan dalam borang itu maka hendak-lah orang yang akan menerima wang itu, yang di-amanahkan itu, akan berhak menerima bayaran sa-bagai yang di-sebutkan dalam Rang Undang² ini. Tuan Yang di-Pertua, saya dapatti sa-lain dari itu dalam Act ini ada-lah meliputi juga pekerja² perempuan mithal-nya ia-itu yang mempunya tanggongan-nya ia-itu kalau perempuan itu ada anak, anak angkat dan sa-bagai-nya ada-lah tanggongan-nya maka dia akan berhak mendapat bayaran ganti rugi kerja-nya ini.

Dari itu sa-kali lagi saya uchapkan ribuan terima kaseh dan tahniah yang sa-tinggi²-nya kapada pehak Kerajaan Perikatan yang telah berusaha satu lepas satu telah dapat di-adakan bagi kebaikan dan keharmonian bagi ra'ayat negeri ini sa-bagaimana yang telah di-buatkan dalam tempoh permerentahan-nya sa-lama lima tahun ini. Maka tidak-lah menjadi soal mengatakan Act ini di-buat kerana hampir pilehan raya atau tidak-lah menjadi soal mengatakan Act ini di-buat telah lambat patut lama telah di-adakan, saya katakan Kerajaan Perikatan mengadakan Act, ini mengikut keadaan, mengikut keadaan dan kemahuan ra'ayat

negeri ini sendiri, maka sampai masa-nya hari ini Kerajaan mengemukakan Act yang di-bentangkan pada hari ini maka hari ini-lah kita semua menerima Act yang dapat di-buat yang berupa saperti ini. Terima kaseh.

Tuan Haji Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah menyokong penoh Undang² Keselamatan Social Pekerja yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri kelmarin. Sa-bagai sa-buah negara yang baharu membangun dan mempunyai kalangan pekerja yang banyak jurusan, maka sudah sa-wajarnya-lah Undang² ini di-wujudkan untok kepentingan pekerja² kita di-negeri ini. Saya berbanyak² menguchapkan terima kaseh kerana salah satu daripada tempat memulakan perlaksanaan Undang² ini ia-lah di-Johor Bahru dan kaum pekerja di-Johor Bahru tentu-lah menyambut baik perkara ini kerana Kementerian yang berkenaan telah dapat menjadikan Johor Bahru sa-bagai salah satu tempat permulaan berjalan kuat-kuasanya Undang² ini. Dan apa yang saya harapkan jika perkara ini dapat berjalan dengan baik dan mendapat sambutan dari kalangan pekerja² yang mahukan keselamatan sosial-nya terjamin pada masa hadapan, saya harap dengan masa yang sa-sengkat²-nya hendak-lah Kerajaan membesar-kan peruntukan kuatkuasa ini bukan sahaja di-lima tempat yang telah di-tentukan itu, tetapi kapada tempat² yang lain² juga bukan sahaja untok pekerja² 150,000 orang tetapi pada perengkat kedua sa-kurang²-nya sa-paroh dari jumlah pekerja² kita di-dalam negeri kita ini akan mendapat faedah daripada Rang Undang² Keselamatan Sosial Pekerja ini. Sunggoh pun bagi pehak Kementerian pada permulaan-nya telah menjalankan undang² ini kapada pekerja² Kerajaan dan shari-ka² perusahaan, tetapi saya harap Kerajaan jangan-lah lupakan kapada pekerja² di-estet² yang besar² sama ada estet² getah, kelapa sawit, pekerja² pelabuhan dan juga jangan-lah kita lupakan kapada pekerja² yang bekerja dalam perusahaan yang kecil² saperti menangkap ikan. Sunggoh pun perkara itu ada di-dalam Rang Undang² ini,

tetapi di-harapkan supaya perlaksanaan ini sa-banyak sadikit dapat-lah di-berikan kapada mereka yang saya katakan tadi.

Saya juga berharap Undang² yang akan di-jalankan oleh Kerajaan jika Dewan ini meluluskan-nya akan tidak menjadi satu kebimbangan atau kesem-pitan kapada pekerja², kerana apa yang di-jalankan oleh Kerajaan, saya rasa, ini ada-lah satu perkara yang chukup di-kaji dengan sa-masak²-nya dan telah pun mendapat pengalaman dari banyak negeri² yang maju dan sudah pun menjalankan undang² saperti ini. Tetapi apa yang saya patut ingatkan kapada Kementerian ini ia-lah sa-telah Undang² ini di-jalankan, maka jangan-lah hendak-nya chara perlaksanaan-nya berjalan dengan tidak bagitu terator dan akan menyusahkan pekerja² sa-telah mereka terlibat di-dalam suatu kejadian yang membolehkan mereka mendapat faedah dari Undang² ini. Mithal-nya, kelewatan pembayaran tiap² satu pembayaran bagaimana yang selalu berlaku pada sa-tengah² badan yang menjaga dari segi kepen-tingan pekerja² itu. Saya rasa Kemen-terian manakala menjalankan undang² ini maka hendak-lah pula menunjok-kan bahawa perlaksanaan undang² ini akan dapat berjalan dengan lichin dan terator dan segala pembayaran dapat di-bayar dengan segera dan dari situ-lah kita akan dapat di-berikan perhatian sokongan oleh gulongan pekerja² kita untuk menyambut undang² kita ini.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² Keselamatan Sosial Pekerja ini ada-lah suatu hadiah Tahun Baharu yang di-kemukakan oleh Kerajaan kapada kaum pekerja negeri ini bagi menjamin dan menjaga kepentingan mereka itu dan Rang Undang² ini ada-lah menjadi bukti yang terang bahawa Kerajaan Perikatan ada-lah sa-buah Kerajaan yang sentiasa berdiri di-belakang kepentingan kaum buroh, sa-buah Kerajaan yang penoh dengan simpati kapada kedudukan kaum pekerja dan ra'ayat jelata. Alu²an kapada Rang Undang² ini yang telah datang daripada seluroh gulongan kaum buroh di-negara kita ini dan juga

sokongan di-beri dengan penoh hatta oleh semua parti Pembangkang yang ada dalam Dewan ini ada-lah menunjukkan bahawa Rang Undang² ini menepati satu hasrat masharakan yang memang sangat di-hargai dan di-junjung tinggi dan dengan langkah mengadakan Rang Undang² ini, maka boleh-lah di-katakan sa-langkah demi sa-langkah negara kita ini di-bawah pimpinan Kerajaan Perikatan menuju kepada terdiri-nya sa-buah negara kebajikan.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hairan menengok sa-tengah² kalangan ada yang chuba hendak memainkan peranan yang tidak berseh dalam memperkechil²kan usaha yang baik yang di-jalankan menerusi Rang Undang² ini. Saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, sa-tengah akhbar negeri ini telah chuba menyiarkan berita Act Keselamatan Sosial Pekerja ini memberi gambaran yang kecil dan chuba mensabotajkan tujuan baik Rang Undang² ini.

Akhbar *Straits Times* yang keluar pada hari ini (12-2-1969) telah menyiarkan dengan tajok berita besar bahawa Rang Undang² ini hanya untuk 150,000 pekerja sahaja. Padahal berita dalam surat-khabar itu juga pada para yang kecil di-bawah menyatakan sa-benarnya tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk kebajikan 900 pekerja. 150,000 itu hanya-lah pekerja² yang akan menerima faedah pada perengkat permulaan-nya dalam lima buah bandar di-Malaysia ini. Maka perchubaan akhbar *Straits Times* memainkan peranan memberi gambaran sa-olah² hanya sa-bahagian kecil sahaja pekerja² akan dapat faedah daripada Rang Undang² ini ada-lah suatu usaha yang harus di-awasi oleh pehak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya usaha² yang sa-bagai ini tidak dapat di-mainkan dengan bagitu halus dan pandai oleh sa-tengah² pehak yang tidak ada niat yang berseh dan ikhlas kepada negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, telah berkali² di-nyatakan dan di-laangkan dalam Dewan ini akan peranan sa-tengah² akhbar² saperti *Straits Times* yang chuba membela kepentingan² yang

bertentangan dengan kepentingan negara ini. Jika akhbar² saperti itu hendak mengkhianati kepentingan negara ini lebih baik mereka keluar daripada Malaysia ini dan menyiarkannya di-mana² negeri yang mereka boleh memainkan peranan-nya sa-bagai itu. Sa-bagai sa-buah negara yang membangun Malaysia tidak boleh membenarkan dan membiarkan keadaan sa-bagai itu berlaku dan berlaku berulang² kali.

Tuan Yang di-Pertua, di-samping itu saya suka menyatakan sadikit harapan supaya gulongan² yang lain daripada ra'ayat yang berpendapatan kecil akan menerima perhatian daripada Kementerian ini atau daripada mana² pehak daripada Kerajaan dalam menjamin keselamatan mereka. Saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah kaum nelayan yang sa-benar-nya sa-kali mereka ini-lah yang patut mendapat jaminan sosial dalam kehidupan mereka, kerana kaum nelayan, terutama di-Pantai Timor, tetap tiap² tahun tiga bulan tidak mendapat hasil apa² pun, tidak dapat turun ka-laut, tidak dapat menchari mata pencharian. Maka harus-lah di-fikirkan suatu usaha, suatu perlaksanaan pekerja yang boleh memberi jaminan sosial kepada mereka dalam menghadapi kehidupan mereka, terutama sa-kali dalam masa menghadapi musim tengkujoh supaya suatu sekim, suatu ranchangan, dapat di-fikirkan yang sa-rupa dengan Rang Undang² Keselamatan Sosial Pekerja ini bagi kaum nelayan yang hampir² 100,000 orang ramai-nya di-seluruh negara kita di-Malaysia ini. Kebajikan mereka dalam masa kegentingan hidup mereka dalam masa tiga empat bulan sa-tahun ada-lah suatu perkara yang sentiasa menjadi puncha kesengsaraan hidup mereka oleh kerana tidak ada suatu jaminan bagi mereka mendapat suatu pendapatan atau suatu jaminan sosial dalam tiga empat bulan sa-tahun dalam masa menghadapi musim tengkujoh. Maka dalam mengalu²kan Rang Undang² ini saya berharap-lah kedudukan kaum nelayan juga kelak akan menerima perhatian yang istimewa dari pehak Kerajaan bagi menjamin keselamatan hidup mereka dalam menghadapi hidup yang berubah² itu.

Tuan Mohd. Zahir bin Haji Ismail (Sungai Patani): Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lepas² kita biasa mendengar orang² menudoh bahawa Kerajaan Perikatan tidak menitek-beratkan soal pekerja². Ada di-antara mereka yang menyatakan Kerajaan Perikatan bukan-lah satu Kerajaan yang progressive dan yang demikian tidak mungkin Kerajaan itu mengadakan Undang² untuk muslihat sosial bagi pekerja².

Rang Undang² Keselamatan Sosial Pekerja yang di-hadapan kita sekarang telah membuktikan sa-balek-nya, bahkan sa-lain daripada Undang² ini ada lain² Undang² lagi yang telah di-gubal untuk faedah sosial yang diluluskan dari satu masa ka-satu masa. Tetapi pada fikiran saya Undang² Keselamatan Sosial Pekerja ini telah melebihi segala²-nya dan yang telah meletakkan negara kita di-satu tempat sa-bagai satu negara welfare. Sa-telah di-jalankan kuat kuasa Undang² ini maka boleh-lah peserta² menerima faedah², seperti faedah penchen 'ilat, faedah hilang upaya, faedah orang tanggongan, faedah kebumian, clau layanan sentiasa dan faedah perubatan seperti yang di-sharatkan di-bawah Sekshen 15 Rang Undang² ini. Dengan demikian, maka pekerja² boleh-lah merasa tidak bimbang di atas masa hadapan mereka, ia-itu sa-masa mereka jatoh sakit atau tidak berdaya hendak bekerja, maka mereka akan mendapat faedah untuk saraan nafkah mereka; jika lau mereka mati maka orang² tanggongan mereka akan menerima faedah daripada ranchangan ini. Pendek kata ranchangan ini ada-lah boleh di-umpamakan sa-bagai satu insuran yang besar untuk faedah perubatan, chedera kaki-tangan atau kematian dengan bayaran premium bulanan yang sadikit pula.

Kita memberi tahniah yang banyak kepada Kerajaan yang mengambil langkah yang tegas ini, hanya yang kita berharap, biar-lah Undang² ini dengan segera di-buka kapada tiap² orang pekerja dengan tidak di-hadkan ka-mana² satu industry yang mempunyai lima orang pekerja atau lebih sahaja. Kita khuatir barangkali pekerja² yang di-dalam industry yang kurang daripada

5 orang itu berasa tidak puas hati, kerana tidak patut mereka itu di-kechualikan di-dalam satu ranchangan yang paling berfaedah ini.

Saya sedar bahawa Kerajaan ber-chita² tidak mahu mengejutkan segala kerja² untuk melancharkan perjalanan undang² ini takut² barangkali terkandas, tetapi biar macham mana pun kita berharap moga² di-dalam satu masa tiap² satu orang pekerja di-dalam negara kita ini biar pun dari apa² lapisan akan menerima faedah yang sa-rupa di-beri layanan yang sama di-bawah Undang² ini dan hari itu di-harapkan akan sampai tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kata Yang Berhormat Menteri Buroh kelmarin, Rang Undang² ini di-tolong gubal oleh sa-orang pakar dari India, lepas itu telah di-kaji oleh beberapa lapisan dan telah di-persetujuⁱ oleh Kesatuan² sa-Kerja. Jadi di-atas kandungan-nya boleh-lah di-katakan betul belaka. Sa-kadar saya hendak menyuarakan beberapa buku yang termushkil di-dalam hati saya. Tuan Yang di-Pertua, saya meminta perhatian kapada Sekshen 15 (c) ia-itu orang tanggongan :

"Bayaran berkala kapada mana² orang tanggongan sa-saorang berinsuran yang mati akibat benchana kerja yang berlaku ka-atasnya tatkala menjadi sa-orang pekerja mengikut Act ini"

Tuan Yang di-Pertua, ma'ana atau pun ta'arif orang tanggongan ada-lah tersebut di-muka 2—"orang tanggongan" erti-nya mana² saudara si-mati berinsuran yang berikut, ia-itu:

"(a) balu, anak lelaki rumaja yang sah atau anak angkat lelaki rumaja," dan ma'ana anak angkat ada-lah di- ta'arifkan di-muka 1:

"'angkat' mengenai sa-saorang anak, erti-nya sa-orang anak yang di-ambil menjadi anak angkat, mengikut peruntukan Ordinance Pengambilan Anak Angkat, 1952, atau sa-orang anak yang telah di-daftar di-bawah peruntukan Ordinance Pendaftaran Pengambilan Anak Angkat, 1952".

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya hendak kemukakan untuk pertimbangan Kementerian Buroh ia-lah Adoption Ordinance 1952, sekshen 31, tidak terikat kepada orang² Islam. Yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, orang² Islam yang mempunyai anak

angkat tidak boleh mendaftarkan anak angkat-nya, atau pun mengambil adoption papers di-bawah Undang² Anak Angkat, 1952 itu dan jikalau sa-kira-nya ta'arif anak angkat yang berhak mendapat faedah² sa-lepas daripada pekerja² itu meninggal dunia di-bawah sekshen 15 (c) yang saya sebutkan tadi, maka yang demikian anak² angkat orang Islam tidak berhak kepada ranchangan ini. Ini-lah perkara yang saya minta supaya Kementerian menimbangkan soal ini dan jikalau boleh, pada fikiran saya, ta'arif "angkat" di-bawah Sekshen 2 ini jika sa-kira-nya di-mansokhkan sama sa-kali, maka barang kali akan termasuklah anak angkat orang² Islam juga, ia-itu anak² angkat yang tidak payah di-sharatkan ia-nya itu di-daftarkan di-bawah Undang² Adoption Ordinance, 1952.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan Sekshen 42:

"Apabila sa-saorang itu berhak mendapat apa² faedah yang di-peruntukkan oleh Act ini, ia tidak-lah berhak mendapat apa² faedah sa-rupa-nya yang di-benarkan di-bawah peruntukan mana² undang² bertulis yang lain".

Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya kluatir sadikit. Saya faham jika sa-kira-nya maksud sharat ini ia-lah mengechualikan perkerja² yang sa-masa itu juga mendapat faedah di-bawah Workmen Compensation. Jadi tidak patut-lah ia mendapat satu faedah di-bawah Workmen Compensation dan satu lagi faedah di-bawah Undang² ini. Tetapi apa yang ada dalam fikiran saya ia-lah faedah dari-pada kemalangan, umpama-nya kemalangan kereta dan dia berhak mendapat imbohan, atau pun ganti rugi daripada insuran kereta yang sa-belah lagi, ia-itu insuran Third Party Risk. Third Party Risk itu ada-lah di-tentukan atau pun di-sharatkan di-bawah Undang² Road Traffic Ordinance, maka yang demikian jika sa-kira-nya kita membacha Sekshen 42 ini, maka barangkali orang yang mendapat kemalangan itu tidak boleh mendapat hak faedah daripada Third Party Risk, Motor Insurance bersama². Pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, ini tidak patut dengan kerana

Third Party Risk di-bawah Motor Insurance ada-lah hak kapada orang Third Party yang telah pun mendapat kemalangan chedera, atau pun kematian. Terkadang² bayaran yang di-bayarkan di-bawah Motor Insurance Claim ini ada-lah lebih tinggi daripada yang di-bayarkan oleh lain² insuran atau pun insuran di-bawah ranchangan ini.

Dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya harap supaya Sekshen 42 itu di-kaji sa-mula supaya orang yang mendapat kemalangan itu mendapat faedah² daripada Road Traffic Ordinance Insurance bersama² yang telah pun di-tentukan, atau pun di-tetapkan oleh Kerajaan kepada tuan² punya kereta yang mempunyai Third Party Risk Insurance. Jikalau sa-kira-nya kita mengadakan satu Undang² lain yang membatalkan satu² Undang² yang telah memberikan hak atau pun mengambil balek hak itu, Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya itu-lah perbuatan yang tidak berapa bijak.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang saya hendak sebutkan ia-lah di-bawah Clause 83 (3) yang berbunyi:

"Sa-saorang pegawai kehakiman atau sa-saorang yang telah menjadi pegawai kehakiman atau sa-saorang pengamal undang² yang berpengalaman sa-lama tidak kurang daripada sa-puloh tahun "

Perkara yang saya hendak bawa, Tuan Yang di-Pertua, mengapa-kah Pegawai Kehakiman itu tidak di-sharatkan mempunyai pengalaman sa-puloh tahun, tetapi sa-orang Pengamal Undang² di-sharatkan mempunyai pengalaman sa-puloh tahun. Jadi berma'nna jikalau sa-kira-nya Pegawai Kehakiman saperti sa-orang Majesteret atau pun President Sessions Court, walau pun dia itu mempunyai pengalaman tiga bulan sahaja, maka dia itu mempunyai kelayakan di-bawah Clause 83 (3) ini menjadi Pengerusi Jema'ah di-bawah Clause 83 itu. Tetapi jikalau sa-kira-nya sa-orang Pengamal Undang² di-kehendaki dia itu telah pun mempunyai pengalaman sa-takat sa-kurang²-nya sa-puloh tahun, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, jika sa-kira-nya di-kaji, Pegawai Kehakiman itu tidak kurang dan tidak lebih

pengalaman-nya, kebolehan-nya dan kelulusan-nya sa-bagai sa-orang Pengamal Undang² juga. Jadi, apa-kah sebab-nya di-adakan perbedaan yang sa-rupa itu?

Perkara yang penghabisan, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan Clause 17 (2) (i) dan 17 (2) (ii). Edah atau pun masa peserta itu dikehendaki membayar charum bulanan sa-bagai tempoh kelayakan ia-itu tiga puloh enam bulan di-dalam tempoh enam puloh bulan berturut² atau dua pertiga daripada bilangan bulan genap yang terkandong di-dalam tempoh dari tarikh ia mula masok insuran dan tarikh ia membuat tuntutan penchen.

Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya Undang² ini akan berjalan di atas dasar atau asas insuran yang lazim bahkan, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Undang² ini kita lihat perkataan insuran di-gunakan di-merata² tempat. Jikalau sa-kira-nya kita menjalankan Undang² ini di atas asas atau pun dasar insuran yang biasa, maka lazim-nya insuran yang biasa itu tidak meng-adakan tempoh kelayakan, tetapi Clause 17 (2) (i) dan 17 (2) (ii) ini telah pun mengadakan atas mensharatkan satu tempoh kelayakan. Jikalau sa-kira-nya sa-saorang itu mendapat chedera dan tidak membayar bayaran bulanan-nya di-dalam masa tempoh kelayakan-nya, maka sa-saorang itu tidak berhak kapada penchen yang di-sharatkan di-bawah Clause 17 itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jikalau sa-kira-nya sa-saorang itu masok insuran di-luar umpama-nya, dan ia masok Insuran Chedera, kata-lah dia chedera, maka tidak ada di-sharatkan kalau sudah masok lima tahun atau pun tiga puloh enam bulan, maka baharu-lah sa-saorang peserta itu berhak menerima faedah² daripada insuran itu.

Entah-lah, barangkali ada sebab² nya yang saya tidak faham, tetapi saya rasa elok-lah di-kaji dengan kerana ada kala-nya sa-saorang itu membayar tiga puloh lima bulan sahaja. Dia kurang sa-bulan di-bawah Clause 17 (2) (i) dan barangkali dia kurang daripada dua pertiga di-bawah Sekshen 17 (2) (ii). Yang demikian membawa kapada perasaan yang tidak berapa puas hati.

Oleh itu tidak-lah sampai kapada ke-hendak dan maksud tujuan yang utama-nya di-bawah Undang² ini.

Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua, fikiran saya dan di atas keselurohannya saya menyokong-lah Rang Undang² yang di-hadapan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.30 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.45 pagi.

(Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Meshuarat)

Perbahahan di-sambong sa-mula.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukachita-nya mengalu² kan Act Keselamatan Sosial Pekerja ini. Dan saya mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi tahniah ka-pada Yang Berhormat Menteri dan ka-pada Kerajaan yang telah pun ber-u-saha untok memberi satu kemudahan kapada pekerja² kita seluroh negara ini. Tuan Yang di-Pertua, ada-lah Act ini yang mana saya sendiri telah pun menggesa Kerajaan semenjak Menteri Buroh dahulu lagi dalam tahun 1963 supaya di-adakan satu ranchangan In-suran Pekerja atau pun Labour Insurance Scheme, tetapi dengan di-ben-tangkan Act Keselamatan Sosial Pe-kerja ini ada-lah sa-bagai satu dari-pada permulaan untok perlaksanaan pada hakikat yang sa-benar-nya Labour Insurance Scheme bagaimana di-jalankan di-negara² yang lain. Dan saya ber-harap dengan perlaksanaan Act ini dari sa-masa ka-samasa Kerajaan akan mengkaji untok memperbaiki lagi dan menambah lagi beberapa kemudahan² yang penting bagi nasib pekerja² kita pada masa hadapan.

Dalam kenyataan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri chuma lima sahaja Pusat Pelancharan untok per-mulaan, yang pertama ia-lah di-bandar George Town. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan menimbang-kan supaya di-masukkan kawasan Ban-daran Butterworth kerana di-kawasan

itu ada mempunyaï berpuloh² kilang² perusahaan dan mempunyaï hampir² 10,000 pekerja². Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan meluaskan kawasan yang berpusat di-George Town itu sa-hingga ka-Butterworth supaya dapat memberi peluang kepada pekerja² di-kilang² perusahaan di-Butterworth itu untuk mendapat faedah dari pada Act ini.

Yang Berhormat Menteri telah pun memberi pengakuan ia-itu beliau akan menambah faedah lagi ia-itu dengan memberi kemudahan atau bantuan kepada pekerja² wanita yang bersalin dan juga kepada pekerja² yang sakit pada masa hadapan. Tetapi saya ingin hendak menarek perhatian Yang Berhormat Menteri ada beberapa masalah lagi yang patut di-timbangkan. Yang pertama ia-lah mengenai pekerja² yang kurang bernasib baik yang mana mereka itu di-ambil tindakan dicipline atau tata-tertib oleh Pejabat-nya menggantong kerja-nya sa-lama sa-bulan, atau dua bulan, dan dengan ini melibatkan kesusahan yang besar kepada pekerja² itu kerana gaji-nya pun di-gantong juga. Tindakan dicipline atau pun tindakan mahkamah menunggu perbicaraan, maka dia ini di-gantong kerjanya. Ini dia tidak dapat gaji dan dengan itu saya harap-lah pehak Yang Berhormat Menteri akan menimbalkan supaya di-masukkan lagi satu bab ia-itu memberi bantuan pada masa jawatan sa-orang pekerja itu di-gantong, dan yang kedua ada kita dapati beberapa kilang oleh kerana pengeluaran barang²-nya terlampaui banyak, maka terpaksa kilang itu di-tutup buat sementara. Ini biasa berlaku ia-itu kilang mengeluarkan ubat nyamok di-Butterworth dahulu terpaksa di-tutup sa-lama tiga bulan. Ini mengakibatkan pekerja² tidak mendapat gaji dan saya berharap Yang Berhormat Menteri sa-kira-nya ada masalah yang sa-macham ini yang mana kilang itu terpaksa di-tutup buat sementara, maka patut juga di-timbang bagi bantuan kepada pekerja² di-dalam kilang itu supaya dapat mereka ini bergantong kepada bantuan daripada insuran ini untuk memberi sara hidup kapada pekerja² yang terlibat. Dan satu lagi perkara yang saya harap mendapat perhatian juga mengenai pekerja² yang di-

tudoh dan di-hadapkan ka-Mahkamah, maka memang-lah kita sedia ma'lum pekerja² ini manakala di-hadapkan ka-mahkamah, terpaka-laah di-bicharakan dan tidak ada peguam-bela untuk membela pekerja ini.

Saya berharap pehak Perbadanan ini akan menimbalkan juga supaya jika-lau boleh memberi sa-orang peguam-bela untuk membela nasib pekerja-nya yang di-tudoh pada masa ia bekerja.

Dan perkara yang ke-empat sa-orang yang berhenti kerja oleh sebab salah, buat salah, atau tutup kilang atau pun apa² yang berlaku. Dia ini di-berhentikan kerja. Perkara ini telah pun berlaku. Sekarang ini berlaku kapada pekerja² Tentera Commonwealth. Pada tahun 1967 berlaku di-Sungai Patani semua pekerja² itu di-berhentikan dan sekarang ini di-berhentikan berperengkat² ia-itu tentera yang berkhidmat dengan Tentera Commonwealth di-RAAF Butterworth. Jadi saya berharap supaya perbadanan ini menimbalkan memberi bantuan se-mentara sa-lama tiga bulan atau pun sa-panjang²-nya enam bulan untuk pekerja ini berikhtiar menchari kerja bukan-lah saya berhajat supaya di-beri bantuan sa-panjang masa sa-hingga dia dapat kerja chuma yang saya berharap di-beri bantuan se-mentara manakala dia ini boleh berikhtiar dan berusaha mendapatkan kerja. Pada masa ini ma'lum sahaja-lah sa-orang di-berhentikan kerja itu dengan serta-merta tentu-lah akibat kesusahan yang besar kepada diri-nya dan keluarga-nya dan tidak berharap kapada sa-siapa² untuk hendak bergantong, jadi sa-kira-nya perbadanan memberi bantuan sa-kecil²-nya yang boleh kita beri hendak-lah sa-hari sa-ringgit-kah, atau dua ringgit-kah yang berpadanan dengan tanggongan keluarga-nya maka akan memberi satu kemudahan yang istimewa kapada pekerja² yang di-berhentikan kerja. Dan perkara yang besar sa-kali yang kita berharapkan supaya perbadanan ini jadi sa-benar²-nya sa-bagai satu badan pembela bagi pekerja² ia-lah mengadakan ranchangan memberi bantuan kapada orang² yang tidak bekerja. Ini barangkali akan memakan belanja yang banyak. Walau macham mana pun, saya berharap pehak Kementerian ini akan

mengkaji daripada sa-masa ka-samasa supaya membolehkan orang² yang di-berhentikan kerja dapat bantuan sa-terus-nya sa-hingga dapat mereka itu kerja lain dan saya berharap pehak perbadanan ini boleh berikhtiar orang yang di-berhentikan kerja ini supaya merekomendkan mereka bekerja di-mana² kilang atau perusahaan untuk mereka ini memberi sara hidup kepada keluarga-nya.

Dan akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pada masa hendak mengambil orang² yang hendak bekerja dalam perbadanan ini, saya berharap-lah kapada pehak Yang Berhormat Menteri akan mengambil pekerja² untuk menguruskan perbadanan ini di-antara warganegara kita daripada semua keturunan yang ada dalam negara kita ini. Jangan-lah ambil orang² China satu keturunan daripada orang Melayu sahaja mithalnya, orang China sahaja atau pun orang India sahaja, jadi biar-lah 30%, 30%, 30% dan dapat-lah di-antara orang² yang tidak bekerja ini walau daripada orang Melayu, walau daripada orang China, walau daripada orang India supaya bekerja dalam pejabat Pengurusan Pusat² ini. Dengan ini dapat memberi lebih kemudahan kapada bakal² yang hendak menjadi ahli insuran ini supaya boleh menasehatkan mereka chara² yang mereka patut laksanakan, patut amalkan, dan saya menguchapkan lagi sa-kali sattinggi² terima kaseh bahawa ini ada-lah menunjukkan bahawa Kerajaan yang sa-benar²-nya bertanggong-jawab, bertimbang rasa, insaf, sedar dan sentiasa segala permintaan dan masaalah² warganegara dan sentiasa berusaha untuk mendatangkan apa² perubahan bagi kebajikan kapada semua gulongan² ra'ayat dalam negara kita ini ada di-antara-nya gulongan buruh peladang, nelayan dan pehak peladang pula juga saya berasa sukahita bahawa satu Rang Undang² akan di-bentangkan ia-itu penubohan sabuah Bank Peladang, ini akan memberi pertolongan yang besar kepada peladang² dan lagi sa-kali saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Kerajaan.

Tuan Kam Woon Wah (Sitiawan)
(dengan izin): Mr Speaker, Sir, nobody,

not even any political party, who has the welfare of the workers at heart will object to this Bill. The only objection I can think of is that why it is only presented now and not earlier; but then, of course, we can understand that for a Bill of this nature to be presented lots of work were involved, and therefore it took such a long time. I was surprised to hear yesterday the Honourable Member for Tanjong asking why it was presented just before the coming elections. He is prepared to deprive the benefits to be given to the workers of this country just because of the elections, and the other inference we can leave to the workers of the country to draw. Sir, as far as the Alliance Government is concerned, I think, it is better late than never to present this Bill, and it clearly shows that the Alliance Government is interested in the welfare and the well-being of our people, of our workers particularly, and therefore we are proud to go to the country when the time comes to prove to our workers that we are sincere both in our words and in our deeds.

Sir, I have only a few points to clarify with the Honourable Minister of Labour, that is, under Clause 3, he only limits the number of employees to five. Sir, I think this is not too good because, if any industry or any firm can engage more than five employees, I think we are not very much worried about the firm. What we are worried about are those small firms, especially firms which can only afford to employ one, two, or three employees, and therefore, generally speaking, they are not so financially sound as bigger firms like Lever Brothers and so on. So, I think the object will be defeated if this Clause is not amended to include any industry employing even one employee.

I think our purpose is to protect employees whether they are in a group of more than five or less than five; it is not their fault if they happen to be engaged in a firm which can only employ two employees or three employees.

The other Clause is Clause 24. The wording of it may open the employees to lots of legal arguments, if their claims come through. It says "An

accident happening while an insured person is, with the express or implied permission of his employer, travelling as a passenger by any vehicle Sir, why do we not omit those words, "with the express or implied permission of his employer"; because it actually means nothing, but gives more chances to employers or insurance companies for more arguments. With the omission of these words, it would read, "An accident happening while an insured person is travelling as a passenger by any vehicle If it is deemed to arise out of and in the course of employment, whether it is with the implied or express permission, but as long as he is going to his place of work the presumption is that he is injured in the course of or arising out of his employment. That will save a lot of legal arguments. It may well result in cases being thrown out, if these words are left there. However, I know the intention under this Clause is clear, that we want to have this presumption against the employers rather than for the employees to prove the presumption.

Sir, another Clause is Clause 42. I agree with the previous speaker, the Honourable Member for Sungai Patani, that wording here is not too good. It reads, "When a person is entitled to any of the benefits provided by this Act, he shall not be entitled to receive any similar benefit admissible under the provisions of any other written law". Sir, it clearly shows that an employee entitled to benefits under this Act cannot claim other damages, such as under the Road Traffic Ordinance, or other common law damages. I think the wording there is not too good. I would earnestly request the Honourable Minister, if possible, to adopt the wording in the Workmen's Compensation Ordinance, which is very clear. I think the intention here is clear that the worker is not entitled to claim two damages and generally the workers, if possible, want to claim, say in a road accident, under the Road Traffic Ordinance, because the amount of damages is always higher than under this Act, or under the Workmen's Compensation Ordinance or sometimes under the Machinery Ordinance. They can also claim damage under the common law,

which is again much higher than under the Workmen's Compensation Ordinance or under this Act. Sir, the wording should be that as we find in the Workmen's Compensation Ordinance which, I think, says that no employee is entitled to have two claims under two different laws, but if there is only one claim, the option is left to the worker; if he wants to claim, say, under the Road Traffic Ordinance, then it should not come under this Act. Then, I think the employee's interest is protected.

Sir, lastly I would refer to Clause 83 (3). I have to agree with the Honourable Member for Sungai Patani, again, that it clearly show that there is a bias against the legal practitioners when compared with the judicial officers. It says, "Any person who is or has been a judicial officer or a legal practitioner of not less than ten years' standing" Sir, under our Constitution, a legal practitioner who has got not less than seven years training can even aspire to be a High Court Judge, but here you put ten years—fair enough, but then the judicial officer should also be ten years, because nowadays there are many officers—I am not against any one of them—who have just come back or who have just qualified being suddenly appointed as D.P.P. or Magistrate; so he is also regarded as a judicial officer. Sir, there should not be any bias. I am not here to say who is better, but to be fair to both professions. Thank you, Sir.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, menyertai kawan² saya di-dalam Dewan ini bagi menyokong Rang Undang² ini, pada pendapat saya Rang Undang² ini merupakan suatu perlaksanaan daripada Perlembagaan negara kita di-mana di-dalam Perlembagaan itu telah di-rakamkan tentang hak asasi manusia yang di-akui oleh dunia dan juga di-akui oleh Perlembagaan negara kita. Oleh kerana di-dalam negara kita ini nam-pak-nya berbagai² kedudukan warga-negara-nya ada di-antara pekerja² yang paling banyak dan pekerja² itu ter-bahagi pula kapada beberapa bahagian, ada pekerja sa-chara buroh kasar dan pekerja sa-chara buroh halus, tetapi

walau apa pun di-sebutkan kapada mereka itu, ada-lah pekerja² dan keselamatan sosial mereka mesti-lah di-jamin dan di-pertahankan bukan sahaja oleh Perlembagaan negara tetapi oleh Undang². Mengikut apa yang saya baca di-dalam Rang Undang² ini ternyata-lah bahawa ranchangan yang di-chadangkan ini berdasarkan kapada prinsip² yang di-lakukan, dan di-amalkan antara bangsa dan ini merupakan satu pengambilan, ke'adilan yang sa-patut-nya ada di-negeri yang lain dan di-bawa masok ka-dalam negeri kita ini dan ini merupakan hasil daripada usaha yang di-jalankan oleh Kementerian Buroh ini.

Banyak daripada parti² Pembangkang menganggap bahawa Rang Undang² ini sengaja di-adakan di-saat² yang akhir, ia-itu pada masa kita hendak menghadapi pilehan raya. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, terlepas daripada sebab² apa-kah kerana kita hendak menghadapi pilehan raya atau tidak maka Rang Undang² bagi Keselamatan Sosial Pekerja² ini mesti-lah di-laksanakan dan di-jalankan dari sa-masa ka-samasa mengikut desakan² keadaan yang ada di-dalam negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya Rang Undang² ini akan di-laksanakan sa-chara berperingkat². Peringkat yang pertama akan di-lakukan di-dalam beberapa daerah² yang di-tentukan dan kemudian peringkat yang kedua pula menentukan jumlah² pekerja ia-itu yang tidak kurang daripada lima orang. Tetapi saya perhatikan di-dalam Fasal 3 Rang Undang² ini Menteri Buroh berkuasa memperluas peruntukan² Rang Undang² ini kapada per-usahaan² yang mempunyai kurang daripada lima orang pekerja, ma'anya-pa pada faham saya manakala Rang Undang² ini di-terima maka Yang Ber-hormat Menteri Buroh ada kuasa yang akan di-gazettekan bagi meluaskan ranchangan ini kapada pekerja² yang kurang daripada lima orang. Pada faham saya Menteri Buroh boleh-lah berbuat demikian manakala Rang Undang² ini telah di-terima di-dalam Dewan ini oleh kerana di-dalam pekerja² perusahaan² yang kecil di-dalam negeri kita ini terlalu banyak meng-

gunakan pekerja² yang kurang daripada lima orang maka rasa-nya kuasa yang di-berikan dalam Rang Undang² ini kapada Menteri akan dapat di-jalankan dengan sa-berapa segera-nya bukan kerana kita hendak berkempen, tetapi oleh kerana menjaga orang² yang nanti di-belakang akan teraniaya di-sebabkan tidak termasuk di-dalam Rang Undang² ini.

Peringkat yang kedua di-katakan ia-itu hanya tidak kurang daripada lima orang dan hanya terbatas kapada beberapa daerah. Maka saya menggesa Yang Berhormat Menteri supaya diluaskan penggunaan-nya dan kekuasaan-nya kapada daerah² di-mana pekerja² itu ada sa-kali pun kurang daripada lima orang. Sa-bagai chontohnya, Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi banyak pekerja² kita sekarang ini yang menjadi buroh kasar di-hutan², yang menjadi buroh² bagi mengeluarkan kayu² balak dari dalam² hutan yang kadang² mereka kurang daripada lima orang bekerja maka mereka ini juga patut-lah di-beri jaminan sosial dari-pada Rang Undang² ini.

Faedah² yang akan di-dapati dari-pada Rang Undang² ini jelas di-sebutkan di-dalam Fasal 15 dan faedah² ini tentu-lah akan tidak dapat di-nafikan walau oleh parti Pembangkang sa-kali pun yang mengatakan bahawa Rang Undang² ini sa-mata² kerana kepentingan politik. Bagi kita, Rang Undang² ini bukan sa-kadar untok kepentingan politik, tetapi mengisi tanggong-jawab kita di-dalam Perlembagaan negara kita dan juga ada-lah kewajipan kapada Kerajaan Perikatan yang menjadi asas perjuangan-nya ia-itu ke'adilan, melaksanakan ke'adilan ini di-antara pekerja² yang banyak di-dalam negara kita ini. Faedah² yang mungkin di-dapati ia-itu termasok-lah faedah² penchen, faedah hilang upaya, faedah orang tanggongan, faedah kebumian dan sa-umpama-nya yang tersebut di-dalam Fasal 15.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarek Perhatian Menteri Buroh, boleh jadi oleh kerana saya tersalah faham atau saya kurang faham tentang Rang Undang² ini, tentang faedah orang tanggongan yang akan di-dapati oleh orang tanggongan ini manakala ketuanya meninggal atau orang yang ber-insurans ini meninggal dunia. Kita

kembali kepada faedah orang tanggongan yang di-sebutkan di-dalam Rang Undang² ini ma'ana orang tanggongan ini telah di-sebutkan di-dalam tafsiran Rang Undang² ini ia-itu: "Orang tanggongan" erti-nya mana² saudara si-mati berinsuran yang berikut, ia-itu:

(a) balu, anak lelaki rumaja yang sah atau anak angkat laki² rumaja, anak perempuan yang sah

dan sa-terus-nya. Apa yang menjadi pertanyaan di-dalam hati saya ia-itu anak laki² rumaja. Anak laki² rumaja pergi kapada ma'ana rumaja di-dalam ta'arif Rang Undang² ini ia-itu rumaja erti-nya sa-orang yang umor-nya belum genap 16 tahun—belum genap, bukan sudah genap, belum genap 16 tahun, maka itu erti-nya rumaja. Ma'ana-nya sa-orang anak yang sudah genap umor-nya 16 tahun. Itu tidak masuk ta'arif rumaja dan dengan sendiri-nya terkeluar daripada orang tanggongan yang akan mendapat bantuan daripada Rang Undang² ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok kapada anak laki² rumaja erti-nya belum berumor 16 tahun, sedangkan kalau kita tengok anak kita yang berumor 16 tahun ini anak² itu maseh di-bangku sekolah dan maseh di-bangku sekolah erti-nya mereka-lah yang penting mendapat pembelaan daripada Rang Undang² ini, kerana kalau bapa-nya meninggal dunia dan ibu-nya mendapat dan dia tidak termasuk dalam Rang Undang² ini sa-bagai orang² yang mendapat hak, maka saya rasa anak rumaja yang di-sebutkan erti-nya anak yang belum chukup umor-nya 16 tahun ini akan tergendala pelajaran-nya, oleh sebab dia tidak termasuk dalam ma'ana orang tanggongan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua-nya saya minta-lah kapada Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan apa-kah pendapat saya ini benar, dan kalau sa-kira-nya benar, saya menggesa patut-lah Rang Undang² ini di-ambil perhatian oleh Menteri supaya anak yang lebuh daripada umor 16 tahun pun mendapat peruntukan juga, oleh kerana mereka maseh di-dalam bangku sekolah.

Yang kedua tentang (b) ma'ana-nya "orang tanggongan":

(b) jika sa-penoh-nya bergantong kapada pendapatan orang ber-insuran pada masa kematian-nya, anak lelaki atau perempuan yang sah atau anak angkat lelaki atau anak angkat perempuan yang telah genap umor enam belas tahun dan ia-nya lemah dan tidak berupaya bekerja memakan gaji;

Ma'ana-nya pada fahaman saya umor-nya sudah genap 16 tahun, tetapi dia tidak berupaya bekerja orang ini mendapat peruntukan. Kalau sa-kira-nya orang ini berupaya bekerja umor 16 tahun katakan-lah sa-orang anak angkat perempuan atau anak perempuan anak laki² atau perempuan yang sah atau anak angkat laki² atau perempuan, tetapi bila umor-nya 16 tahun dia sudah di-anggap tidak rumaja lagi kemudian dia tidak berupaya menchari pekerjaan, orang ini boleh mendapat peruntukan, tetapi kalau dia berupaya bekerja ma'ana-nya dia terkeluar daripada peruntukan—dia tidak akan mendapat. Apa akan jadi kapada anak angkat atau anak perempuan atau anak laki² yang boleh pada fahaman kita bekerja, tetapi dia maseh di-bangku sekolah, satu. Yang kedua-nya, dia tidak lagi di-bangku sekolah, tetapi dia sudah keluar daripada ma'ana rumaja dia sudah menjadi anak dara sunti dengan tidak ada penjagaan sosial kapada dia, dengan tidak ada keselamatan sosial kapada anak perempuan atau anak angkat perempuan ini dengan sendiri-nya anak perempuan ini sa-telah bapa-nya meninggal dunia hidup-nya susah, dia akan pergi menchari pekerjaan yang mungkin juga akan menyebabkan dia terchebor ka-dalam kalangan² hidup yang tidak berguna menjadi pelachoran mithal-nya atau sa-umpama-nya. Kalau dia hendak bekerja pada masa umor 16 tahun apa-lah pelajaran yang dia dapat; hendak jadi kerani pun tidak boleh sebab umor-nya tidak chukup, hendak jadi mata² pun tidak boleh sebab umor-nya di-bawah umor, hendak dapat makan sahaja yang dapat, dia boleh makan sahaja, jadi makan sahaja dia tidak mendapat peruntukan daripada Rang Undang² ini. Jadi, oleh

kerana itu dan dia anak angkat pula, emak angkat kata, "Engkau chari-lah rezki, engkau chari-lah di-mana² engkau boleh menchari duit". Maka berlaku-lah pelachoran² di-dalam negeri kita ini yang akan bertambah.

Sebab itu saya minta kepada Menteri patut-nya, kalau faham saya, sa-patut-nya anak² ini mesti-lah mendapat tanggongan juga sa-hingga dia-nya itu bersuami seperti yang di-sebutkan di-dalam Rang Undang² juga kalau dia telah bersuami, maka hilang-lah peruntukan-nya yang di-dapati daripada Rang Undang² ini. Kalau dia belum bersuami erti-nya dia mesti-lah ditanggong dan di-kawal serta di-jaga oleh Rang Undang² ini, sebab itu ada faedah-nya bukan sahaja kita menjaga orang ramai atau pekerja² kita menyedapkan hati mereka itu bahawa kalau mereka chachat, kalau mereka bagitu bagini, akan mendapat faedah daripada Rang Undang² ini. Tetapi yang penting-nya ia-itu manakala mereka di-tinggal-kan oleh bapa-nya yang telah meninggal dunia dan tidak ada tempat bergantong, tidak ada ibu yang boleh memberi dia sara hidup-nya yang baik, apa lagi kalau sa-kira-nya ibu yang di-tinggal-kan oleh ayah-nya itu maseh muda lagi pula dan kemudian anak-nya berumur 16 tahun, saya rasa kalau tidak ada jaminan ini kapada mereka, mereka akan terchebor ka-dalam jurang yang dalam, sebab itu saya minta penjelasan daripada Menteri ada-kah di-dalam perhatian Menteri tentang masaalah Rang Undang² yang saya sebutkan itu.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri oleh kerana pada faham saya ini barangkali kesilapan fahaman saya, dan saya minta-lah Menteri memberi penjelasan.

Menteri Buroh (Tuan V. Manickavasagam) (dengan izin): Mr Speaker, Sir, I would like to thank the Honourable Members who have congratulated the Alliance Government on the introduction of the Employees' Social Security Bill in Parliament. Sir, I would especially like to thank Members of the Opposition too who have in this case congratulated the Government and have also paid compliments.

Though Honourable Members of the Opposition have said that the Government has timed the Bill to be presented just before the elections, as said by my colleagues on this side of the House, I can assure them that the Government was as keen as Honourable Members of the Opposition are, to see that this Bill should have been presented to this House very much earlier.

Sir, Mr Ambo has been with us for more than three years and the volume of work involved in preparing this Bill for presentation to this House has taken very much time. I am sure that Honourable Members will appreciate this and recognise that the Bill has been presented as expeditiously as possible. It cannot be helped if the presentation of this Bill is some time near the elections. The Ministry of Labour is proud that this Bill is being presented in this House, when we are celebrating Solidarity Week, and we cannot think of a better birthday gift to our beloved Prime Minister than the introduction of this Bill, which would give security to many thousands of workers, whose interests our Prime Minister always has close to his heart. In fact, social security is recognized as an important instrument of national solidarity. It will also be an active participant in the battle for prosperity as desired by Bapa Malaysia.

Sir, touching on the points raised by Honourable Members, I will, first, deal with the Honourable Member for Tanjong. I can assure him that the two contingencies mentioned in the Bill are just the first phase; other contingencies, such as maternity and sickness, could be brought in at a later stage as and when we have had some experience from the implementation of the present two contingencies. I can assure him that, as suggested by him, the Government will always be prepared to consider constructive suggestions and bring about changes as and when necessary.

With regard to the purchase of artificial limbs, under the Act there is no bar to the purchase of artificial limbs from sources outside Government. The intention is to provide

speedy service for the provision of prosthetic appliances. Where the Social Security Organisation considers it necessary, in respect of the purchase of artificial limbs other than from Government, it will have the discretion to do so.

Sir, with regard to his second point about the Second Schedule and the Fifth Schedule, I would like to state that the two Schedules are self-explanatory. The Fifth Schedule specifies occupational diseases pertaining to certain specified occupations. The contracting of any such disease will amount to an employment injury, as the term "employment injury", defined in Section 2, includes occupational diseases, whereas a particular occupational disease or injury is treated as employment injury when the Second Schedule comes into play where appropriate. For example, cataract, listed as item 9 of the Fifth Schedule, results in loss of sight; as listed in item 4 of the Second Schedule, the percentage of loss of earning capacity will be 100 per cent. Other employment injuries which are not specifically provided in the Second Schedule will be dealt with by the Medical Board, which determines the loss of earning capacity in terms of Section 32. The intention is also clear from Sections 33 and 34 of the proposed Bill.

Sir, the Honourable Member for Segamat Utara wanted this Bill to be extended to the rural areas. In fact, he suggested that it should have been started in the rural areas and then brought to the urban areas. While we appreciate his point of view, it would be quite difficult, due to administrative reasons during the initial stages, to extend the Scheme to all areas. The Act is applicable to workers both in the rural and in the urban areas. Workers both in the rural and urban areas would come into the scope of the Invalidity Scheme immediately the Act comes into operation. Though Employment Injury Scheme for the initial stage would cover only five major centres, it would also be extended to other areas at the earliest possible date. Even in these five centres, if there are workers from rubber plantations or tin

mines, they too would be covered by this Scheme. As I mentioned during the introduction of this Bill, the employers, workers, members of the medical profession and others connected with the implementation of this Act have given their full co-operation, and I can assure the Honourable Member that the Government would always value the co-operation of both the employers and workers not only as far as the Act is concerned but also in all other fields for the economic and social betterment of the people of this country. I would like to assure the Honourable Member for Segamat Utara that the Organisation would see to it that speedy payments are paid to beneficiaries, and when the regulations are prepared these regulations would take care of them.

Sir, the Honourable Member for Batu raised a number of points. He has been advocating the introduction of this Act for some time and he himself has given much co-operation through the Medical Association. I can assure him that when the regulations are being drafted, and even during the implementation of the Act itself, we would seek the co-operation of the Medical Association.

The Honourable Member also said that it was not enough for the Government to bear just the cost of administration. Sir, it is to be appreciated that a developing country cannot afford to bear the major portion of the recurrent expenditure out of the tax revenue. The Government has agreed to pay the administrative costs for the first few years. We do not intend to burden the taxpayers with additional payments to subsidise this Scheme. We expect the Scheme to be self-sufficient in the long run. This subject of Social Insurance Scheme has been one very close to the heart of my colleague, the Honourable Minister of Finance, who has been the Chairman of the Cabinet Committee on the Social Insurance Scheme. I can assure Honourable Members of this House that this Organisation can expect to receive whatever maximum boost for the successful operation and running of this Scheme from the Government.

Sir, with regard to the constitution of the Medical Board and other details, these would be covered by the regulations, and, as I said earlier, workers and employers and people connected with the Scheme itself, such as the medical profession, would be consulted.

With regard to the supply of artificial limbs, every effort would be made to see that artificial limbs would be provided as early as possible to those in need and who are insured.

Sir, the Honourable Member also suggested that the Employees Provident Fund Ordinance should be amended to be in line with the Social Security Act. The Honourable Member for Bachok too raised this point. Sir, the scope of the Employees Provident Fund Ordinance is quite different from that of the Social Security Scheme. However, I can assure Honourable Members that with the operation of this Scheme and experience gained, we could, if necessary, suggest amendments to the Employees Provident Fund Ordinance. It would always be advantageous to co-ordinate the work of such bodies wherever necessary.

The Honourable Member for Batu also said that the Social Security Council would be heavily overloaded with Government officials. The nature of this Scheme is such, Sir, that co-ordination between the Organisation and the Ministries of Finance, Health and Welfare Services is essential in the smooth working and planning of this Scheme in the country. We have provision for representations from workers' and employers' organisations as well as a member from the medical profession and two other independent persons, if found necessary. He said that the Secretary to the Ministry would be too busy and would not be able to do justice to the chairmanship of this Organisation. Sir, I can assure the Honourable Member that the Government places very high importance to this Scheme, and that is precisely why we have specifically appointed the most senior officer of this Ministry to head this Organisation.

The Honourable Member for Bachok, while congratulating the Govern-

ment, said that the Scheme should have been introduced long ago. As I said earlier, we would have very much liked to introduce the Scheme many years ago, but preparations necessarily took some time, and we wanted a comprehensive Bill to be presented to this House. We did not want to have a haphazard Scheme and find ourselves bogged down with difficulties. I can assure him that, with the operation of the Scheme and the experience gained, we would extend it to cover other contingencies. He also suggested that the Workmens Compensation Ordinance, the E.P.F. Ordinance and other Ordinances, such as the Factories Act, should be looked into and a comprehensive piece of legislation be brought about. I would like to make it very clear that the E.P.F. Ordinance is essentially an old age benefit and is quite different from the contingency that would be covered by the Social Insurance Scheme. The Workmen's Compensation Ordinance, Sir, would however be gradually replaced by the Social Insurance Scheme. In those centres, where the Employment Injury Scheme comes into operation, the Workmens Compensation Ordinance will cease to operate. He also suggested that workers and self-employed people in F.L.D.A. schemes, fishermen and others should also be covered. I can assure Honourable Members that the ultimate objective is, indeed, to cover all categories. In the initial stage, it is essential for a developing country to cover that sector of population which can be easily identified and can stand the premium of insurance under the Social Security Scheme.

Sir, he raised a point regarding dependants, and it is only fair, Sir, that illegitimate children cannot be equated with the wife and children including adopted children of a bread-winner. In fact, in our Social Security legislations we have been quite liberal in including even the illegitimate children; further, in cases of hardships there is the exemption clause given to the Minister, I would suggest that we await the implementation of this Scheme and, if necessary, bring about amendments.

Sir, with regard to cases of heart-failure, I would like to inform the House that if a person dies during the course of work, it will indeed be duly considered as a case of employment injury. In fact, this Act is quite liberal because it provides in Section 23 that an accident arising in the course of an insured person's employment shall also be presumed to have arisen out of that employment. Other cases of death of natural causes can only be covered under a National Scheme covering all the citizens of the country. That is, indeed, our ultimate objective. Sir, with regard to funeral benefits, the general level of funeral benefit in other countries is also about 20 days' or 30 days' average wages of an insured person. Accordingly, the sum of \$100 for the present, we feel, is adequate, but I may assure him that this amount will be increased in due course after taking into consideration the financial position of the funds of the Organisation.

Sir, the Honourable Member also said that the Scheme should cover small employers, and this was also mentioned by the Honourable Member for Hilir Perak and the Honourable Member for Kuala Trengganu Utara. Sir, I may add for the information of the Honourable Members that in other developing countries coverage is extended to factories employing ten or more employees. Our coverage of five and above is quite in order, particularly in the initial stage, due to administrative reasons. There is already a provision that the Government may extend it to smaller employers, as mentioned by the Honourable Member for Hilir Perak, and when we have started the Scheme and the Scheme goes on smoothly, I can assure this House that we will extend to many establishments.

Sir, the Honourable Member for Muar Dalam has raised a few points, and I can assure him that it is the intention of Government to extend the Scheme not only to more than half the work-force but also to fishermen and others at a later date. It is not advisable to extend the coverage to all categories in the initial stage in the absence of any experience. Sir, I have already

assured the House about speedy payments which he also raised. With regard to the number of people to benefit immediately under the scheme, Sir, 800,000 persons would be covered under the invalidity scheme and for the present 150,000 under employment injury. The Honourable Member for Kuala Trengganu Utara raised this point and he quoted the news item in the *Straits Times*. Sir, our Press is free and realising the importance of this Bill, I hope the Press would take note of what the Honourable Member has said.

Sir, the Honourable Member for Sungai Patani raised the question of adoption. Sir, we have considered this point and we have been advised that it is not desirable to include the provisions to make an exception for adoption by Muslims, as I understand that Islam never recognises an adopted child in the Muslim law of inheritance, and exception here can be construed as an inroad to accepted Muslim law. Also, such provision will lead to lots of difficulties as to proof of adoption by a Muslim. But, Sir, already there is in the Bill provision for registration which would be covered by the scheme.

Sir, with regard to Section 42 raised by the Members for Sungai Patani and Sitiawan, an insured person can indeed claim compensation under common law from the third party. Section 42 only bars benefit under any written law which is similar to the benefit now provided, that is to avoid duplicate payments. The Honourable Member also raised a point on Section 17, the qualifying conditions laid down in the Act. Sir, in keeping with international conventions on the subject, this qualifying conditions are most essential in the interest of the solvency of this Scheme. It is a recognised principle adopted in such schemes all over. The object is to ensure that only those persons who are regularly dependent on employment, get benefit from this pension scheme and a person who is invalid or likely to be invalid due to some disease does not manage to get into the scheme by making a few payments only.

In this connection, I am pleased to say, that we have been very liberal, again, as will be seen from Section 21. Under this Section, all those who fail to fulfil the full or reduced qualifying conditions will get back the amount of contributions with interest thereon. This is called "Invalidity Grant".

Sir, the Honourable Members have raised a point on Section 83 (3). This clause has been added in view of the general shortage of experienced judicial officers in developing countries. Sir, we have in mind Judges to be Chairmen of these Appellate Boards and the limit of ten years has been laid down to ensure that only well experienced persons from the Bar will become Chairmen of the Social Security Appellate Boards.

Sir, the Honourable Member for Jitra-Padang Terap raised a question on Clause 51. Sir, the fear expressed by the Honourable Member will be duly taken into consideration while framing the regulations. I also wish to ask the Member to see Section 108, which gives powers to the Minister to remove any difficulty that may arise in giving effect to the provisions of this Act.

Sir, the Honourable Member for Sitiawan raised a point about Section 24. The words "express or implied permission of his employer" are essential because it must be proved that an employment injury has arisen out of and during the course of employment. If these words were removed, it will cause lots of administrative difficulties and the whole concept of employment injury contingency will be changed, but I can assure the Honourable Member that in due course, travelling to and fro to place of work may be included in the employment injury schemes.

Sir, the Honourable Member for Seberang Utara raised a number of points. He wanted the Scheme to be extended to Butterworth. Sir, we shall consider this. As I said, it is not only to Butterworth, but we shall be extending this Scheme to other areas too. He also wanted this Scheme to be extended to retrenched workers. Sir, I think that is a separate matter and we will have to

take this matter separately. He wanted also an unemployment insurance scheme. I think we will have to take some time to consider this, because we have got other contingencies before we can think of an unemployment insurance scheme. There are quite a number of people for whom we have to find employment before we can think of unemployment benefits. Sir, I am glad that he raised the point to say that citizens of all races should be brought as staff to work in this Scheme and we take note of his suggestion.

Sir, the Honourable Member for Hilir Perak raised the question of dependants. Sir, our Act is quite liberal in extending the age to sixteen years. According to existing labour legislation (the Children and Young Persons Ordinance) a boy of over fourteen can get employment. In other countries, the age has been restricted to thirteen. However, Sir, I shall take note of his suggestion and, if necessary, will come back with amendments.

Sir, once again, I would like to thank Honourable Members for having suggested various amendments and for having given support to this Bill, and I can assure this House that with the experience gained from the operation of this Act, we would not only extend this to cover other contingencies and other areas, but to cover as many people as possible. (*Applause*).

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatan-kuasa)

Fasal 1 hingga 26 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal 27 hingga 47—

Tuan Mohamed Zahir bin Haji Ismail (Sungai Patani): Tuan Pengerusi, Sekshen 42 yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan sa-saorang telah pun mendapat kemalangan kereta, umpama-nya, yang patut menerima wang daripada motor insurance claim, boleh berhak di-bawah Sekshen 42 ini dengan kerana, kalau mengikut perkataan-nya tadi, pembayaran itu tak sa-macham atau pun tak sa-rupa dengan pembayaran di-bawah ranchangan ini. Tuan Pengerusi, saya rasa prekara ini ada-lah perkara yang boleh di-bahathkan, debateable. Jikalau sa-kira-nya tujuan ranchangan ini hendak memberikan bayaran kapada pekerja² yang mendapat kemalangan kereta dan pada masa itu juga dia berhak kapada faedah di-bawah ranchangan ini, saya harap kalau sa-kiranya pehak Menteri boleh memberi satu jaminan yang tegas, ia-itu duit daripada insurans kereta pada masa pekerja² itu mendapat kemalangan boleh di-terima oleh orang itu.

Tuan V. Manickavasagam: Mr Chairman, Sir, as I stated earlier, the intention is to see that similar benefits are not asked for twice—which means benefits under the Workmen's Compensation Ordinance, which is a similar Ordinance for similar benefits to this. But, Sir, if certain lawyers—we all know that lawyers always do not think alike and they can always differ—find that this could be challenged, could be argued, and if we find that there are any loop-holes, as I said earlier, I will definitely bring amendments to cover the points raised.

Fasal 27 hingga 47 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal 48 hingga 57 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal 58 hingga 82—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, Fasal 60, saya suka menarek perhatian, kalau pun tidak dapat di-buat pindaan pada waktu ini, ia-itu melantek pegawai² di-dalam

Majlis Keselamatan Sosial daripada (a) sampai (f). Pegawai² yang akan dilantek ini sa-hingga-lah kepada Clause (2) tidak tersebut satu sekshen yang kita namakan gulongan *social workers*. Jadi oleh kerana Rang Undang² ini untuk keselamatan social, maka patutlah dimasukkan ahli² di-dalam Majlis ini gulongan daripada *social workers* kerana mereka itu lebih adil dan lebih tahu.

Ada pun masaalah mewakili pekerja, mewakili majikan, maka ini ada-lah perkara biasa di-antara dua pehak yang menuntut dan kena tuntut, tetapi *social workers* orang yang tidak ada *interest* dalam kedua² pehak, itu akan lebih adil dan saksama.

Tuan V. Manickavasagam: Mr Chairman, Sir, if the Honourable Member would see Section 60 (2), it states, "The Minister may appoint, in addition two non-officials (one of whom shall be a woman) to be members of the Coouncil". Sir, I shall keep in mind what the Honourable Member said when nominating such members.

Fasal 58 hingga 82 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal 83 hingga 109 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Pertama di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadula Kedua di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Ketiga—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, pada Jadual Ketiga ini saya hendak mengulangkan sa-mula apa yang saya minta kapada Yang Berhormat Menteri tadi, ia-itu Rang Undang² ini apabila di-luluskan hendak-lah di-kaji bersama² dengan Undang² yang lain, terutama Undang² yang kena-mengena dengan buroh. Bab yang saya membawa perkara ini ia-lah di-bawah Bahagian Dua, ia-itu berkenaan dengan gaji bulanan yang

hendak menentukan kadar charum sama ada charum majikan atau charum pekerja.

Yang pertama sa-kali ia-itu gaji hingga \$30. Ini membayangkan bahawa dalam negara kita ada sa-orang buroh yang gaji-nya \$30. Saya tidak nampak bagaimana kerja yang kita patut beri kepada sa-orang buroh dalam negara kita ini dengan \$30.

Tuan Pengurus, dari segi *social justice* manusia merupakan modal juga. Arti-nya kalau kita bergantong kepada *nature*, bergantong kepada *capital*, bergantong kepada mesyen, tetapi manusia itu menjadi unsor atau pun faktor yang besar. Kalau Undang² Buroh di-negeri kita mengiakan bahawa ada manusia yang gaji \$30, saya rasa Menteri ini patut-lah fikir sampai dua kali.

Tuan V. Manickavasagam: Mr Chairman, Sir, just because it is mentioned here wages up to \$30, it does not mean that workers are getting just \$30. There are people who do part-time work and they may be employed in a number of establishments getting \$30 each, amounting to \$150. So, we are covering all categories. I can assure the Honourable Member that where wages are low, we are looking into it and setting up Wages Councils.

Jadual Ketiga di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Keempat di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Kelima di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE PENSIONS (TEMPORARY PROVISIONS) (SARAWAK) BILL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya Rang

Undang² yang bergelar Undang² Pensions (Temporary Provisions) (Sarawak) Bill tahun 1969 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang² ini ia-lah bagi membolehkan Pegawai² Kerajaan yang tertentu di Negeri Sarawak ia-itu Pegawai² dalam Perkhidmatan dengan Kerajaan Negeri dan juga Pegawai² Negeri yang di-pindjamkan atau pun di-tukarkan ka-perkhidmatan dalam Jabatan² Persekutuan dalam Negeri Sarawak itu untuk bersama dengan di-beri faedah² penchen atau pun faedah² persaraan terba'alok kepada sharat² yang tertentu yang ditetapkan dalam Rang Undang² ini, jika lau mereka hendak masuk bertanding dalam pilehanraya ka-Dewan Undangan Negeri atau pun ka-Council Negeri yang akan datang.

Sa-bagaimana Dewan ini harus maseh ingat lagi bahawa beberapa bulan dahulu Undang² yang saperti ini juga telah pun di-luluskan mengenai Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap rengkas sahaja berkenaan dengan Rang Undang² ini, Rang Undang² yang sa-macham ini pada masa yang lalu pernah kita buat bagi Negeri Sabah. Saya telah membangkitkan pada masa itu supaya Rang Undang² yang sa-macham ini di-buat juga bagi Sarawak supaya sa-kurang-nya kita tidak membuang masa dan kita dapat menyamakan fasal² yang akan di-kenakan di-dalam Undang² itu. Saya telah kemukakan pada masa itu ia-itu Pegawai Polis patut di-masukkan sama di-dalam Undang² ini supaya mereka itu yang mempunya'i kelayakan di-bawah Undang² ini dapat masuk bertanding di-dalam pilehanraya. Kerajaan telah menjawab bahawa Pegawai Polis tidak menasabah di-masukkan oleh kerana mereka itu tidak memehak atau pun *impartial* dan mereka ini menjaga keamanan, maka tidak patut di-masukkan.

Tiba² kalau saya tidak silap faham dalam Rang Undang² ini Pegawai Polis pun boleh pula di-masukkan dalam Rang Undang² ini. Saya juga pada masa itu telah meminta supaya bukan sahaja Pegawai Polis, tetapi juga Pegawai² Tentera pun di-masukkan sama, kalau mereka itu bersedia untuk bertanding. Guna-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita amat beruntung kalau kita mendapat pengalaman² daripada berbagai sekshen atau pun berbagai² gulongan dalam masyarakat kita. Pegawai² Polis mempunyai pengalaman-nya sendiri dan Pegawai Tentera mempunyai pengalaman-nya sendiri yang kita tidak ada pengalaman seperti itu. Dan saya men-chadangkan atau pun meminta kepada Kerajaan supaya memasukkan juga Pegawai² Tentera.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan Rang Undang² ini sendiri ia-itu dapat di-faham atau pun dapat di-ramalkan oleh masyarakat ramai, kalau sa-kira-nya kita dapat memasukkan Pegawai² Polis dan tidak memasukkan tentera, ada-kah Kerajaan memikirkan bahawa ada Pegawai² Polis yang akan masuk bertanding, atau pun boleh di-fikirkan oleh orang ramai bahawa pehak Kerajaan sudah pun menchari candidate-nya daripada Pegawai² Polis. Dengan demikian apabila Pegawai² itu bertanding, maka personality-nya, atau pun kedu-dokan keorangan-nya dapat mengge-ronkan ra'ayat. Tentu-lah ra'ayat ramai tidak dapat hendak membezakan Pegawai Polis yang baru berhenti dalam masa dua minggu, atau pun dalam masa dua hari itu dengan pegawai yang maseh bekerja. Dengan yang demikian mereka itu takut dan mereka itu akan mengundi dengan tidak bebas. Ini yang saya berasa tidak puas hati. Itu kalau fahaman saya bahawa Pegawai Polis itu ada termasuk dalam ini.

Yang ketiga

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada-kah panjang lagi hendak bercha-kap? Masa sudah pukul satu. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Persidangan di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada puluk 4 petang.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusi-kan Meshuarat)

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL)

Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menchadangkan: Bahawa walau apa pun yang di-sharatkan dalam ketetapan yang di-luluskan oleh Dewan ini pada hari Ithnin, 10hb Februari, 1969, mengenai waktu per-sidangan Dewan ini, pada puluk 6.30 petang hari ini Dewan ini hendak-lah di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi esok, Khamis, 13hb Februari, 1969.

Menteri Hal Ehwal Sabah (Dato' Ganie Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa walau apa pun yang di-sharatkan dalam ketetapan yang di-luluskan oleh Dewan ini pada hari Ithnin, 10hb Februari, 1969, mengenai waktu persidangan Dewan ini, pada puluk 6.30 petang hari ini Dewan ini hendak-lah di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi esok, Khamis, 13hb Februari, 1969.

THE PENSIONS (TEMPORARY PROVISIONS) (SARAWAK) BILL

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, menyambong uchapan saya tengah hari tadi dengan sa-berapa rengkas-nya saya mengulang-kan balek ia-itu saya minta kapada Kerajaan menimbangkan Pegawai² Ten-terta boleh di-masukkan sama di-dalam peluang bertanding di-dalam pilehan-raya.

Yang kedua dan yang terakhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masa bagi sa-saorang pegawai itu meletakkan jawatan tidak di-sebut

di-sini. Apabila tidak di-sebut, erti-nya pegawai itu boleh meletakkan jawatan dalam masa 24 jam atau pun kurang, dengan sharat perletakan itu sampai kapada pegawai yang berkuasa yang di-kuasakan untuk menerima perletakan itu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, tiap² satu perletakan jawatan tentu-lah kita menunggu penerimaan dahulu. Dalam Rang Undang² ini ada satu Clause yang mengatakan bahawa kalau pemberitahu penerimaan perletakan jawatan tidak sempat di-sampaikan kapada pegawai yang meletakkan jawatan itu oleh sebab² yang boleh di-terima maka perletakan jawatan itu di-terima sa-sudah pegawai itu sah menjadi chalun. Itu, Tuan Yang di-Pertua, sa-olah² memberi peluang kapada chalun² yang penakut sa-kali untuk menyatakan diri-nya hendak menjadi chalun. Sa-patut-nya dia mesti *resign* sa-bulan dahulu supaya masharifik tahu bahawa orang ini betul² hendak bertanding bukan hendak menchari peluang sahaja jadi nampak-nya pegawai² yang akan meletakkan jawatan dalam masa 24 jam baharu hendak bertanding kemudian kalau mereka tak sampai surat kelulusan daripada pehak yang berkuasa pun akan di-luluskan dengan sebab² yang tertentu sa-telah dia di-chalunkan. Ini ka-semua menggambarkan chalun² yang *opportunists*, yang penakut—tetap sa-bulan dahulu supaya orang tahu, baharu gentleman dalam politik. Ini besok hendak bertanding malam ini dudok berkira lagi dengan isteri, hendak letak jawatan, hendak hilang kerja, kemudian di-pujok oleh orang yang berkuasa letak malam itu, lusa tak sampai surat lagi, ada pula Clause dalam ini, tolong membenarkan-nya.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, Clause ini juga boleh di-gunakan oleh pehak yang berkuasa ia-itu dia menyembunyikan chalun-nya. Dia tak mahu bagi tahu siapa hendak jadi chalun. Hendak tunggu, besok lusa pun orang tak tahu lagi. Ini satu chara yang penakut, chara yang bachul dan yang lagi satu defect-nya ia-lah bagi Pegawai Polis, Tuan Yang di-Pertua, kata-lah pegawai polis itu berpangkat A.S.P. dan tugas-nya sa-bagai O.C.P.D. Hari ini masharifik tahu lagi dia O.C.P.D., dia pegawai polis dan orang hormat

dia sa-bagai polis, tiba² malam itu atau pun hari itu dia letakkan jawatan, siapa pun tak tahu, boleh jadi uniform-nya pun tak sempat hendak buang lagi, maka di-situ banyak-lah pengundi² itu takut kapada pegawai itu dan mereka akan mengundi tidak bebas. Saya rasa patut-lah di-fikirkan dia tak sempat hendak fikir, Kerajaan pun tak akan hendak pinda, dia hendak menghadap pilehanraya sudah dekat sangat. Sa-patut-nya dia mengatakan di-sini hendak-lah sa-bulan dahulu, itu baharu-lah berseh dan masharifik pun boleh pandang dengan elok dan orang itu pun jujar dan saya perchaya kalau Yang Berhormat Menteri kita menyatakan dia hendak menjadi chalun pun dia akan menang, dan dia tidak akan kalah sa-bagaimana dia kalah dahulu.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh atas pandangan² Ahli Yang Berhormat dari Bachok. Tegoran yang pertama menge-nai Pegawai² Polis dan Tentera, memang benar dahulu Ahli Yang Berhormat itu ada memberi pandangan supaya di-negeri Sabah polis di-benarkan untuk bersara di-bawah undang² yang berkenaan.

Berhubong dengan Tentera, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu telah tidak mengkaji keadaan dan kenyataan dengan sa-dalam²-nya dan tidak memikirkan, saya berasa kechewa sadikit pada hari ini kerana biasa-nya rakan saya Ahli Yang Berhormat ini mengkaji Rang Undang² satu chadangan yang mengenaikan dengan ini sa-chara menda-lam dan dalam masa lawatan ka-Timor Tengah dia mengikut saya, saya telah sunggoh impress atau pun merasa, memuji dia sa-kali, atau pun segala tugas² yang telah di-jalankan-nya. Jadi pada hari ini sunggoh kechewa, kerana dia tidak bacha, mithal-nya Clause 2 (3) (a), kalau dia bacha di-situ dia fikir sadikit sahaja menggunakan geresel dia itu dia tidak akan mengemukakan masalah tentera ini. Orang yang hendak mendapat penchen, Tuan Yang di-Pertua, kalau penchen dia itu hendak dapat besar sadikit tentu dia telah lama bekerja sa-kurang²-nya 10 tahun atau 15 tahun. Kalau dia bekerja chuma sa-tahun dua tahun sahaja harus

penchen yang dia dapat sa-ringgit dua ringgit sa-bulan; jadi tidak ada guna langsung dia dapat penchen. Jadi, Sarawak masok dalam Malaysia beberapa tahun sahaja ketika sa-belum Malaysia tidak ada tentera di-negeri Sarawak. Jadi dengan sebab kenyataan itu-lah, maka di-dalam Rang Undang² ini tidak di-masukkan tentera di-Sarawak itu di-bahagian bersara kerana tidak akan berbangkit perkara itu. Jadi, itu-lah saya berasa kechiwa hari ini rakan saya ini tidak mengemukakan geresel dia itu sa-bagaimana biasa.

Masaalah yang lain masa hendak meletakkan jawatan, Ahli Yang Berhormat itu menchadangkan satu bulan. Ini sunggoh pun mungkin kemas nam-pak-nya, elok di-pandang oleh ra'ayat dalam keadaan yang ada sekarang ini jika kita sekut bagitu akan mendatangkan kerumitan. Pertama sa-kali masaalah chalun ini berkaitan dengan parti politik kebanyakannya. Jadi, terkadang² parti politik harus juga parti PAS berbuat demikian tidak memberi keputusan siapa yang akan di-chalunkan sa-hingga kapada tingkat yang akhir, jadi tidak di-ketahuï sampai kapada tingkat yang akhir siapa yang patut di-chalunkan. Bagi mereka yang tentu akan di-chalunkan memang-lah mereka akan mengambil kesempatan untuk menghantar permohonan supaya di-benarkan bersara di-bawah Rang Undang² ini dengan sa-berapa cepat yang mungkin. Tetapi jika mithal-nya Ahli Yang Berhormat ini menjadi pegawai polis di-Sarawak dan dia tidak berniat hendak bertanding atau pun di-suroh bertanding, tiba² chalun yang akan di-kemukakan oleh Parti Bumiputra di-Sarawak mati dua hari sa-belum nomination, kita terpaksa chari chalun yang lain. Jadi, dalam keadaan yang bagini Rang Undang² ini sunggoh sesuai—flexible. Jadi dengan perchaya kapada principle flexibility ini-lah kita tidak menentukan masa satu bulan. Ini perkara yang sangat kecil, Tuan Yang di-Pertua, membuang masa Dewan ini untuk membangkit²kan—berputar². Masaalah penakut tidak penakut bila orang masok bertanding itu tidak-lah dia penakut. Kalau dia penakut dia tidor-lah di-rumah dia sendiri. Macham Ahli Yang Berhormat datang

dari Perlis tidak mahu bertanding di-Perlis dia pergi bertanding di-Bachok. Ini saya panggil penakut, kalau dia berani dia balek di-Perlis bertanding, lawan Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara dan dari Perlis Selatan—in baru berani. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat itu rasa hendak tunjokkan gentleman, dia hendak tunjok keberanian dia, saya chabar dia bertanding di-Perlis, baru tunjok gentleman dia di-sana.

Jadi, yang lain² tidak menghendaki jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Sa-kali lagi saya menguchapkan terima kaseh dan harap rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu lain kali bila mengkaji Rang Undang² gunakanlah standard yang biasa jangan turunkan standard dia yang sudah tinggi itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, untok penjelasan. Chabaran Yang Berhormat Menteri saya payah hendak terima, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dari Perlis chabar saya dalam Dewan ini, saya terima Tuan Yang di-Pertua.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagi Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagi Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG² YANG TAK DI-INGINI

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izinkan saya membentangkan Rang Undang² yang bertajok Act untuk menyatu dan meminda undang² bagi

pendaftaran penjenayah², orang² buangan negeri, orang² usiran, orang² nyahan dan orang² sekatan bagi maksud yang bersangkutan dengan-nya, untuk di-bacha pada kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang² ini ia-lah supaya ada satu Act yang sama untuk pendaftaran katogeri penjenayah yang tertentu dan orang² yang tidak di-ingini yang boleh dipakai untuk seluroh Malaysia dan juga menyatukan undang² yang ada sekarang sa-bagai satu daya yang penting untuk menchegah dan mengintip perbuatan jenayah. Di-masa ini ada 3 macham Ordinance yang berlainan mengena'i pendaftaran penjenayah² di-Malaysia. Ordinance² tersebut ia-lah:

- (i) Ordinance Pendaftar Penjenayah² (Negeri² Tanah Melayu) tahun 1948.
- (ii) Ordinance Chap² Jari (Sabah)
- (iii) Ordinance Chap² Jari (Sarawak)

Sa-bagai satu daya untuk menchegah dan mengintip perbuatan jenayah adalah di-fikirkan perlu supaya di-adakan pengawasan ka-atas semua pendaftaran penjenayah² dan orang² yang tidak di-ingini di-Malaysia. Satu daftar besar yang mengandungi butir² mengena'i penjenayah² dan orang² yang tidak di-ingini mesti di-simpan di-Pejabat Besar Pendaftaran di-Ibu Kota sa-lain daripada daftar² yang di-selenggarakan di-Sarawak dan di-Sabah.

Ada-lah di-pandang perlu juga, supaya Menteri yang bertanggong-jawab di-atas perkara ini hendak-lah di-beri kuasa yang penoh untuk memperluaskan bidang bagi butir² yang boleh di-daftarkan.

Pindaan² yang penting kapada undang² yang ada sekarang ada-lah di-bentangkan di-dalam Kertas Huraian (Explanatory Statement) mengena'i Rang Undang² tersebut, tetapi untuk pengetahuan Majlis di-bawah ini di-bentangkan aspek² yang mustahak ia-itu:

Perlantekan Pegawai²—

- (a) Sekshen 3 memberi kuasa untuk perlantekan Pendaftar Penjenayah dan Orang² yang Tidak di-Ingini untuk seluroh Malay-

sia dan sa-orang Timbalan Pendaftar untuk Sabah dan Sarawak. Mengikut Ordinance Pendaftar Penjenayah, 1948 perlantekan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Jenayah oleh Yang di-Pertuan Agong ada-lah terhad di-Malaysia Barat sahaja. Sabah dan Sarawak ada mempunya'i undang² masing² yang tidak memperuntukkan perlantekan sa-orang Pendaftar. Ketua Inspektor di-Sarawak dan sa-orang Inspektor di-Sabah telah di-tugaskan oleh Pesurohjaya Polis masing² untuk mengetua'i Bahagian² Chap² Jari di-Sabah dan di-Sarawak.

- (b) Sekshen 4 (b) memberi kuasa yang lebuh kapada Menteri untuk memperluaskan bidang bagi butir² mengena'i orang² berkesalan jenayah yang boleh di-daftarkan.

Undang² yang baharu ini membolehkan butir² yang di-daftarkan itu di-ambil daripada negeri² lain, berthabit dengan kesalahan yang di-lakukan oleh ra'ayat Malaysia di-luar negeri, di-mana butir² tersebut belum lagi di-tafsirkan ka-dalam Act baharu ini untuk di-daftarkan oleh Menteri di-bawah Sekshen ini.

- (c) Di-bawah Sekshen 7, memerlukan satu daftar besar untuk butir² yang boleh di-daftarkan mengena'i penjenayah², orang² buangan negeri, orang² usiran, orang² nyahan, dan orang² yang di-hadkan kediaman untuk tiap² negeri ia-itu Malaysia Barat, Sarawak dan Sabah mesti-lah di-simpan di-Ibu Pejabat Besar Pendaftaran di-Ibu Kota dan daftar untuk negeri² Sabah dan Sarawak di-simpan di-tiap² negeri itu sendiri. Di-masa ini Pejabat Besar Pendaftaran di-Kuala Lumpur ada-lah sa-buah Daftar Besar yang mengandungi rekod² jenayah untuk Malaysia Barat sahaja. Sabah dan Sarawak mempunya'i

rekod masing² yang tidak bersamaan dengan yang ada di-Pejabat Besar Pendaftaran Kuala Lumpur.

- (d) Sekshen 9 (3) mengemukakan pindaan yang penting di-mana butir² yang di-daftarkan mengenai orang yang di-tudoh di atas hukuman parol yang tidak di-rekodkan, akan terus berada di-dalam daftar sa-kira-nya di-dalam masa parol ia maseh di-dapati salah di-atas satu kesalahan yang dapat di-daftarkan. Tujuan-nya ia-lah untuk menakutkan mereka yang suka menyalah gunakan peluang yang di-beri untuk membolehkan akhlak-nya dan juga meng lengkapkan pehak Polis dengan kemudahan² yang berkenaan untuk mengawasi mereka. Di-bawah undang² yang maseh berjalan sekarang, butir² yang boleh di-daftarkan mengenai pensalah yang di-dapati salah thabitan (conviction) mengenai-nya tidak di-rekodkan oleh Mahkamah tetapi chuma di-ikat jamin supaya berkelakuan baik atau yang di-letakkan dalam perchubaan selama tempoh yang tertentu, akan di-kembalikan kapada-nya atau di-binaskan.
- (e) Sekshen 11 mengemukakan chara untuk membuktikan thabitan (conviction) mengenai sa-saorang yang dahulu-nya di-dapati salah di-luar negeri. Thabitan sa-saorang yang dahulu-nya di-dapati salah di-luar negeri tidak boleh di-gunakan sa-bagai keterangan di-dalam Mahkamah oleh kerana tidak ada peruntukan di-dalam undang² yang ada sekarang.
- (f) Sekshen 12 memberi kuasa kepada Ketua Polis Negara untuk mengechualikan di-bawah keadaan² yang tertentu pensalah² yang hanya baru melakukan kesalahan² pada kali yang pertama.
- (g) Menteri berkuasa di-bawah Sekshen 13 untuk memerentahkan supaya di-hapuskan butir²

yang boleh di-daftarkan bagi orang² buangan negeri, orang² usiran, dan orang² sekatan yang belum pernah di-thabitkan atas suatu kesalahan yang boleh di-daftar, tetapi telah di-buang negeri, di-usir atau pun di-hadkan tempat kediaman-nya. Sa-bawah itu, di-bawah undang² yang ada sekarang ini, tiada peruntukan untuk membinasakan butir² yang telah di-daftar terhadap orang² buangan negeri atau yang di-usir yang belum pernah di-thabitkan, tetapi telah di-lepaskan daripada perentah buang negeri atau perentah pengusiran.

- (h) Act ini memansohkan peruntukan Ordinance Pendaftaran Penjenayah², 1948 di-mana butir² yang boleh di-daftarkan mengenai orang² sekatan hendak-lah di-binaskan atau pun di-kembalikan apabila habis tempoh perentah kediaman terhad. Butir² ini sekarang boleh di-simpan mengikut Act yang baharu ini. Dengan kuasa Sekshen 5, dapat di-luluskan kehendak supaya chap² jari penjenayah², dan orang² yang tidak di-ingini itu akan di-simpan oleh pehak yang berkenaan terti'alok kapada perentah atau arahan yang di-buat di-bawah Sekshen 9, 12, atau 13. Walau pun orang² sekatan bukan-lah penjenayah² yang telah di-hukum, tetapi aktiviti² jenayah mereka ada-lah di-anggap sa-bagai anchaman kapada ketenteraman 'awam. Dari itu butir² mengenai mereka patut-lah di-simpan oleh pehak Polis kerana kemungkinan mereka mencheborkan diri lagi ka-dalam gerakan² jenayah di-masa hadapan tidak-lah boleh di-perkecilkkan.

Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dengan rengkasannya saya hendak berchakap berkenaan

dengan Rang Undang² ini. Saya telah mendengar penerangan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri dan saya pagi tadi telah juga rujokkan undang² yang berkaitan yang ada sa-belum undang² ini di-kemukakan. Satu perkara yang baik ia-lah kita dalam negara kita sekarang ini sudah chuba hendak mengadakan undang² baru, terutama kita tidak mahu lagi bergantong kapada undang² pada tahun 1948 ia-itu undang² yang terlalu lama di-zaman penjajah dahulu, tetapi ada beberapa perkara yang patut kita timbulkan dalam Dewan ini. Saya dapat Rang Undang² ini pada dasar-nya baik, tetapi pada perlaksanaan-nya akan menimbulkan lagi lebih banyak perkara² yang burok dan perkara² yang tidak baik. Tujuan dalam undang² ini ada-lah baik, tetapi sa-jauh mana perlaksanaan itu akan di-buat tidak akan lebih daripada apa yang telah kita jalankan mengikut undang² yang ada dahulu. Mithal-nya, kita hendak mendaftarkan orang² yang bersalah atau pun orang² yang kita tidak ingini pada masa yang lalu kita telah ada bermacham² peratoran mithal-nya apa yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda tadi, ia-itu chap jari di-Sabah dan di-Sarawak dan kita di-sini ada satu Undang² ia-itu Mengawal Penjenayah, 1948. Ada lagi peratoran² yang saya ingat ia-itu kita ada peratoran yang di-namakan R.B.C. (Registered Bad Character), lagi satu P.S. (Police Supervision). Jadi itu sa-haja yang dapat kita lakukan mengikut Undang² ini dan saya rasa kalau Undang² itu di-perbaiki ada lebih baik lagi daripada apa yang kita buat.

Saya katakan bagitu ia-lah kita sebut di-sini Undang² Jenayah dan Orang² yang tidak di-ingini. Saya lebih suka kalau kita hendak membuat satu Undang² sa-mata² kena-mengena dengan jenayah, kita buat satu Undang² yang berasingan. Ada pun kita hendak champorkan dengan orang² yang tidak di-ingini, saya rasa itu sudah menimbulkan satu keraguan di-dalam kekuatan kita untuk hendak melaksanakan undang² ini. Apa-kah erti-nya pula orang yang kita tidak di-ingini itu? Maka di-beri-lah ta'arif di-sini dan ta'arif itu bila kita ikuti kita hendak berpegang dengan sunggoh, berjumpa

pula kita kapada satu clause yang lain ia-itu saperti Clause 13—Menteri pula mempunya'i kuasa pada bila² masa pun boleh membuat butir² itu, boleh mengurangkan, boleh memenohkan lagi. Mithal-nya, hari ini dia dalam *bad mood*, dia tengah marah, orang itu tidak menguchapkan assala mu'alaikum pun dia masok satu perangai yang tidak baik, bila dia suka terlampaui buat apa pun tidak mengapa. Ini clause yang 13 ini terlampaui flexible, sampai kapada had yang tidak dapat dia pegang dari segi Undang².

Tuan Yang di-Pertua, kemudian kita tengok jenis² kesalahan yang boleh di-daftarkan termasok bermacham². Judi pun ada, keamanan pun ada, menikah pun ada, arti-nya *criminal case* pun ada, *personal affairs* pun ada, jangan² shariah pun ada di-sini, bermacham² masok dalam itu. Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya rasa tidak patut kita rangkumkan kesemua masok di-dalam perkara yang sa-macham ini—pos pun ada, kesihatan pun ada—banyak sangat lagi.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mithal-nya, kita katakan kalau-lah senjata api, ketenteraman 'awam, jadi, kanun achara jenayah mithal-nya, chandu itu boleh-lah perkara² yang ja-hat yang sa-macham itu. Ini masok di-sini post office pun ada ia-itu beli stamp buboh kurang stamp pun hendak daftar kapada jahat, lalu lintas jalan—saya tidak ingat Clause 15 (1) dan 16 ini tetapi jika-lau satu orang itu langgar "Stop-Look-Go" tulis dalam itu, orang ini jahat, masok daftar dalam itu.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, bagus juga kita membuat sa-macham ini dengan harapan pada satu masa kita boleh mengadakan satu kajian dalam ilmu jenayah ia-itu *criminology*—bagus juga. Tetapi dahulu kita telah ada bermacham² Undang² dan hasil daripada pen-daftaran kita, perlaksanaan kita, tidak pun timbul satu siasatan dan kita tidak dapat menyatakan kapada Dewan ini kesalahan yang di-lakukan oleh ma-sharakat² negara kita ini terbahagi ka-pada (a) bagini, (b) bagini, (c) bagini, mudah-lah pehak polis atau pun pehak²

yang kita tugaskan menchegah kesalahan² ini menjalankan tugas²-nya. Sekarang kita rangkumkan kesemua ada dalam ini dan saya rasa lagi payah kita hendak study atau pun hendak kaji kesalahan² yang di-lakukan di-dalam negara kita ini.

Perkara yang kesemua orang tahu Rang Undang² ini lebeh dapat di-gunakan, dapat di-salah gunakan untuk menakut²kan masa pilehan raya dan *duty* di-dalam Bill ini telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri di-bawah Clause 9 (3), ia-itu di-buat hendak di-adakan chap jari—kalau tidak silap saya, gambar pun ada, untuk menakut²kan, di-sebut-nya perkataan menakut²kan. Memang benar, Tuan Yang di-Pertua, dalam satu Undang² itu kita lebeh suka supaya manusia itu takut kapada Undang² daripada dia berani menerima hukuman—itu betul. Tetapi apabila ini di-terangkan supaya ditakut²kan memang akan berlaku di-dalam masa pilehanraya. Saya boleh tunjok dua tiga chontoh atau pun kemungkinan—possibilities—yang akan berlaku, mithal-nya

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak boleh, ada mengikut Peratoran Undang² Perbahathan, tidak boleh di-tudoh benda yang di-sangka². Jadi bagitu tidak boleh.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya memberi penjelasan sadikit di atas penggunaan perkataan "takut" yang saya gunakan dalam chakapan saya tadi.

Saya menggunakan perkataan menakut itu menepati perkara masalah di-dalam mana sa-saorang itu telah di-tudoh di-Mahkamah, di-bicharakan, di-dapati salah, tetapi oleh kerana beberapa faktor yang patut di-beri perasaan belas kasehan kepada dia, dia tidak di-kenakan hukuman dan tidak di-masukkan perkara conviction dia di-dalam rekod. Jadi orang yang bagini ini ada satu sharat di-dalam ini dalam mana ia akan di-kawal pada masa dia di-jamin dengan *conviction* dia tidak di-masukkan dalam daftar supaya menakutkan dia jangan lagi dia membuat satu perkara yang sa-macham itu juga, adakan satu sharat di-sini dalam mana kalau sa-kira-nya takdir-nya,

sa-kali lagi dia di-dapati melakukan satu kesalahan, jika sa-kira-nya di-dapati salah juga, rekod akan di-buat bukan sahaja terhadap kesalahan yang di-lakukan kemudian-nya, tetapi juga atas conviction dan kesalahan terhadap tuduhan yang mula² dahulu. Itu-lah sebab-nya yang saya katakan, saya gunakan perkataan menakut bukan menakutkan orang² di-Kelantan umpama-nya pada masa dekat pilehan raya ini—tidak.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta saya tidak di-salah fahami. Dalam perbahatan ini saya tidak berniat dan saya tidak kata bahawa Undang² ini perkataan menakutkan itu di-gunakan terhadap orang² dalam pilehan raya. Apa yang saya telah mengaku tadi bahawa saya bersetuju di-dalam falsafah Undang² supaya ra'ayat itu takut kapada belasan itu, dia tidak melakukan lagi—saya bersetuju, saya kata.

Apa yang saya hendak kata tadi ialah apabila kita memberi kuasa kepada Menteri boleh mengubah, menambah, bagini bagitu butir² itu, maka ini akan dapat di-salah gunakan. Saya tidak mengatakan orang² itu menggunakan, akan dapat, sebab itu saya chuba hendak memberi beberapa *possibilities*, kalau² benda itu di-salah gunakan, dapat-lah Kementerian ini *prevent* sebelum daripada benda itu berlaku dan Yang Berhormat Menteri itu pun tahu "prevention is better than cure".

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut bagini, satu sahaja, tidak usah banyak masa pun akan memakan masa banyak, ia-itu mithal-nya satu orang salah dia dalam Undang² Traffic, ma'afkan saya kalau section ini tidak termasuk dalam itu. Saya kemukakan bagini. Kalau sa-orang itu tersalah, di-dapati salah dan di-daftarkan kerana satu kesalahan di-dalam lalu lintas, chap jari-nya di-ambil, gambar-nya di-ambil, kemudian dia sendiri pula bukan sahaja takut terhadap kesalahan lalu lintas itu, ka-mana dia hendak pergi pun dia sudah takut kerana dia tahu chap jari-nya, gambar-nya ada—mengambil chap jari pula bagi ra'ayat, Tuan Yang di-Pertua, ma'af² chakap, menggeletar bagini (di-tunjokkan dengan tangan) sebab mengambil finger

print ini chukup takut terutama kalau pegawai Polis yang ada uniform memegang jari-nya letak, jari tangan yang panas itu pun menjadi sejok, Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah membuat kerja ini, takut orang itu kadang² menggilir pada hal kita hendak mengambil chap jari tambahan pula photograph kita ambil, kemudian di-dapat pula mithal-nya di-bawa dalam Mahkamah mengikut sekshen² yang ada ini, kemudian orang itu acquitted and discharged pula—buang. Rekod-nya ada, gambar-nya ada, chap jari-nya ada, kesalahan-nya sudah tidak ada maseh lagi dia takut juga. Jadi kita berhajat supaya ra'ayat takut berpadanan supaya jangan melakukan kesalahan, ini dia takut lebih, terlampaui, sa-hingga dia berasa dalam kedudukan dia itu hendak bergerak pun tidak boleh. Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, bermacham² kesalahan yang ada ini hendak di-daftarkan dan akan berjalan-lah orang² yang jahat-nya, mithal-nya yang mengambil kesempatan daripada Rang Undang² ini bila di-luluskan. Kata-nya Menteri akan melakukan bagini, mendaftar bagini, mendaftar bagini. Padahal mendaftar itu bukan satu kesalahan. Bagi ra'ayat takut. Tambahan pula kita luluskan Rang Undang² ini dekat dengan pilehanraya. Di-situ point saya, saya tidak menuduh Kerajaan hendak menggunakan untok pilehanraya. Saya tidak fikir Kerajaan sampai bagitu jahat. Apa yang di-buat-nya ini pun sudah chukup jahat, Tuan Yang di-Pertua, Jadi tidak menasabah-lah kalau hendak katakan saya sampai bagitu hendak menuduh.

Saya setuju satu point ia-itu Clause 11 ini, ia-itu kenyataan² di-luar negeri. Pada masa dahulu tidak dapat kita gunakan, sekarang kita dapat gunakan. Sebab, manusia yang jahat di-luar negeri itu, jahat juga di-dalam negeri ini. Ini satu perkara yang baik. Satu perkara yang baharu yang saya rasa patut di-kemukakan di-dalam Rang Undang² ini.

Yang akhir-nya sa-kali, saya tidak puas hati lagi berkenaan dengan Clause 4 (i) (b) sa-bagaimana yang di-terangkan tadi yang memberi kuasa lebih kapada Menteri membuat butir² penafaran. Yang lagi satu ia-lah ber-

kenaan dengan borang² dan chap jari dan sa-bagai-nya. Tuan Yang di-Pertua, kita sudah ada bermacham² Undang². Undang² Internal Security Act ini pun sudah chukup mempertahankan orang, menghadkan kedudukan. Itu sudah chukup elok. Hendak di-buat pun sudah lebuh. Jadi saya tidak nampak, sa-kurang²-nya saya dapat berkata saya tidak berpuas hati dengan sikap Kerajaan mengemukakan Rang Undang² ini menjelang-nya pilehanraya. Sebab bunyi Rang Undang² ini pun sudah menakutkan ra'ayat. Kalau sa-kira-nya kita memikirkan menasabah kita buat di-negeri kita ini, saya akan sokong, tetapi lepas pilehanraya supaya ra'ayat kita ini tidak salah faham. Ada pun dekat² hendak pilehan raya buat baik, baik sangat; mengemukakan Undang² Social Security, tiba² pagi tadi, petang ini pula terlampaui tidak baik sangat pula pada pandangan ra'ayat. Jadi saya pun tidak tahu menchampor-perkara yang baik dengan yang tidak baik. Itu menggambarkan bagaimana tidak tenang-nya pemerentah pada masa ini menghadapi pilehanraya. Saya bersetuju dalam perkara ini, lagi sa-kali kalau sa-kira-nya pehak Kerajaan jujur dalam perkara ini, saya dengan keizinan tuan menchabar Kerajaan supaya di-bawa kapada Select Committee. Saya tidak suroh tarek balek, sebab saya pun tahu sa-buah negara memerlukan Undang². Jikalau tidak, saya terpaksa mengatakan "Go to hell with this Bill."

Tuan Geh Chong Keat (Penang Utara) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, when we speak of the registration of criminals, that it is another form of security and protection of the rights of our people, on the other hand, we must also think of the necessary precautions to prevent the abuse of power. In this respect, Sir, I would like to say that we in Malaysia are lucky to have a very efficient Police Force, which has been complimented as one of the best in South-East Asia. However, Sir, when we speak of the good, we must think of our own problems. Therefore, in this respect, I would like to request the Honourable Minister to tighten and step up the efficiency of a minor group of the Police Force. If

we could get this cleaned up, I am sure we would really have the honour of having the best Police Force in South-East Asia, as has been complimented by various dignitaries visiting our country.

Sir, I would like to request the Minister to study in particular the procedure of taking finger prints and the procedure of destroying them. We know that the normal procedure today is that when one is being charged in a Police Station, the first thing that they will do is to take down the 10 finger prints. Now, by the time they finished investigations and are convinced that the person should be discharged, quite often they forget to hand over the finger prints to the person discharged. I feel that the finger print sheets should automatically be returned to the person or destroyed in front of the person once a case is closed.

Sir, when we talk of collecting evidence for the final registration, I am a bit worried of the system that has been employed by some sections of the Police Force in some Police Stations. It is quite possible that Police officers have got to depend on detectives for evidence, and evidence is collected by stages—it may take a year or so to mark out. Therefore, if a person is being watched and is unfortunate enough to have incurred the displeasure of detectives, evidence against him could be built up in that they could utilise money collected from the Police officers as expenses to get evidence—it is quite possible at times they pay \$10 or \$20 to get evidence. Now, if at the beginning they could get only three and they brought up the case, and they found out that the evidence is weak and they could not proceed with the case, there is a possibility to wait for another few months, collect another four or five signatures and build up the case again. Therefore, I feel that evidence collected by detectives or the lower ranks should be checked by Senior Police Officers before a case is built up, rather than building up cases on evidence which might have been, in a way, bought.

Sir, I feel that in our normal way of life anyone could in some way or other step on peoples' toes. Not everyone of our citizens belongs to an honourable profession, and there are some who in their normal way of life might have descended to a lower level to earn their living and these are the people who might have stepped on the toes of the detectives or those with power. Also, as I have said, we may have within our Police Force some officers who may take it upon themselves to interpret the law and to enforce the law as they see fit, and sometimes due to over-zealousness they may throw their weight around. Therefore, I say all these circumstances must be studied before a person could be charged as a measure towards his registration as an undesirable element.

Secondly, I come to the investigation side. From what we have learned, the officers assigned to hear these hearings are more or less following a prototype procedure. They may know one thing, that they are being assigned to a hearing, and maybe that person has a bad record, and the one-track minded officer says: "Well, you have got to pay a debt to society". So, unfortunately, some of these persons appear before such prototype investigation officers, who follow the instructions down to the dot or comma. Sometimes they assume that once they are assigned to the job, and they are dealing with undesirable elements, their whole purpose or intention is to find a little loophole just to rope the man in to be registered. Therefore, I feel that investigation officers should be unbiased, they should study the evidence well before they proceed with a case. Then the person who have been charged will feel that justice has been handed out; otherwise, as it is, even a person before he appears before the Appeal Board knows that he is finished, because sometimes some officers take it upon themselves to tell the person charged that it is useless for him to engage a lawyer and it would not help him. I think that in such cases the officers are biased and the hearings are biased. Therefore, if

such a case has come out, before being finally registered, the person concerned should be given a chance to appeal against this miscarriage of justice, as we are purported to do justice in this House.

Sir, we know that with all good intention, we want to guide our citizens, we want to guide our people to follow the right path. But, quite unfortunately, we must also look to the other side, to the officers on whom we rely to guide our people to follow the right path—that is to say without falling foul of the law.

Now, Sir, in our daily life we have come across policemen driving against traffic signals, policemen driving against traffic lights, breaking traffic laws themselves. Again, we see lorries racing up and down; though they are supposed to travel at not more than thirty-five miles per hour, they are racing like nobody's business all along the highways. We have radio cars, we have traffic policemen all riding up and down on patrol, and yet we still see everyday and night lorries racing. What is it tantamount to? I know that the Police Force has done very well, Police officers are very concerned, and the Anti-Corruption Agency has been keeping an eye, but still I have this to say: that the policemen, the rank and file, may have their duties, like us in this House, as Members of Parliament, and they have to contribute towards the prestige and integrity of the Government and the people and the country; it is no good for them to say that they are officers of the law and yet we see them hanging around brothels and hiding in corners. Now, I think these are petty things and the Police themselves could correct their manners and step up their efficiency as an example . . .

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:
Tuan Yang di-Pertua, perchakapan Ahli Yang Berhormat ini terhadap perkara yang berbangkit daripada Undang² yang ada di-hadapan Dewan ini, ada pun perchakapan dia ada-lah terbuka sa-chara 'am-nya kepada semua² perkara berkaitan dengan Polis investigation dan lain²

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya suka hendak tahu.

Tuan Geh Chong Keat: Mr Speaker, Sir, as I said, I am speaking on the registration of criminals and undesirable persons as provided in this Bill.

Tuan Yang di-Pertua: Please stick to the Bill.

Tuan Geh Chong Keat: Yes, Sir. I am very glad that in this Bill there is provision that any person aggrieved may appeal to the Minister within thirty days on being informed of the action against him. Now, this, I am sure, will bring a lot of relief to the people on whom we have imposed disciplinary measures.

As I said, Sir, we have a very efficient Police Force, but we, as the law makers, must look to the left and the right. We want the people to adhere to the laws. We want to give them safeguards and protection and, as I said, it is also our privilege like the enforcement officers, the guardians of the law, to see that those who fall foul of the law should pay their debt to the society. But, then, Sir, I would like also to request a little favour from the Minister. We, in passing this law, are also supporting this law, but I would like to request the Honourable Minister to take action against officers, who try to belittle the Minister or Members of Parliament or *Wakil² Ra'ayat* at the various levels: they too have their responsibilities and are trying to contribute their share to make this country a heaven for everybody, but quite often their actions have been misinterpreted by the officers. Therefore, I would make a request to the Minister to understand that whatever we do, we are not—and I for one am not—making fun of the Police or making allegations. I am only conveying to the Minister what I see and what I hear as a Member of Parliament, and it is up to the Minister to study and find out whether they are correct or not. I am not making allegations, nor am I accusing the Police Force. I say our Police Force is the best in South-East Asia, and we have contributed towards the

training of the officers of our neighbouring countries, but yet we have still room for improvement and I request the Minister for action for that improvement. I also request for a little bit of sacrifice in stepping up efficiency by everyone in the Police Force as a part we are playing for the prosperity and happiness of the people in this country. Thank you.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (dengan izin): Mr Speaker, Sir, I support this Bill. I say that it is a very good Bill and very timely. I say it is very timely, because crime, in spite of an efficient Police administration in this country, is on the increase and we have to do something to discourage the criminals from going out of hand. They say that "prevention is better than cure", and I believe that this will be one step in the direction of prevention. However, I do feel that to be able to help the Police and those who are responsible for keeping law and order, one thing that would be of great help to the Police would be to give more publicity for participation or assistance on the part of the public.

Lately, we have read several times in the newspapers that certain criminal gangs or criminals have been arrested and their designs and programmes have been upset by a tip-off from the public. That, I believe, was to be very much commended upon and that was a step in the right direction. I feel more publicity should be given whenever any public assistance has been received. But there is one factor, Mr Speaker, Sir, that sometimes discourages the public from giving information to the Police: they are quite often called in by the Police for more questioning, for more thorough investigation, and many people fear that they might be unnecessarily pulled up, they might be unnecessarily exposed to the criminals—and, as such, they may sometimes fear to give evidence. This I don't think happens very often, but it is an impression that the public has and it is only fair that this impression be corrected.

The other point, Sir, is that perhaps the punishment that is being meted

out to the criminals at present is not sufficient to discourage them from doing these crimes. I do hope that in the near future the Minister, or the other Minister, will bring in legislation to make criminals pay more severely for doing something against the law and order of this country.

I have mentioned once before, Sir, that certain types of crimes should carry more severe punishment than they carry now. It is, I am sure, common knowledge to the Police and to the public that protection money by rowdy gangs and organised criminals is very much on the increase in the big towns. We read everyday in the papers of armed robbery taking place right in the heart of the town—fortunately, we have not heard for some time of acid throwing—and particularly, Sir, organised crimes in the way of smuggling, gambling and other things. These organised syndicates should receive greater punishment.

Lastly, Sir, it is quite possible that sometimes the hands of the Police are tied. Perhaps, the Police do not have sufficient powers to be able to act. If these steps are taken, Sir, I am sure that we will be able to have a very much more peaceful country and I am sure the Minister, who has brought up this Bill, will give heed to these points. Sir, I strongly support this Bill and I consider it very timely.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menguchapkan terima kaseh di atas tegoran², chadangan² yang dibuat oleh Ahli² Yang Berhormat. Bagi memberi penjelasan, jawapan terhadap perkara yang ditimbulkan, saya suka sa-chara rengkasnya, Tuan Yang di-Pertua, memaklumkan bahawa tujuan utama undang² ini sa-bagaimana saya jelaskan dalam perchakapan pembukaan saya tadi, ia-lah supaya mengadakan, menge-maskan undang² yang memang sudah ada, undang² berkenaan dengan pendaf-taran, khasnya, pengambilan chap jari orang² salah, orang² yang tidak di-ingini untuk di-adakan rekod pertama-nya yang sa-chara besar di-Ibu Kota dan juga rekod² daftar² di-Sarawak dan di-Sabah.

Jadi segala perkara², kebanyakan perkara² yang ada terkandong di-dalam Rang Undang² ini memang sudah ada, dan sudah berjalan sa-lama ini di-dalam undang² yang lama, tetapi Rang Undang² ini di-adakan untuk menge-maskan lagi kedudukan undang² yang lama dengan di-adakan pindaan² yang di-fikir yang di-fikirkan patut supaya boleh melaksanakan perjalanan un-dang² ini dengan bagitu lichin, dengan bagitu baik-nya.

Jadi tentang keraguan Ahli² Yang Berhormat tentang boleh jadi penyalah-gunaan undang² ini oleh pehak Kerajaan khas-nya, oleh pehak Kementerian yang berkenaan saya suka-lah memberi jaminan bahawa tidak ada peluang sangat, tidak ada kemungkinan bagi mana², satu² undang² yang terkan-dong di-dalam ini boleh di-salah gunakan. Sa-bagaimana saya jelaskan tujuan utama undang² ini ia-lah supaya di-adakan rekod yang tertentu khas-nya chap² jari orang yang salah, kerana mengikut undang² ini sunggoh pun orang² itu di-kehendaki memberi ke-terangan² terhadap diri dan chap jarinya di-masa dia di-tangkap terhadap perkara² yang di-lakukan-nya, kesala-han² yang di-lakukan-nya mengikut Jadual Satu dan Dua dalam undang² ini, tetapi sa-lepas itu sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat, orang ini bukan tidak di-bichara, dia akan di-hadapkan di-mahkamah di-mana dia akan di-beri segala peluang untuk membela diri dia sendiri dengan dia sendiri membela diri dia, atau pun melalui peguam² dan kalau sa-kira-nya di-dapati dia salah di atas kesalahan² di-mana rekod² chap jari itu boleh di-simpan masa itu sahaja-lah baharu di-buat perentah supaya chap jari, rekod² dia di-simpan di-dalam daftar di-Ibu Pejabat atau pun di-negeri² lain, tinggal lagi kalau sa-kira-nya dia di-dapati salah kuasa di-beri di-sini dalam mana dia boleh membuat permohonan ka-pada pehak polis supaya chap jari itu di-musnahkan dengan serta-merta, atau pun kalau sa-kira-nya tidak ada per-mohonan sa-macham itu di-buat un-dang² ini mengandungi fasal dalam mana dalam tempoh tiga bulan sa-lepas dia di-bebasikan daripada tuduhan itu rekod² chap jari dia itu mesti di-mus-nahkan.

Jadi tidak-lah ada peluang di-sini dalam mana kata sa-tengah² Ahli Yang Berhormat tadi daripada pehak polis, pehak Kerajaan, pehak Kementerian akan menyalah gunakan kuat-kuasa yang di-bawah Undang² ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga ada menyentoh tentang kuasa di-beri kapada Menteri di-bawah Clause 4 itu, dalam mana Menteri boleh me-netapkan satu² perkara, sa-bagai per-kara yang boleh di-daftarkan, ini saya suka-lah memberi penjelasan kapada Ahli Yang Berhormat kuasa ini perlu di-beri kapada Menteri, tetapi dalam pada itu saya suka memberi jaminan bahawa kuasa yang di-beri kapada Menteri ini tidak akan di-salah-guna-kan kerana sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat boleh saksikan di-dalam clause itu, kalau sa-kira-nya Menteri mengambil ketetapan menjadikan satu² butir, perkara itu sa-bagai perkara yang boleh di-daftarkan maka perlu bagi Menteri itu menggezetkan perkara² yang di-tetapkan supaya boleh di-daftarkan.

Jadi perbuatan keputusan Menteri itu selalu akan terbuka kapada orang ramai dan rasa saya payah-lah, musta-hil-lah bagi sa-orang yang bertanggong-jawab, Menteri yang bertanggong-jawab dalam perkara ini mendaftarkan satu² perkara itu sa-bagai perkara yang men-daftar dengan tidak menghalusi kedu-dokan perkara² itu dan sa-belum mendapatkan nasehat², pandangan² dari-pada Pejabat² yang berkenaan ma-cham Pejabat Peguam Negara dan juga Pejabat Polis. Jadi sa-bagaimana saya kata tadi saya memberi jaminan yang Kerajaan khas-nya Menteri yang ber-tanggong-jawab tidak akan menyalah-gunakan kuasa yang di-beri di-bawah Clause 4 ini.

Tentang tegoran di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson yang mengatakan hukoman² sekarang ini yang di-beri kapada orang² yang di-dapati bersalah ada-lah rengan, saya suka-lah memberi penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, tiap² hukoman yang di-berikan, di-kenakan ada-lah terkan-dong dalam Undang² di-mana di-adakan hukoman yang sa-tinggi² dan sa-rendah²-nya dan perkara hukoman ini ada-lah terpulang sa-mata² kapada

mahkamah², hakim², majisteret² yang membicharakan kes itu untuk menimbangkan akan hukuman² yang sesuai yang patut di-kenakan pada satu² kes itu, tinggal lagi kalau sa-kira-nya hukuman ini kalau di-jangkakan rengan, tidak berpadanan dengan kesalahan yang di-lakukan oleh orang yang dituduh itu, peluua memang di-buka kapada pehak penda'awa, pehak Peguam Negara membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan supaya hukuman itu di-beratkan daripada yang telah di-jatohkan oleh hakim. Jadi itu sahaja-lah rasa saya penjelasan saya, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusi-kan Jawatan-kuasa)

Fasal 1 hingga 8—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, di-bawah Fasal 3 Yang di-Pertuan Agong boleh melanek melalui pemberitahu yang di-siar dalam Warta bagi maksud² Act ini daripada (a) sampai (c). Tuan Pengerusi, saya rasa oleh kerana Undang² ini di-maksudkan untuk mendapat satu rekod yang baik apa salah-nya kalau di-tambahkan (d) ia-itu Peguam Perchuma bagi membela orang² yang di-tangkap yang hendak di-register itu supaya rekod kita itu dapat baik. Sebab-nya, Tuan Pengerusi, di-dalam keterangan Rang Undang² ini juga menyatakan bahawa kalau orang² itu sudah tidak bersalah dan di-buang kes, kemudian rekod²-nya itu segala gambar chap jari itu di-koyak dan di-hapuskan, tidak disimpan lagi, tetapi kalau kita ada Peguam Khas yang di-lantek di-bawah Act ini, saya rasa bukan sahaja dapat menolong ra'ayat, tetapi juga dapat mengelokkan lagi rekod chap jari yang kita ambil itu erti-nya boleh kekal lama.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Pengerusi, saya rasa tidak perlu di-adakan lantekan Peguam Khas sa-bagaimana yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi oleh kerana sa-bagaimana yang saya jelaskan tadi tidak ada keimbangan bagi pehak kita yang rekod ini tidak di-musnahkan kalau sa-kira-nya perlu di-musnahkan, kerana sa-lepas orang itu di-lepaskan dia boleh membuat permohonan, dengan serta-merta supaya di-musnahkan finger print dia, rekod dia, tinggal lagi kalau sa-kira-nya dia lupa, atau pun tidak tahu, tanggong-jawab terpulang kapada Polis supaya memusnahkan juga rekod² itu dalam tempoh tiga bulan sa-lepas dia di-lepaskan daripada tuduhan itu.

Fasal 1 hingga 8 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal 9 hingga 16 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Pertama di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Kedua di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual Ketiga di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

THE NATIONAL LAND CODE (AMENDMENT) BILL

Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang² the National Land Code (Amendment) Bill, 1969 di-bacha kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pada 13hb Ogos, 1963, Kerajaan kita telah membentangkan dalam Dewan Ra'ayat ini satu laporan Jawatan-kuasa Pemechanan Ladang bersama² dengan Laporan Professor Ungku Abdul Aziz dan

Kerajaan telah mengistiharkan dasarnya ia-itu Kerajaan tiada akan menghalang "genuine sub-division" yang bertentangan dengan "pseudo sub-division" untuk menyesuaikan dengan hasrat Kerajaan hendak memberi tanah kepada orang² yang tiada mempunyai tanah dengan tujuan mencapai matlamat melahirkan satu "property-owning" democracy dalam negara kita. Semenjak tarikh tersebut Kerajaan telah sedar bahawa ada di-antara pemecahan² estate di-masa² lampau telah membawa akibat² yang tidak di-sukai. Dengan demikian Kerajaan telah memutuskan akan mengambil langkah² pentadbiran dan juga langkah undang² untuk mengelakkan "abuses" yang timbul dari pemecahan² ladang dan kesan² burok-nya.

Tuan Yang di-Pertua, langkah² ini telah pun di-masukkan dalam Sekshen² 135 dan 136 dalam Undang² Tanah Negara yang telah berjalan kuat-kuasa mulai 1hb Januari, 1966. Mengikut sekshen² tersebut semua pemecahan tanah milek berkehendakkan kelulusan pehak berkuasa dalam negeri yang berkenaan dan mengikut Fasal 136 Kerajaan² Negeri telah pun menubohkan Jawatan²-kuasa dan kelulusan Jawatan-kuasa hendak-lah di-perolehi terlebih dahulu sa-belum pemecahan boleh di-laksanakan.

Rekod² dari Pejabat² Tanah, Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan semenjak berkuat-kuasa-nya Undang² Tanah Negara kita sadikit benar permohonan² pemecahan estate² telah di-terima, tetapi sa-balek-nya mengikut laporan dari Kementerian Buroh bilangan estate² yang di-jual untuk di-pecah ada-lah banyak melibatkan pekerja² nya di-buang. Apa yang berlaku sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah estate² itu telah di-jual dengan tujuan hendak di-pecah²kan dan pemecahan itu telah di-jalankan dengan tidak mendapat keizinan dari-pada pehak yang berkuasa ya'ani chuma dengan membuat satu perjanjian di-antara penjual dengan pembeli² dan perjanjian itu di-tandatangani di-hadapan peguam² ya'ani pemecahan estate itu di-adakan, di-buat kertas perjanjian dan tidak di-buat di atas tanah. Dengan hal yang demikian

beberapa orang telah tidak dapat surat kepala tanah, atau pun title kapada tanah² yang mereka harap akan mereka dapat surat perjanjian itu di-tandatangani mereka dengan si-penjual, kerana pehak yang berkuasa dalam Negeri belum atau pun tidak memberi persetujuan kapada pemecahan itu.

Sa-benar-nya Rang Undang² ini, Tuan Yang di-Pertua, patut telah di-bawa oleh saya ka-dalam Dewan lebh awal daripada sekarang, tetapi oleh kerana terpaksa berunding dengan semua Kerajaan Negeri, terpaksa dibawa kapada National Land Council, terpaksa pengkajian yang mendalam di-buatkan dengan sa-berapa teliti-nya mengenai chara² yang telah di-gunakan oleh syndicate² yang memecahkan estate ini, maka Kementerian saya telah mengambil masa yang agak lama untuk membawa Rang Undang² Pindaan ini dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang² yang di-kemukakan sekarang ia-lah supaya loop-hole² yang ada dalam Undang² Tanah Negara kita dapat di-perbaiki supaya pehak² yang akan di-beri kuasa di-bawah Rang Undang² ini dapat sunggoh² mengawasi, atau pun mengawal chadangan² hendak menjualkan estate dengan tujuan estate itu untuk di-pecahkan.

Pendapat beberapa orang memang, dan kita akan mengerti juga, berlainan mengenai masalah ta'rif estate, tetapi sa-telah di-fikir dengan keadaan yang berlaku di-masa² yang lampau dalam negeri kita, maka Kerajaan telah mengambil keputusan memberi ta'rif kapada estate land itu dengan ma'ana seperti yang tersebut di-dalam Fasal² atau pun Clause 2, Sub-clause 11 di-dalam Rang Undang ini, atau pun kapada section 214 (a) pecahan 11 yang akan di-masukkan dalam Undang² Kanun Tanah Negara.

Saya mengaku terlebih awal, Tuan Yang di-Pertua, bahawa mungkin walau pun sa-telah Rang Undang² ini berjalan kuat-kuasa ada lagi chara² yang lain yang belum dapat Kementerian saya mengetahuï, atau pun mengkaji-nya. Orang² yang telah membuat syndicate² untuk memecahkan

estate² mungkin mereka itu dapat mengelakkan sharat² yang tersebut di-dalam Rang Undang² ini. Jadi dengan hal yang demikian saya terlebih dahulu di-sini memberi jaminan bahawa jika di-dapati lagi di-masa yang akan datang perbuatan daripada mana² satu gulongan menchuba hendak mengelakkan Rang Undang² ini atau shara² yang terkanun dalam Rang Undang² ini. Kerajaan tidak akan ragu² membawa Rang Undang² baharu untuk memindah Undang² yang ada sekarang mensesuaikan Undang² negara kita kepada keadaan yang ada pada sa-suatu ketika. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang² ini di-bacha bagi kali yang kedua.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bin-tang): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini berkenaan dengan Bill "an Act to amend the National Land Code" kerana soal pemecahan estate² yang mana Bill ini ia-lah untuk menchegah ia-lah satu perkara yang bukan sahaja menyentuh ekonomi negara, tetapi juga kedudukan sa-bahagian daripada penduduk² di-luar bandar termasok-lah kawasan Kota Star Selatan yang mana saya menjadi wakil-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya bahawa tujuan Kerajaan membuat Undang² ini ia-lah oleh kerana Kerajaan hendak menchegah pemecahan estate² yang mendatangkan kerugian besar kepada negara dan ra'ayat. Sebelum saya menerangkan chara mana Undang² baharu ini dapat di-ketepikan oleh pehak² yang melakukan pemecahan estate², saya ingin menerangkan bagaimana pemecahan ini merugikan kita.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, yang nyata sa-kali ia-lah pemecahan ini menyebabkan penganggoran yang lebih dalam negara kita. Pekerja² estate kebanyakannya terdiri dari orang² India dan kadang² orang² Melayu. Estate yang besar juga membolehkan orang² kampong yang berdekatan

dengan estate² itu bekerja sa-paroh masa. Pekerja² estate yang besar biasanya ada hospital sendiri dan rumah ibadat sendiri. Pekerja²-nya di-pelihara oleh kesatuan² sa-kerja supaya hak mereka terjamin. Apabila sahaja estate² ini di-pechahkan menjadi small holding langkah pertama yang di-jalankan oleh tuan punya yang baharu ia-lah mengurangkan pekerja², kemudian mereka memasukkan pekerja² yang lain terdiri daripada saudara mara mereka. Sebabnya di-buat demikian, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah supaya kurang belanja. Hospital² dan rumah² ibadat tidak di-biaya² lagi oleh small holders ini. Pekerja² yang lama menjadi penganggor dan menjadi beban kapada masharakat dan negara. Orang² kampong yang berdekatan juga tidak berpeluang lagi mendapat tambahan perolehan. Tetapi yang menganggor bukan sahaja buruh kasar kerap kali pegawai² yang tinggi juga kehilangan jawatan. Estate² Manager terdiri daripada orang² Malaysia terpaksa berhenti oleh kerana estate² kecil tidak berkehendakkan kapada perkhidmatan yang dapat di-beri oleh mereka. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, estate² kecil yang mendatangkan faedah yang banyak kapada tuan punya yang baharu sa-benar-nya tidak melebarkan productivity dan kekayaan negara. Apa yang telah jadi ia-lah perolehan pekerja yang miskin direbut daripada mereka oleh get rich quick small time capitalist.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang merugikan negara ia-lah soal wang yang di-terima oleh pemegang² saham estate ini di-keluarkan daripada Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya tahu ada satu syndicate di-London yang menjalankan kerja memecahkan estate sa-mata² untuk menchari keuntungan yang chepat bagi mereka. Syndicate ini di-ketua² oleh Rowland and Farrow dan ejen mereka di-sini ia-lah sa-orang yang bernama Gardiner dan sa-orang bekas Menteri Muda Kerajaan Perikatan dahulu. Tuan Yang di-Pertua, kerja syndicate ini ia-lah membeli estate² besar atau pun membeli saham² sa-hingga mereka dapat control estate tersebut. Sa-lepas itu director² yang tidak bersetuju menjual estate di-buang dan di-ganti oleh

Nominee Rowland and Farrow dan manager estate juga di-buang dan di-gantikan oleh Gardiner sa-bagai manager baharu. Sa-lepas sahaja ini di-lakukan Rowland and Farrow di-London memujok pemegang² saham sterling di-England supaya mereka bersetuju menjualkan estate yang telah di-ambil aleh oleh mereka. Kadang² estate ini di-pechah² dan di-jual terus kapada sa-siapa yang berani membelinya. Kadang² satu company lain yang di-anjorkan oleh Rowland and Farrow atau nominee Rowland and Farrow yang ada di-Malaysia untuk membeli estate ini daripada company yang asal. Kalau ini terjadi sa-paroh daripada estate ini di-pechah² dan di-jual dan yang baki di-jadikan hak satu public company dengan menggunakan nama baik estate lama itu sa-olah² semua tanah² estate itu maseh ada dalam tangan company baharu. Banyak orang yang telah tertipu dengan prospectus estate ini dan membeli saham dengan memikirkan ia-itu mereka membeli saham² estate yang asal yang belum di-pechah. Surat² janjian yang di-buat selalu ber-sharat ia-itu Gardiner sa-bagai Manager-nya tidak boleh di-tukar, tetapi ia-nya berkuasa membuang pekerja² yang lain. Sharat ini membolehkan Gardiner merentikan pegawai² dan kakitangan estate lama untuk mengurangkan pekerja² dengan kerana chuma sa-paroh sahaja daripada estate yang asal yang tinggal dan lagi saperti saya katakan tadi sudah di-pechah dan di-jual dan tuan² punya yang baharu bagi fragmented portion ini tidak mahu lagi kapada pekerja yang lama.

Oleh kerana Kerajaan menentang pemecahan estate², penjualan bahagian² yang di-pechah di-buat sa-chara janji saperti yang telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dengan tidak mengadakan grant² yang baharu. Pembeli² di-janji sahaja akan di-beri grant, tetapi mereka boleh memilek dan mengerjakan tanah yang mereka beli mengikut kehendak mereka. Dengan chara ini dari segi Kerajaan, estate ini maseh belum di-pechah dan Manager-nya maseh Manager yang lama. Pem-

beli² dapat mengerjakan bahagian yang mereka beli. Pekerja² dalam bahagian yang di-jual sa-chara janji ini dapat di-rentikan. Pemegang² saham yang lama menerima wang hasil penjualan. Syndicate Rowland and Farrow dapat menggunakan nama estate yang lama untuk menjual saham² bagi bahagian yang tidak dapat di-pechahkan dan ini mengelirukan pembeli² saham oleh kerana mereka fikir mereka membeli saham estate lama yang tidak di-pechah.

Tuan Yang di-Pertua, kerugian yang terbesar sa-kali daripada segi kemajuan negara kita ia-lah wang hasil daripada penjualan estate ini pergi terus kapada pemegang² saham di-England. Kita mendengar Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan berkata berkali² ia-itu kita mesti membuat serba serbi untuk menggalakkan foreign capital masuk ka-negeri kita, tetapi kegiatan Syndicate Rowland and Farrow ini mengalehkan aliran capital daripada negara kita ka-luar negeri. Kalau estate ini betul² tidak mendatangkan keuntungan kapada pemegang² saham di-Eropah patutlah kalau syndicate ini memujok supaya pemegang² saham di-Eropah menjualkan, tetapi kalau perusahaan estate getah merugikan kenapa bagitu senang orang² membeli-nya dengan harga yang berlipatganda daripada harga saham asal, dan juga kita tahu estate² yang besar lebih economic dan getah-nya lebih baik daripada estate² kecil.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan Syndicate Rowland and Farrow ini ia-lah sa-mata² speculation orang yang tamak dan tidak peduli sama sa-kali tentang kesusahan dan kerugian orang² lain. Kegiatan syndicate ini merugikan negara. Kegiatan syndicate ini boleh di-anggap sa-bagai economic sabotage. Untuk membuktikan dengan lebih terang dan jelas lagi saya ingin membacha satu renchana yang tersiar dalam akhbar *London Sunday Times*, pada 5hb Januari, 1969. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya akan bacha extract daripada article ini. Renchana

ini di-tulis oleh sa-orang yang bernama Richard Milner, dan heading kapada renchana ini ia-lah:

*"How money falls when Rowland shakes the Rubber Tree By Richard Milner,
City Editor*

Sunday Times, London

Reg Rowland and Frank Farrow's activities in the world rubber-growing business of the 1960's can perhaps best be compared with those of Bonnie and Clyde in the American banking business of the 1930's. Since they made their first killing by selling off Waterfalls (Selangor) Rubber Estates for £150,000 in 1965, the Waterfall gang has established a reputation for unlocking 'real' assets that makes the sturdiest rubber men wilt.

Rowland, as Chairman of International Securities will keep up the Waterfall tradition, bent on selling up as much of Malaysia as he can.

International Security's near—£3 million bid for Plantation Holdings, is his first aggressive drive in his new removals van.

These City-controlled estates dotted from Kangar to Johore are part of Britain's commercial heritage, resilient bastions of a money-dripping Empire.

Moreover, the Chinese Malayans would be ready buyers of those P.H. rubber estates—either to run them as they stand or "frag-ment" them into smaller holdings for resale.

Rowland and Farrow are not the only men to have cottoned on. Back in 1967 a young barrister Cheah Theam Swee organised a Chinese consortium to secure control of the £429,000 Bekoh Consolidated Rubber Estates, obtained Treasury consent to transfer residence to Malaya and followed this up last May by announcing that Bekoh had bought control of the £1.9 million Bukit Mertajam Rubber.

Winding up Seaport (Selangor) Rubber showed that liquidation can be golden; this company which had a net asset value of 41s. 4d. per share in 1965, has subsequently paid out 126s. 3d. Rowland has added a new dimension with his tax-avoiding share-swap technique, which Plantation Holdings will find hard to resist—even with arch-liquidator Kenneth Cork on the board. And although there is a medium-term risk of a Malayan capital clamp-down, there is still plenty of mileage in estate disposals".

Tuan Yang di-Pertua, jelas-lah dari-pada renchana ini ia-itu Rowland and Farrow di-anggap dalam financial circle di-London sa-bagai penyamun. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, mereka maseh boleh lagi menjalankan usaha mereka kerana undang² yang di-perbuat dan di-bentok untuk di-luluskan dalam

Dewan ini tidak lengkap. Undang² ini chuma menahan pechahan estate, tetapi tidak menchengah estate² di-ubah milek dengan tidak di-pechah ia-itu kalaupada dahulu satu grant dalam nama satu company sekarang grant ini juga boleh di-mileki oleh banyak orang dan bahagian masing² boleh di-tetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengeshorkan kapada Kerajaan supaya memperkuatkan lagi undang² ini, lebuh² lagi saya ingin mendesak Kerajaan supaya bertindak keras terhadap perompak tanah Rowland and Farrow dan kunchu²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya men-chadangkan supaya semua estate² yang bersangkutan dengan International Securities dan Plantation Holdings hak punya Rowland and Farrow di-siasat betul². Saya chadangkan, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu Rowland and Farrow tidak di-benarkan masok ka-Malaysia sama sa-kali. Kita berhak bertindak keras terhadap sabversif ekonomi seperti mereka.

Berkenaan dengan wakil-nya di-sini ia-itu Gardiner, saya di-beri tahu ia-nya ada kad pengenalan merah. Dahulu saya telah berchakap cheritakan di-dalam Dewan ini berkenaan dengan gerak geri sa-orang Claude Fenner. Kerajaan menjawab ia-itu tindakan tidak dapat di-ambil oleh kerana Fenner ada kad pengenalan merah.

Tuan Yang di-Pertua, siapa-kah yang memberi kad merah kapada mereka ini. Kalau tidak salah saya Kerajaan British dahulu yang membuat sharat² kad merah dan menentukan hak pemegang² kad² ini. Apa-kah sebabnya yang kita mesti turut sharat² British ini. Tidak-kah kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, yang British sendiri menolak surat citizenship yang di-beri oleh mereka kapada orang² India yang tinggal di-Kenya. Mereka sendiri tidak menghargai dan menghormati surat² janji dan sharat² mereka, kerana apa kita mesti pula pegang bagitu kuat kapada janji dan sharat² yang di-buat oleh mereka, bukan kita. Kenapa kita tidak pechahkan sharat² orang² yang tidak ada amanah saperti British. Kenapa kita berkaskan diri kita.

Tuan Yang di-Pertua, jiran kita Singapura baharu² ini memberi amaran kapada warganegara Singapura sendiri ia-itu kalau kera'ayatan akan di-luchutkan kapada mana² ra'ayat menjalankan economic sabotage, belum derhaka pun. Bukan sahaja kepada ra'ayat tetapi orang yang melakukan economic sabotage akan di-pulangkan kapada negeri asal mereka. Ini kapada ra'ayat yang bertauliahan, apa-kah lagi kapada yang bukan ra'ayat yang datang bekerja sahaja di-Singapura seperti pemegang Kad Pengenalan Merah di-Malaysia yang merasa kemewahan Malaysia dengan tidak bertanggong-jawab.

Tuan Yang di-Pertua, Gardiner, wakil kapada perompak darat Rowland and Farrow memegang Kad Pengenalan Merah dan dia-lah yang menjadi agent yang besar bagi Rowland and Farrow. Dia-lah merasa nadi estate² yang patut di-beli dan di-pechahkan. Dia-lah yang mendatangkan kesusahan kepada pekerja² estate. Dia-lah yang menjadi saboteur yang besar sa-kali bagi ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandang daripada apa segi sa-kali pun kita berhak merampas kad pengenalan-nya dan menghalaukan-nya daripada negara kita ini. Saya minta Kerajaan mengambil satu sikap yang tegas terhadap pemegang Kad Pengenalan Merah. Saya minta supaya Gardiner di-jadikan tau-ladan dan chontoh kepada orang² lain yang chuba memainkan kita.

Tetapi sa-lain daripada Rowland and Farrow dan Gardiner, ada lagi orang² Malaysia yang bersubahat dengan mereka untuk merosakkan ekonomi kita. Terhadap mereka ini, satu amaran yang keras patut di-beri. Mereka berlindong di-belakang Undang² yang tidak tegas. Kita patut ubahkan Undang² dan gubalkan Undang² baharu yang retrospective supaya mereka boleh di-berhentikan daripada khianatan mereka terhadap negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir saya meminta supaya Undang² yang di-bentangkan pada hari ini di-perketakan sa-belum di-luluskan supaya Undang² ini boleh betul² menchegah usaha yang kita ingin menchegahkan,

jikalau tidak maka sesia sahaja-lah kita membuat Undang². Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sulaiman bin Bulon (Bagan Datoh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu²kan Undang² ini. Sabenar-nya saya tidak tahu saperti mana yang di-huraikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan ini, sama ada perompak yang sama telah datang ka-kawasan saya, kerana di-dalam soalan ini ada-lah terlibat dua ladang kelapa yang di-dalam estate saya baharu² ini chuba hendak di-jual dan di-pechah²kan. Jadi dengan Undang² ini saya rasa ada-lah satu nafas bagi buroh² estate yang sadikit masa dahulu telah pun keluar berpiket dan telah pun keluar berarak ka-sana kamari meminta pertolongan dan bantuan kapada Kerajaan Negeri supaya estate² di-mana mereka itu bekerja tidak di-jual dan tidak di-pechah²kan. Jadi sa-bagaimana yang sudah di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan tadi amat-lah benar kerana perkara ini kalau berleluas²an akan menyebabkan merosot-nya ekonomi negara kita lebeh² lagi pula sa-kira-nya perkara ini tidak di-ketatkan Undang² berkaitan dengan tanah ini mungkin pula timbul beberapa pertikaian, atau pergaduhan di-antara kaum kerana masing² chuba hendak menchari peluang untuk hendak menchari wang dan faedah diri mereka supaya satu² estate itu di-jual dan di-pechah²kan untuk mereka yang chuba hendak menchari keuntongan yang besar ini.

Saya harap Yang Berhormat Menteri agak-nya tolong kasehankan sadikit-lah kapada buroh² estate di-dalam kawasan saya ia-itu Bagan Tasek Estate dan Telok Baharu Estate yang sedang menunggu masa sahaja hendak keluar daripada Estate ini. Jadi saya rasa dengan ada-nya Undang² yang baharu ini boleh-lah menchegah terhadap ke-hendak² tuan punya estate ini daripada estate itu di-jual kapada orang² yang hendak membeli tanah itu dan saya rasa yang estate ini belum lagi di-jual hingga sekarang dan saya rasa tentulah dapat peluang ini untuk menchegah supaya orang² atau pun buroh² di-dalam estate itu tidak di-usir daripada

pekerjaan mereka, kerana ini satu penganggoran yang besar harus berlaku sa-kira-nya tidak di-sekat daripada estate ini di-jual kapada orang² yang akan membeli estate² itu nanti. Bagitu juga saya bersetuju sangat dengan pendapat² Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan ia-itu ada orang² kita sendiri yang menjadi broker² estate yang sa-umpama ini tetapi tidak memikirkan burok baik yang akan terjadi kapada negara-nya sendiri.

Jadi dengan demikian ini dalam Undang² yang baharu ini patut juga-lah sa-bagaimana yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan tadi supaya Undang² ini di-ketatkan sa-hingga tidak membolehkan sa-siapa juga terlibat dalam soal menjual beli estate ini hingga boleh merosakkan kedudukan ekonomi negara sa-bagaimana yang telah di-sebutkan tadi. Jadi saya tidak-lah mengambil peluang yang banyak berchakap dalam perkara ini sampai menimbulkan dua estate yang terlibat dalam soal pemecahan tanah estate ini di-dalam kawasan saya itu. Terima kaseh.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang² yang telah di-kemukakan oleh Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian. Semua usaha Kerajaan kita, Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi kejayaan yang lebuh kapada penduduk² di-negara kita ini akan hanchor lebor dengan ada-nya pembelahan estate² yang telah dan sedang di-jalankan oleh orang² yang tidak bertanggong-jawab di-tanah ayer kita ini.

Yang Berhormat Menteri telah menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, dia memang tahu Undang² yang di-hadapan Dewan ini belum chukup ketat lagi dan memang-lah saya bersetuju dengan pendapat beliau di atas uchapan itu—memang-lah mana Undang² pun tidak-ketat dan berkekalan.

Kerajaan Perikatan, Tuan Yang di-Pertua, sangat bertanggong-jawab di atas hal-ehwal orang² yang miskin berkehendakkan tanah dalam negara kita ini. Kita faham masa beberapa tahun dahulu apabila pemecahan

estate sedang berjalan, saya telah berchakap dalam Dewan ini menyatakan perkara itu kurang menyenangkan hati saya, tetapi memikirkan kapada pemecahan estate² ini, orang yang tidak ada tanah akan dapat tanah. Jadi, saya menyokong, tetapi masa sekarang sudah berat sangat masaalah ini, Tuan Yang di-Pertua.

Di-kawasan saya baharu² ini ada sa-bidang estate yang sangat chantek ia-itu luas-nya 1,800 ekar telah bertukar tangan dan bertempiaran-lah pekerja²-nya lari ka-sana sini. Memang, Tuan Yang di-Pertua, buroh² itu bersedia bekerjasama penoh. Saya berpeluang pergi berchakap dengan buroh² itu dan saya menyatakan kalau sa-kiranya buroh² ini bersedia mengeluarkan duit, katakan 30% memang kita boleh menchari puncha² yang lain supaya buroh² itu akan dapat memileki estate itu. Chakap saya tak sampai sa-tengah jam, Tuan Yang di-Pertua, berlonggok duit \$100,000 telah terkumpul. Ini bukan satu orang yang pandai berchakap, tetapi boleh bekerja dan buroh² itu telah menyatakan kapada saya mereka bersedia menjualkan kerbau, jual lembu, jual bermacham² lagi dan dalam tempoh tiga bulan mereka sanggup mengadakan \$200,000 lagi. Jadi, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, molek sangat pada hari ka-hadapan Menteri yang berkenaan beritahu kepada seluroh estate kalau sa-kira-nya mana² satu estate yang hendak dijualkan, peluang yang utama-nya, sakurang²-nya sa-tahun di-beri peluang kepada buroh² tempatan mengadakan perbinchangan, meshuarat, mengadakan duit. Puncha² lain boleh tolong dan biarkan mereka itu bersendirian membeli estate itu.

Barang di-ingat, Tuan Yang di-Pertua, estate, satu² estate hendak menyiapkan sangat susah kerana tiap² ekar kita mesti membayar estate itu tidak kurang sa-ribu ringgit pada tiap² ekar dan memakan masa yang lama. Kita tengok apabila satu² estate itu bertukar tangan, Tuan Yang di-Pertua, tidak lepas, boleh di-katakan, enam bulan mula-lah tangga di-pakai untuk menoreh getah itu. Ini merosakkan

ekonomi negara kita, Tuan Yang di-Pertua, dan di-estate² yang lama itu kita dapati ada hospital, ada sekolah, ada tok kong, kadang² ada masjid dan surau. Ini-lah yang kita sayang sangat. Jadi, saya harap daripada hari ini ka-hadapan saperti yang saya telah nyatakan terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti chegah perkara ini, sama sa-kali dan saya tahu estate² yang pechah ada macham² perjanjian yang di-buat yang mengelirukan, yang akan merugikan, orang² miskin, terutama sa-kali orang² di-luar bandar termasok-lah orang² India, China dan Melayu.

Jadi, saya harap Menteri yang berkenaan siasat perkara ini dan wang yang di-punya, saperti Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan sendiri telah menyatakan, wang yang maseh ada belum keluar daripada negeri ini, kita bukukan. Kita mesti selesaikan pemecahan estate yang sudah di-beri geran, baharu yang baki itu kita beri keluar daripada negeri ini, tetapi pemecahan yang akan datang ini kita kalau boleh di-haramkan sama sa-kali, kerana merosakkan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada satu surat, baharu sahaja saya terima daripada Conductor Subor Estate yang saya telah nyatakan tadi. Dia bekerja 37 tahun, Tuan Yang di-Pertua, dalam estate itu. Dia kata dia besar, dia berkahwin, dia beranak-penak semua di-situ. Kemudian lepas Estate bertukar tangan, tak lama sa-lepas saya berchakap Manager Estate pun marah pada saya, fasal saya dapat mengeluarkan daripada poket² buroh² itu \$100,000 dalam masa sa-tengah jam sahaja. Kali ini Mr C. C. Pereira telah dapat satu minggu mesti keluar daripada estate itu, mesti keluar rumah, mesti keluar daripada estate. Ini-lah nasib orang² miskin dalam estate² itu. Oleh sebab itu-lah saya minta kapada Yang Berhormat Menteri menchari jalan dengan sa-daya upaya kalau boleh saya boleh chadangkan, mengharamkan penjualan estate ini dan di-pechah²kan, bermacham² chara akan di-adakan.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, tentu-lah Undang² ini tidak meliputi ka-semua. Orang yang jahat itu mesti mahu chari jalan. Jadi, sa-lain daripada mengharamkan penjualan estate ini, melainkan dengan ada kebenaran dari-pada Kerajaan, saya rasa, tidak ada jalan sa-kali untok kita menolong orang² yang tidak pandai hal ehwal Undang² Tanah dan sa-bagai-nya. Jadi, saya harap sangat-lah, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dapat perhatian yang berat daripada pehak Kerajaan.

Satu chara yang kita boleh mengatasi masaalah ini, Tuan Yang di-Pertua, kita ada macham National Land Finance Company. Ini satu company yang bertanggong-jawab yang memang ada bersimpati dengan semua ra'ayat yang terdiri daripada orang² India, Melayu dan orang China. Mengapa tidak kita sokong National Land Finance Company atau pun company² yang berchorak sa-demikian ini. Maka kalau-lah ada company² saperti ini menjalankan urusan bagi pehak jual beli estate ini, maka ekonomi kita, keselamatan buroh² dan sa-bagai-nya akan terjamin. Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tan Sri Haji Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sunggoh dan kuat-nya menyerta'i Rang Undang² yang telah di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya tidak hendak mengambil masa Dewan ini dengan berchakap panjang. Hanya saya hendak sebut yang pertama saya chukup terkejut bila mendengarkan cherita "Perompak Darat" bagaimana yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kota Star Selatan tadi dan saya chukup menyokong apa kata² yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan sa-penoh-nya.

Berkenaan dengan Rang Undang² ini saya hendak menyentoh atas dua perkara. Mengikut Sub-clause 5 daripada Clause 214A, ada di-sebutkan di-situ Board boleh mempersetujukan sa-suatu permohonan dengan bersharat dan juga boleh juga tolak dengan bersharat. Sharat (a) itu sudah chukup terang. Saya hendak menyentoh sharat (b) dan

(c). Saya fikir jikalau sa-arti-nya Kerajaan tidak menetapkan satu dasar yang tepat berkenaan dengan (b) seperti memberikan direction atau restriction, atau condition maka boleh jadi berubah² chara menjalankan sharat² Undang² ini oleh Board² yang di-lantek di-tiap² negeri sebab Board ini ia-lah Board yang di-lantek oleh tiap² Negeri bukan Federal Board, dan lagi pula berkenaan dengan Sub-clause 5 (c), saya fikir ada baik-nya bagi pehak yang berkuasa sama ada Kerajaan Pusat ia-itu Jema'ah Menteri atau pun National Land Council memberi pedoman kepada Board² yang di-lantek oleh Negeri, apa dia perkara-nya yang boleh di-sifatkan tidak akan menjadi, atau yang akan bertentang dengan faedah negara bagaimana di-kata disini :

"(c) it appears to it that the approval of the application will not be in the public interest".

Jadi pada pendapat saya jika sa-kira-nya tidak ada arahan atau pun pedoman daripada Kerajaan Pusat atau pun daripada National Land Council bagaimana saya katakan tadi saya bimbang, takut perjalanan undang² ini akan menjadi berlainan di-antara satu Negeri dengan satu Negeri oleh sebab tiap² Board itu ada-lah di-lantek di-dalam tiap² Negeri bagaimana yang di-sharatkan oleh Sub-clause 3 dari-pada Clause 214C. Itu-lah pengeshoran saya bagi timbangan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:
Tuan Yang di-Pertua, saya juga terkejut besar apabila saya dengar maklumat² yang telah di-sampaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan. Saya memikirkan, apabila saya mengikuti uchapan-nya itu, kalau kita di-luar² Dewan mengadakan Pilehan Ratu Chantek, maka saya menchadangkan Dewan ini memilih Ratu Sidang Belanjawan Tahun 1969 Dewan Ra'ayat Malaysia di-berikan kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya kata bagitu ia-lah oleh kerana pada mulanya saya memandang bahawa pemehaman estet ini ada baik-nya dari satu segi, ia-itu mithal-nya orang² yang

bukan warga-negara yang memileki estet² yang besar apabila mereka itu hendak meninggalkan negeri ini dan pulang, maka estet² itu tentu-lah terpaksa di-jual kapada warga-negara di-negeri ini. Memandangkan orang² warga-negara kita tidak dapat membeli bersaorangan estet² besar, maka pemehaman ini akan memberi peluang kapada warga-negara² kita membelynnya. Saya tidak pernah berfikir bahawa dengan Rang Undang² yang pada dzahir-nya, elok-nya ini dapat dimainkan di-sabalek itu. Jadi ada orang yang lebih pandai yang dapat circumvent the letter of the law; saya tidak terfikir sa-hingga saya dengar berita² yang baru itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi satu perkara, ia-itu dari segi Undang² Tanah, memang apabila kita membacha Undang² ini dengan tidak memikirkan hal² lain, saya bersetuju benar bunyi² yang sa-macham ini, ia-itu tidak boleh kita menjualkan satu² estet melainkan melalui satu² lembaga dan lembaga itu pula berkuasa menimbang, menerima atau pun menolak, memanggil orang memberi statement, kenyataan. Apa yang lebih besar satu² Rang Undang² yang kita buat bagi sa-buah masharakat dalam sa-buah negara bukan-lah Undang² itu sendiri sahaja yang mesti elok, tetapi kesan² yang akan timbul daripada Rang Undang² itu sendiri; mithal-nya, kalau kita hendak perhati merit dan demerit-nya Rang Undang² ini, saya dapat menyokong penoh, tetapi dengan perbuatan kita mengadakan Rang Undang² sa-macham ini maka berlaku-lah apa yang di-cheritakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi satu masaalah berhabit dengan Undang² ini, ia-itu dalam segi penganggoran yang telah di-perchakpan tadi dan juga dari segi Undang² sendiri, ia-itu maseh dapat peguam² atau pun ahli² Undang² membuat pemindahan milek estet melalui peguam², tidak melalui lembaga ini atau tidak melalui Undang² ini, bedza-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah apabila melalui Undang² ini pemindahan tanah itu di-lakukan dengan serta merta, kita boleh dapat title dan kita boleh mendapat milek dengan serta merta; tetapi

saya maseh ragu² bahawa boleh dilarikan daripada kehendak Undang² ini dengan jalan membuat surat perjanjian di-hadapan peguam; mithalnya, saya menjual estet ini kapada si-Ahmad dan saya telah membuat surat perjanjian di-hadapan peguam walaupun tanah itu mesti tidak boleh di-buat perjanjian, tetapi undang² tanah mesti di-transferkan hak orang yang membeli itu ada di-dalam tangan-nya dengan surat peguam itu. Dengan demikian, pemecahan tidak berlaku yang sa-benar-nya, tidak berlaku dengan serta merta, tetapi oleh kerana hak itu sudah menjadi undang², legal, maka pemilek yang kedua yang membeli itu tentu-lah berhak memindahkan buroh² bagitu dan bagitu. Buruh² tentu-lah dia tidak sampai pengetahuan-nya hendak menchabar surat itu dari segi validity surat itu, tentu-lah dia tidak sampai di-situ, apabila ada surat lawyer (peguam) mari, maka dia tentu-lah berasa benda ini sudah benar, dan mereka membawa nasib dengan tidak tentu hala.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dari segi ini juga, ia-itu boleh di-buat suatu penipuan apabila jual beli itu tidak di-lakukan sa-chara terus menerus, tetapi hak²-nya sudah di-buat memalui peguam, surat² itu di-pegang oleh kedua² pehak sa-bagai kesaksian, maka nama estet itu maseh berjalan lagi, terkadang² orang memandang sa-suatu estet atau sa-suatu perniagaan itu dengan nama yang asal, kalau nama-nya naik, sebab itu-lah orang menuju kapada nama yang sudah mashhor. Sebab itu-lah Undang² trade mark kita adakan. Ini kesemua boleh di-lakukan.

Saya berharap kapada Kerajaan, kalau hendak menjalankan juga Undang² ini, kita hendak luluskan juga, maka saya suka di-tambahkan lagi jadual² ini di-mana² satu peratoran yang di-bawah ini, ia-itu mesti-lah pemohon yang hendak menukarkan milek ini mengangkatkan kepada Board atau pun Lembaga ini *background* pemilek yang asal itu supaya kita dapat *detect* apa-kah pemilek² ini yang asal ini termasuk dalam gulongan² yang tidak di-ingini, dan saya mengeshorkan orang² yang tidak

di-ingini masok juga di-dalam Undang² Jenayah, meregisterkan orang² yang kita minta registerkan tadi.

Yang akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, kita nampak Undang² ini baik pada zat-nya sendiri, tetapi di-bela-kang-nya boleh di-mainkan dan sudah ada bukti² yang nyata. Apa salah-nya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita serahkan kapada *select committee* atau pun kita *withdraw* buat sementara, kita kemukakan pada satu masa yang lain dan kita kemaskan. Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengaku² apabila ada timbul satu kepandaian yang boleh memainkan undang² ini, kita tidak teragak² mengemukakan Rang Undang² ini sa-mula dengan pindaan² baharu. Ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan berchakap general sahaja, sebab kalau ini general sahaja, memang di-mana² undang² kita buat bagitu, tetapi ini sudah ada bukti, sudah hampir. Saya rasa ini pendapat bukan datang dari pehak pembangkang dan tidak juga datang dari pehak Kerajaan sendiri atau pun *back-benchers*, tetapi datang dari sa-orang yang mempunya² bukti yang chukup dan kita mesti *salute* dalam perkara ini. Saya sanggup hendak memahkotakan sa-bagai Ratu Dewan Ra'ayat kita pada tahun 1969, dan dengan demikian saya mengeshorkan supaya Kerajaan menarek balek buat sementara, kemudian daripada itu menambah lagi apa vang patut di-tambah, atau pun di-serahkan kapada *Select Committee*.

Tuan Mohd. Zahir bin Haji Ismail (Sungai Patani): Tuan Yang di-Pertua, kita sakalian telah pun sedar di atas bahaya-nya jikalau sa-kira-nya tanah² ladang yang besar² itu di-benar di-pechal²kan dan di-jualkan dengan rinchip² dan perbuatan ini akan merosakkan iktisad negara kita. Bahkan di-dalam Dewan ini banyak daripada Ahli² yang telah pun meminta supaya undang² yang sa-rupa ini di-kemukakan dengan sa-berapa segera. Perkara yang kita berasa khuatir sekarang, ada-kah atau tidak undang² ini pada masa sekarang telah pun menjadi lambat dengan kerana telah pun banyak tanah² yang telah pun di-pechal²kan di-dalam negara kita. Dan sa-lain daripada itu, kita menunggu moga² undang² yang

akan di-keluarkan ini ia-lah satu undang² yang berkesan dan yang boleh menahankan segala pechahan² yang membawa kapada kerugian yang telah pun di-sebutkan oleh Yang Berhormat Wakil dari Kota Star Selatan dan Yang Berhormat dari Larut Utara tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa buku yang saya suka hendak kemukakan kapada Yang Berhormat Menteri berkenaan bersangkutan dengan undang² ini, sama ada undang² ini boleh berkesan atau pun tidak. Umpama-nya, Tuan Yang di-Pertua, undang² ini hanya menghadkan kapada "transfer by the proprietor" or "any co-proprietor of any estate land desiring to transfer," dan transfer itu di-buat di-bawah Seksyen 214 (A) Undang² Tanah Negara. Perkara yang membawa soal, ia-lah jikalau sa-kira-nya kita menghadkan kapada transfer, apa pula jika sa-kira-nya tuan punya tanah itu hendak memajakkan tanah-nya itu, ia-itu pajakan itu di-buat di-bawah Undang² Tanah, seksyen 221(1), dan di-bawah Undang² tanah itu di-bawah Seksyen 221 sub-seksyen (1) itu membolehkan tuan² tanah memajakkan—lease-kan—tanah-nya sa-hingga 99 tahun.

Jadi, yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, dengan senang-nya tuan² tanah, seperti yang di-sebutkan oleh Wakil dari Kota Star Selatan tadi, memajakkan tanah dan menyerahkan hak ketuanan sa-bagai sa-orang *lessor* kepada satu *lessee* sa-lama 99 tahun, dan sa-lepas itu boleh pula orang itu membuat satu option supaya pajak itu apabila sampai 99 tahun tempoh-nya, di-perpanjangkan lagi.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, perkara² yang telah pun di-keluarkan oleh saudara² saya tadi berkenaan dengan surat perjanjian yang ini tidak di-ambil titek-beratkan oleh Rang Undang² di-hadapan kita ini. Dan satu perkara lagi yang tidak di-sebutkan di-dalam Rang Undang² ini ia-lah "power of attorney," ia-itu "power of attorney" yang tidak boleh di-revokekan atau yang tidak boleh di-mansokhkan itu pun tidak di-ambil timbang di-dalam Rang Undang² ini. Jadi, elok-lah jikalau sa-kira-nya kita

mengadakan satu shart yang mengatakan mana² surat perjanjian atau pun mana² surat wakil atau power of attorney yang di-perbuat yang memechah²kan ladang² getah atau pun lain² ladang kapada lebeh daripada sa-orang maka segala surat² perjanjian itu atau pun surat wakil itu hendak-lah tidak sah daripada segi undang². Jikalau sa-kira-nya di-tambahkan satu ayat yang berbunyi sa-macham itu, saya rasa boleh lagi kechap Rang Undang² kita.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan perkataan "and the intending transferees" ia-itu di-muka pertama, line yang kebelakangan yang kedua daripada bawah, dan dalam borang itu pun di-gunakan perkataan "transferees" ia-itu dalam plural, tetapi di-kehendaki Undang² ini kapada sa-orang, dia kata tidak sah, tetapi perkataan di-sini di-gunakan "transferees" di-dalam banyak.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya hendak membawa perhatian kapada Kementerian ia-itu "estate land" yang di-tar'arifkan di-bawah Seksyen kecil (11) ia-lah kapada tanah² yang tidak kurang daripada 500 ekar; jikalau sa-kira-nya lebih daripada 500 ekar maka hendak-lah jikalau sa-kira-nya ia hendak menghebahkan dan menjualkan di-bawah Seksyen 214 (A) Undang² Kanun Tanah itu hendak-lah ia minta kebenaran daripada Lembaga yang di-lantek di-bawah Undang² ini. Jadi, jikalau sa-kira-nya tuan tanah itu mempunyai tanah² yang berdekatan, tetapi tiap² satu tanah itu ada-lah kurang daripada 500 ekar, champor ka-semua-nya 900 ekar, dan dia ada tiga Grant Title, dan satu² grant title itu ada 300 ekar. Jadi berma'ana dia boleh menjualkan tiap² satu grant itu kepada satu orang yang lain². Grant title "A" di-jualkan kapada satu orang yang jumlah-nya 300 ekar. Grant "B" di-jual kapada orang lain, kerana Undang² ini membenarkan di-jual kapada sa-orang tidak boleh lebeh daripada sa-orang. Sa-telah pula di-jualkan kapada tiga orang lain, maka orang lain ini telah pun mendapat tanah grant yang kurang daripada 500 ekar maka dia boleh pechah²kan kepada banyak orang pula, 10 ekar-kah

sa-orang, atau pun 5 ekar-kah sa-orang, kerana tanah-nya yang 300 ekar itu tidak lagi termasuk ka-dalam ta'arif estate land di-bawah sub-sekshen (11) ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, perkataan sub-sekshen (11), ia-itu line yang kebelakangan sa-kali "and the lots constituting such area are contiguous". Jadi, tiap² grant yang di-dalam 500 ekar itu kena-lah "contiguous" atau berkembar satu dengan yang lain. Tetapi jika sa-kira-nya tanah² itu tidak berkembar, maka tidak masok-lah tanah² itu di-dalam ta'arif ini. Saya rasa selalu-nya di-dalam perkara ini yang di-ta'arifkan sa-bagai estate ia-lah daripada segi *administration*. Jika sa-kira-nya satu² estate itu di-jalankan, "operated as one unit", maka di-panggilan satu estate tidak kira jikalau sa-kira-nya tanah-nya atau pun lot²-nya itu berselang dengan tanah² yang lain.

Jadi pada fikiran saya, jikalau sa-kira-nya perkataan "and the lots constituting such area are contiguous" di-ganti dengan "and such lots are being operated as one unit"; dengan tidak peduli-lah jikalau sa-kira-nya ada jalan tengah²-nya, sa-belah sini 300 ekar, sa-belah sana 300 ekar, dua²-nya jadi 600 ekar, maka tanah itu telah pun masok menjadi ta'arif estate land; kemudian tuan tanah tidak boleh-lah menjualkan tanah-nya itu melainkan mengikut sharat² yang di-tetapkan di-bawah Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandang apa yang saya sebutkan ini saya berharap-lah bahawa pehak Kementerian supaya mengkajikan mogar² jangan-lah Undang² yang kita luluskan di-dalam Dewan ini tidak memberi kesan atau pun tidak sampai kapada maksud dan chita² yang telah pun di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada sakalian Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan² yang bagitu membena, tegoran² yang sangat² berfaedah ka-pada Rang Undang² yang sedang di-binchangkan dalam Dewan ini seka-

rang. Pada keselurohan-nya, saya bersetuju dengan pandangan² Ahli² Yang Berhormat itu. Saya bersetuju juga terutama sa-kali dengan fikiran² dan chadangan² yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan mengenai *economic sabotage* dan lain².

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah akibat-nya daripada *economic dynasty* yang telah bermaharajalela di-negara kita beratus tahun. Kita baharu merdeka dalam masa lebih daripada 10 tahun sahaja. Jadi, dalam masa yang demikian sa-telah lama terpaksa menjaga masaalah keamanan di-dalam negeri, oleh kerana anchaman daripada pehak Kominis, jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam segala tindakan kita untuk menghapuskan *economic sabotage* atau pun *economic dynasty* daripada mana satu gulongan, kita terpaksa mengkaji langkah² yang sesuai dengan keadaan di-dalam negara kita. Jika, nampaknya, Kerajaan kita telah tidak mengambil langkah yang agak-nya saperti yang sangat² di-kehendaki oleh Ahli² Yang Berhormat ya'ani satu langkah yang berupa tegas, keras, chepat atau pun kasar sepak terajang-nya, ini berarti sa-telah menimbulang segala keadaan di-sekeliling kita Kerajaan mengambil keputusan elok di-jalankan sa-suatu tugas itu dengan sa-chara yang tidak akan merosakkan keadaan ekonomi, keselamatan dan juga persahabatan di-antara kita dengan negara² yang maseh kita harap boleh memberi kerjasama dan pertolongan untuk membangunkan negara kita sa-telah negara kita di-jajah bagitu lama.

Sa-bagaimana yang telah saya nyatakan pada mula-nya tadi, dan juga ini perkara yang biasa, saya tidak dapat menjamin bahawa Rang Undang² yang di-kemukakan ini akan 100 peratus boleh menchegahkan segala macham usaha syndicate yang mahu memechahkan estet² dan dengan chara demikian mungkin mendatangkan kerugian yang besar kapada negara kita. Di-samping itu, saya telah berjanji bahawa Kerajaan kita daripada satu masa ka-satu masa akan terus mengkaji dengan sa-chara teliti dan mendalam akan perkara ini dan akan mengambil tindakan yang sesuai supaya negara

kita tidak rugi dengan sebab perbuatan² saperti yang telah di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan.

Berhubung dengan tindakan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan mengenai mereka yang mempunyaï kad meraah ini sunggoh pun kita mengamalkan *collective responsibility*. Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah dapat saya hendak memberi jawapan yang tepat, kerana perkara ini ada-lah perkara di-bawah tanggong-jawab Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Menteri Hal Ehwal Luar Negeri. Saya akan kemukakan perkara ini kapada Menteri yang berkenaan untuk di-pertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, conscience saya terpaksa memaksa saya berterus terang dalam Dewan ini, sunggoh pun saya tidak tahu di-mana loopholes-nya sekarang, ada lagi yang mungkin telah tertinggal tidak di-masukkan dalam Rang Undang² ini yang boleh benar² menjamin bahawa segala usaha² tipu helah, segala daya, segala chara yang telah atau pun akan di-ambil oleh syndicate² pemecahan estet ini dapat kita chegahkan.

Undang² ini terpaksa kita bawa ke Dewan ini dengan tidak melupakan kapada satu prinsip yang besar, ya'ani tiap² sa-orang mempunyaï harta. Prinsip yang besar atau pun *general principle-nya*, prinsip umum-nya, ia-lah pemilek harta itu mempunyaï hak untuk menjual harta-nya kapada sa-siapa yang di-sukai-nya untuk menguruskan harta itu, menyerahkan urusan-nya kapada sa-siapa yang di-perchayaï-nya, tetapi prinsip ini terpaksa-lah kita menimbangkan juga daripada kepentingan negara, masaalah yang timbul, ada-kah sa-orang yang mempunyaï estet patut kita paksa—satu hujjah yang telah di-kemukakan manakala Kementerian saya menimbang Rang Undang² ini—ada-kah patut sa-saorang tuan punya estet itu di-tahan daripada menjual estet-nya

sa-mata² kerana supaya buroh tidak di-berhentikan kerja? Dengan kata² yang lain, boleh-kah tidak dari segi Perlembagaan-nya, atau pun dari segi prinsip umum-nya, sa-orang itu kita paksakan dengan sa-chara undang² untuk memberi pekerjaan kapada orang lain? Ini *basic principle* yang telah mengambil masa yang panjang di-binchang di-dalam Jema'ah Menteri. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini di-bawa dengan Kerajaan kita berpegang tegoh kapada prinsip yang telah saya sebutkan tadi, ya'ani tuan yang punya estet itu pada umum-nya berhak, berkuasa, dan tidak patut kita sentoh menjual estet-nya kapada sa-siapa juga yang di-sukai-nya. Tetapi di-samping itu pula, keadaan² mengenai pemecahan estet ini telah memaksa Kerajaan kita mengambil tindakan yang tidak akan merosakkan prinsip yang besar ini, tetapi saya sendiri mengaku akan lebih kurang menggigit sadikit kapada prinsip yang baharu saya nyatakan tadi, ya'ani sa-siapa yang akan menukar estet kapada dua orang atau pun lebih ya'ani 500 ekar tanah pertanian-nya itu dia mesti mendapat kebenaran dahulu daripada pehak berkuasa dalam negeri yang berkenaan.

Jadi, saya suka di-sini menjawab terus sekali kapada sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Kedah mengenai perkataan "*intending transferee*" di-dalam section baharu 214 (A), Sub-Section (4). "*Intending transferee*" tepat perkataan di-situ, kerana tujuan Rang Undang² ini menegahkan pemecahan estet, pemecahan di-dalam arti kata di-sini, akan mengakibatkan, melibatkan, pertukaran estet itu daripada satu kepada dua atau pun lebih. Jadi, ini-lah sebab perkataan "*intending transferees*" perkataan plural lebih daripada satu di-gunakan di-dalam 214 (A) sub-section (4).

Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu Rang Undang² ini Jadual-nya di-ubah saperti yang di-chadangkan oleh Ahli

Yang Berhormat dari Bachok, supaya *background* pemilek, asalkan penjual, dan lain² itu di-masuk dalam Jadual di-belakang Rang Undang² ini, oleh kerana di-bawah Section baharu 214 (A) sub-section (7) ada satu sharat yang memberi kuasa kepada Board yang akan di-lantek berhak meminta kenyataan² daripada orang yang mengemukakan permohonan—ini satu *clause, general clause*, yang memberi kuasa berupa ‘am.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir Yang Berhormat Menteri banyak lagi hendak menerangkan, ya’ani masa sudah chukup, saya fikir molek-lah di-tanggohkan.

Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.